

KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA  
Jabatan Pendidikan Negeri



# MODUL INTERVENSI PEMBELAJARAN

# SPM 2021

## PRINSIP PERAKAUNAN

Nama :.....

Kelas :.....

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

## PANEL PENULIS

BIL	NAMA	SEKOLAH
1	AZHAR BIN ALI	SMK BADRUL ALAM SHAH
2	SURIYANI BT MD.SUKOR	SM SAINS SULTAN MAHMUD
3	HASNITA BT OMAR	SMK SERI PAYONG
4	FAZRI BIN MOHD	SMK SULTAN OMAR
5	MOHD AZMAN BIN MUSTHAFA	SMK BUKIT SAWA
6	SUNITA BINTI ABDULLAH	SMK CHUNG HWA WEI SIN
7	WAN JUNAIDAH BT WAN SEMBOK	SMK PADANG NEGARA
8	RUDIANI BT AZMI	SMA SULTAN ZAINAL ABIDIN LADANG

**MODUL 1: PENGENALAN KEPADA PERAKAUNAN & KLASIFIKASI AKAUN DAN PERSAMAAN PERAKAUNAN**

- 1 Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan subbidang perakaunan.

Melibatkan kerja-kerja pengawalan, perancangan dan menyediakan maklumat untuk pengguna dalaman

Apakah subbidang tersebut?

- A Perakaunan pengurusan
  - B Perakaunan kewangan
  - C Pengauditan
  - D Percukaian
- 2 Perniagaan Sofea telah merekodkan bayaran sewa RM1 250 termasuk sewa belum bayar RM250 dalam penyata kewangan perniagaan. Apakah prinsip perakaunan yang diamalkan oleh beliau?
- A Ketekalan
  - B Prinsip kos
  - C Wang sebagai ukuran
  - D Pengiktirafan hasil dan belanja

- 3 Pernyataan berikut menerangkan suatu ciri kualitatif Penyata Kewangan.

Maklumat dalam Penyata Kewangan mestiah bebas daripada kesilapan material dan tiada unsur berat sebelah serta pelaporannya tidak mengelirukan

Berpandukan pernyataan di atas, apakah ciri kualitatif Penyata Kewangan yang dimaksudkan?

- A Kebolehahaman
  - B Kebolehsahan
  - C Perwakilan benar
  - D Kebolehbandingan
- 4 Apakah yang dimaksudkan dengan 'liabiliti tidak terhad'?
- A Perniagaan mendapat pembiayaan bank tanpa had.
  - B Perniagaan mempunyai kapasiti hutang yang besar.
  - C Pemilik diberikan kepercayaan untuk mendapatkan pinjaman daripada pihak ketiga
  - D Pemilik membayar hutang dengan aset peribadi jika aset perniagaan tidak mencukupi
- 5 Puan Melia mengambil RM500 daripada perniagaan untuk membayar yuran kelas piano anaknya dan tidak direkod sebagai ambilan. Apakah andaian atau prinsip yang tidak dipatuhi oleh beliau.
- A Prinsip kos
  - B Entiti berasingan
  - C Wang sebagai ukuran
  - D Pengiktirafan hasil dan belanja

6 Situasi berikut berkaitan dengan perniagaan Encik Mathu.

Encik Mathu memulakan perniagaan futsal pada 1 Mac 2020. Tempoh perakaunannya berakhir pada setiap enam bulan.

Berdasarkan situasi di atas, pernyataan manakah menepati tempoh perakaunan tersebut.

- A 1 Mac 2020 hingga 30 April 2020
- B 1 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020
- C 1 Mac 2020 hingga 31 Ogos 2020
- D 1 Mac 2020 hingga 28 Feb 2021

7 Pilih padanan yang sesuai.

	Nama Akaun	Jenis Akaun
I	Gaji	Belanja
II	Dividen	Hasil
III	Faedah atas pinjaman	Liabiliti
IV	Faedah atas simpanan	Aset

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8 Pada akhir tempoh perakaunan, buku perniagaan Timah Desa Enterprise menunjukkan baki-baki berikut:

	RM
Aset	121 800
Liabiliti	33 500

Berapakah modal awal perniagaan sekiranya Timah Desa Enterprise mendapat keuntungan sebanyak RM6 800?

- A RM6 800
- B RM81 500
- C RM88 300
- D RM95 100

9 Urus niaga berikut diperoleh daripada buku Kedai Jaya Terus:

Jual barang niaga berkos RM3 200 dengan harga RM4 400 secara kredit.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap aset dan liabiliti?

	Inventori RM	Akaun Belum Terima RM	Modal RM
A	3 200	1 200	4 400
B	3 200	(4 400)	(1 200)
C	(3 200)	4 400	1 200
D	4 400	1 200	3 200

10. Urus niaga manakah yang akan menambahkan jumlah modal?

- A Keuntungan atas pelupusan kenderaan RM2 200
- B Memberi diskaun kepada Akaun Belum Terima RM120
- C Menjual sebuah kenderaan lama secara kredit RM35 000
- D Mengambil barang niaga untuk kegunaan keluarga RM4 300

11. Antara berikut, yang manakah rumus persamaan perakaunan yang betul?

- I Aset + Belanja = Liabiliti – Modal – Hasil
- II Aset + Belanja = Liabiliti + Modal + Hasil
- III Aset = Liabiliti + Modal – Rugi bersih
- IV Aset = Liabiliti + Modal – Hasil – Belanja

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV

12. Pemilik Kedai Pasu Bunga Besar telah membawa masuk sebuah komputer peribadi ke dalam perniagaannya.

Apakah kesan urus niaga tersebut ke atas persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan
B	Berkurang	Berkurang	Tiada kesan
C	Berkurang	Tiada kesan	Berkurang
D	Bertambah	Tiada kesan	Bertambah

13. Maklumat berikut diperolehi daripada Selamat Stationery:

	RM
Aset	61 200
Belanja	8 500
Modal	59 200
Liabiliti	11 700
?	1 200

Apakah butiran yang sesuai untuk nilai RM1 200?

- A Rugi bersih
- B Untung Bersih
- C Komisen diterima
- D Kadar bayaran belum bayar

14. Pernyataan manakah yang menunjukkan ciri aset bukan semasa?

- A Mudah ditukar menjadi tunai
- B Dimiliki untuk tujuan dijual semula
- C Boleh digunakan untuk tujuan jangka masa panjang
- D Boleh digunakan untuk tempoh masa yang pendek

15. Urus niaga berikut diperolehi daripada Kedai Makan Ummi:

Belanja ubah suai kedai dibayar dengan pinjaman bank sebanyak RM50 000.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap aset, liabiliti dan ekuiti pemilik Kedai Makan Umami?

- A Aset bertambah, Liabiliti bertambah, Ekuiti pemilik berkurang
- B Aset bertambah, Liabiliti berkurang, Ekuiti pemilik tidak berubah
- C Aset bertambah, Liabiliti tidak berubah, Ekuiti pemilik bertambah
- D Aset bertambah, Liabiliti bertambah, Ekuiti pemilik tidak berubah

16 Padanan manakah yang betul

	Catatan Kontra	Akaun Berkaitan
A	Akaun Ambilan	Akaun Modal
B	Akaun Belum Terima	Akaun Peruntukan Hutang Ragu
C	Akaun Kenderaan	Akaun Susut Nilai Terkumpul
D	Akaun Jualan	Akaun Belum Terima

17 Carta Akaun Kedai Firdaus Maju adalah seperti berikut?

Kod	Akaun
1000 - 1999	Aset
2000 - 2999	Liabiliti
3000 - 3999	Hasil
4000 - 4999	Belanja

Kod manakah sesuai diberikan kepada Akaun Kadar Bayaran

- A 1021
- B 2021
- C 3021
- D 4021

18 Antara klasifikasi akaun berikut yang manakah betul?

	Aset Semasa	Aset Bukan Semasa
I	Insurans prabayar	Alat tulis
II	Tunai	Alatan pejabat
III	Komisen belum terima	Mesin fotostat
IV	Deposit diterima	Susut nilai Mesin fotostat

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

19 Urus niaga berikut diperoleh daripada Kedai Dobi Mesra:

Belanja ubah suai kedai dobi dibayar dengan pinjaman bank sebanyak RM30 000.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap aset, liabiliti dan ekuiti pemilik Kedai Dobi Mesra?

- A Aset bertambah, Liabiliti bertambah, Ekuiti pemilik berkurang
- B Aset bertambah, Liabiliti berkurang, Ekuiti pemilik tidak berubah
- C Aset bertambah, Liabiliti tidak berubah, Ekuiti pemilik bertambah
- D Aset bertambah, Liabiliti bertambah, Ekuiti pemilik tidak berubah

20 Berikut adalah Carta Akaun Kedai Firdaus Maju..

Kod	Akaun
1000 - 1999	Aset
2000 - 2999	Liabiliti
3000 - 3999	Hasil
4000 - 4999	Belanja

Akaun manakah yang betul bagi kod 1250?

- A Simpanan Tetap
- B Susut nilai Alatan Pejabat
- C Dividen
- D Gaji

## MODUL 2: DOKUMEN, BUKU CATATAN PERTAMA, LEJAR DAN IMBANGAN DUGA

1 Situasi bagaimanakah yang menyebabkan penjual mengirimkan Nota Debit kepada pembeli?

- I Pembeli dikenakan caj angkutan
  - II Pembeli memulangkan barang niaga kerana salah jenama
  - III Pembeli dikenakan faedah kerana lewat membuat pembayaran
  - IV Pembeli menerima kuantiti barang yang kurang daripada kuantiti yang dipesan
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

2 Apakah tujuan diskaun niaga diberikan?

- A Menarik lebih ramai pelanggan
- B Menggalakkan pembeli membayar dengan segera
- C Mengelakkan berlaku hutang lapuk dalam perniagaan
- D Menggalakkan pembeli membeli dengan kuantiti yang banyak

3 Urus niaga berikut diambil daripada Kedai Runcit Ramasamy:

Muthusamy memulangkan barang niaga yang rosak bernilai RM220

Apakah dokumen sumber yang terlibat?

- A Invois
- B Bil Tunai
- C Nota Debit
- D Nota Kredit

4 Pernyataan manakah yang menerangkan urus niaga di bawah?

ASAL		3451		
INVOIS Aiman Trading Lot. 22, Jalan Yahaya Ahmad, 23000 Dungun, Terengganu				
		Tarikh: 11 Julai 2019		
Kepada: Kedai Kasut Raes 8 Jalan Kenanga 23000 Dungun, Terengganu				
Bil	Butir	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah
1	Kusut Cocco	20	RM 50	RM 1 000
			Tolak: Diskaun niaga	100
			Jumlah	900
Ringgit Malaysia: Seribu Seratus Sahaja Syarat: 5% 10 hari, 2% 30 hari K & K di K Ikhwan Penerima				Aiman Pengurus

- A Aiman Trading menjual kasut kepada Kedai Kasut Raes secara tunai
- B Kedai Kasut Raes menjual kasut kepada Aiman Trading secara tunai
- C Aiman Trading menjual kasut kepada Kedai Kasut Raes secara kredit
- D Kedai Kasut Raes menjual kasut kepada Aiman Trading secara kredit

5 Pilih padanan yang betul

	DOKUMEN	KETERANGAN
A	Slip Deposit cek	Slip bayaran yang dikeluarkan daripada mesin daftar tunai
B	Slip wang masuk	Borang yang diisi apabila cek dibankkan.
C	Slip Pindahan Wang	Dokumen yang diisi untuk membuat pindahan wang.
D	Slip Transaksi Perbankan Elektronik	Resit yang dikirim kepada pengguna melalui e-mel.

6 Antara berikut yang manakah akan direkodkan dalam Jurnal Am Kedai Elektrik Ali?

- I Pemilik membawa masuk tunai tambahan ke dalam perniagaan
- II Ambilan alat pendingin hawa untuk kegunaan kediaman pemilik
- III Jualan peti sejuk secara kredit
- IV Diskaun diberi dibatalkan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

7 Petikan Buku Tunai (sebelah debit) berikut diambil daripada Mawar Trading:

Buku Tunai (petikan)				
Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2019		RM	RM	RM
April 6	Teko Enterprise	80		520

Urus niaga manakah yang sesuai bagi catatan tersebut?

- A Jualan tunai kepada Teko Enterprise dan memberi diskaun
- B Belian tunai daripada Teko Enterprise dan menerima diskaun
- C Penerimaan cek daripada Teko Enterprise dan memberi diskaun
- D Pembayaran kepada Teko Enterprise dengan cek dan menerima diskaun

8 Sistem Panjar digunakan dalam penyediaan

- A Jurnal Am
- B Jurnal Khas
- C Buku Tunai
- D Buku Tunai Runcit

9 Maklumat berikut diperolehi daripada Buku Tunai Runcit Perniagaan Rose:

2019		RM
Mac 1	Jumlah penerimaan	350
Mac 31	Jumlah pembayaran	225
Mac 31	Baki akhir	125

Berapakah jumlah wang yang perlu dituntut daripada Ketua Juruwang mengikut Sistem Panjar?

- A RM125
- B RM225
- C RM350
- D RM475

10 Antara berikut, manakah **bukan** kepentingan jurnal dalam perakaunan?

- A Memudahkan dalam penyediaan dokumen
- B Mengurangkan kesilapan catatan dalam merekod
- C Memudahkan kerja-kerja merekod catatan bergu ke dalam lejar
- D Mendapatkan gambaran yang jelas mengenai sesuatu urusan niaga

11 Urus niaga manakah **tidak** dicatatkan ke dalam jurnal am?

- A Peniaga membawa masuk sebuah komputer untuk kegunaan pejabat
- B Menghapuskan akaun penghutang sebagai hutang lapuk
- C Ambilan barang niaga untuk kegunaan keluarga
- D Membeli barang niaga secara kredit

12 Apakah kegunaan buku tunai runcit?

- A Merekod belanja kecil
- B Mengawal wang masuk dan wang keluar
- C Mencatat semua penerimaan dan pembayaran tunai
- D Memastikan perniagaan mempunyai wang yang cukup untuk dibelanjakan

13 Baki-baki berikut diperolehi daripada Perniagaan Orkid pada 1 Mac 2020.

	RM
Kenderaan	60 000
Bank (overdraf)	3 500
Sewa belum terima	1 500

Manakah catatan merekod dalam Jurnal Am yang betul?

Jurnal Am

A	Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
	1 Mac 2020	Kenderaan Bank Sewa belum terima Modal (Baki-baki perniagaan pada 1 Mac 2020)	60 000 3 500 1 500	60 000

Jurnal Am

B	Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
	1 Mac 2020	Kenderaan Bank Sewa belum terima Modal (Baki-baki perniagaan pada 1 Mac 2020)	60 000 3 500	1 500 60 000

Jurnal Am

C	Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
	1 Mac 2020	Kenderaan Sewa belum terima Bank Modal (Baki-baki perniagaan pada 1 Mac 2020)	60 000 1 500	3 500 58 000

Jurnal Am

D	Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
	1 Mac 2020	Kenderaan Bank Sewa belum terima Modal (Baki-baki perniagaan pada 1 Mac 2020)	60 000	3 500 1 500 58 000

14 Jurnal berikut diperoleh dari Kedai Amin.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit RM	Kredit RM
2020 Feb 9	Alatan pejabat Murni Enterprise X		2 800	2 800

Apakah keterangan yang sesuai dengan X?

- A Beli komputer secara tunai
- B Beli komputer secara kredit
- C Menjual komputer secara kredit
- D Membawa masuk komputer peribadi ke dalam perniagaan

15 Berikut ialah maklumat dari Lejar Perniagaan Ramadhon

2019		RM
Jan. 1	Baki debit Lejar Jualan	8 690
Dis. 31	Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	52 430
	Diskaun diberi	1 260
	Pulangan masuk	1 680
	Hutang lapuk	550
	Baki debit Lejar Jualan	9 720

Berapakah jumlah jualan Kredit.

- A RM38 540
- B RM47 230
- C RM55 920
- D RM56 950

16 Perniagaan Bestari merekod urus niaga melibatkan tunai ke dalam Buku Tunai dan Buku Tunai Runcit. Apakah kegunaan Buku Tunai Runcit?

- A Merekod belanja kecil
- B Mengawal wang masuk dan wang keluar
- C Mencatat semua penerimaan dan pembayaran tunai
- D Memastikan perniagaan mempunyai wang yang cukup untuk dibelanjakan

17 Jurnal berikut diperoleh daripada Kedai Poorini:

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit RM	Kredit RM
2020 Feb 9	Alatan pejabat Mimi Enterprise ( X )		2 800	2 800

Apakah keterangan yang sesuai dengan X?

- A Membeli komputer secara tunai
- B Membeli komputer secara kredit
- C Menjual komputer secara kredit
- D Membawa masuk komputer peribadi untuk kegunaan perniagaan

18 Apakah catatan bergu untuk urus niaga berikut?

Membeli barang niaga secara kredit daripada Pembekal Pelangi

	Debit	Kredit
A	Barang niaga	Akaun Belum Bayar
B	Belian	Pembekal Pelangi
C	Belian	Tunai
D	Tunai	Belian

19 Apakah jenis lejar bagi Akaun Kenderaan?

- A Lejar Am
- B Lejar Belian
- C Lejar Jualan
- D Lejar Subsidiari

20 Antara berikut, urus niaga manakah melibatkan penyediaan akaun nyata?

- A Menerima pinjaman bank.
- B Membayar sewa premis dengan cek.
- C Membayar belanja membaiki kenderaan.
- D Membawa masuk komputer peribadi ke dalam perniagaan.

21 Pada 21 Disember 2019, Kedai Elektrik Erma membeli 5 unit penyaman udara berjumlah RM5 000 daripada Deela Electrical.

Apakah catatan lejar untuk merekod urus niaga tersebut?

	Akaun Didebitkan	Akaun Dikreditkan
A	Deela Electrical RM5 000	Akaun Kelengkapan RM5 000
B	Akaun Kelengkapan RM5 000	Deela Electrical RM5 000
C	Akaun Belian RM5 000	Deela Electrical RM5 000
D	Deela Electrical RM5 000	Akaun Belian RM5 000

22 Dokumen berikut diterima oleh Encik Ikhwan, pemilik Kedai Kasut Conserve:

ASAL	3451			
INVOIS Perabot Chong Lot. 22, Jalan Yahaya Ahmad, 23000 Dungun, Terengganu				
Tarikh: 11 Julai 2019				
Kepada: Kedai Kasut Conserve 8 Jalan Kenanga 23000 Dungun, Terengganu				
Bil	Butir	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah
1	Meja pejabat	2	RM 550	RM 1 100
			Tolak: Diskaun niaga	1 100
			Jumlah	-
				1 100
Ringgit Malaysia: Seribu Seratus Sahaja Syarat: 5% 10 hari, 2% 30 hari K & K di K Ikhwan Penerima				
				Chong Pengurus

Catatan manakah yang betul bagi urus niaga tersebut?

A

	Perabot Chong	
	Belian	RM 1 100

Akaun Belian	
	RM
Perabot Chong	1 100
B	
Kedai Kasut Conserve	
	RM
Jualan	1 100
C	
Akaun Jualan	
	RM
	Kedai Kasut Conserve 1 100
D	
Akaun Perabot	
	RM
Perabot Chong	1 100
E	
Perabot Chong	
	RM
	Perabot 1 100
F	
Akaun Perabot	
	RM
Kedai Kasut Conserve	1 100
G	
Kedai Kasut Conserve	
	RM
	Perabot 1 100

23 Jurnal Belian berikut diambil daripada buku Perniagaan Antifa pada 31 Ogos 2019:

Jurnal Belian			
Tarikh	Butir	No. Dokumen	Jumlah (RM)
2019			
Ogos 16	Perniagaan Massaq	INV2644	3 500
23	Langgam Enterprise	INV1948	<u>1 070</u>
31	Akaun Belian		<u>4 570</u>

Apakah catatan dalam Akaun Belian pada 31 Ogos 2019?

A	
Akaun Belian	
	RM
Perniagaan Massaq	3 500
Langgam Enterprise	1 070
B	
Akaun Belian	
	RM
Pelbagai belian	4 570

C		Akaun Belian	
		RM	
Jurnal belian		4 570	

D		Akaun Belian	
		RM	
Akaun Belum Bayar		4 570	

- 24 Antara berikut, yang manakah **bukan** tujuan Akaun Kawalan disediakan?
- A Untuk mengimbangkan Lejar Am  
 B Memudahkan perniagaan memaksimumkan keuntungan  
 C Memudahkan jumlah baki keseluruhan Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar dihitung  
 D Untuk menyemak ketepatan catatan dalam Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar
- 25 Butiran manakah yang akan direkodkan dalam Akaun Kawalan Belum Bayar?
- I Diskaun diberi  
 II Diskaun diterima  
 III Belian tunai  
 IV Pulangan keluar
- A I dan II  
 B I dan III  
 C II dan III  
 D II dan IV
- 26 Dalam keadaan manakah Akaun Kawalan Belum Terima mempunyai baki kredit?
- I Akaun Belum Terima memulangkan barang selepas menjelaskan hutang.  
 II Akaun Belum Terima menerima diskaun selepas menjelaskan hutang.  
 III Bayaran Akaun Belum Terima kurang daripada hutangnya.  
 IV Akaun Belum Terima dikenakan faedah.
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
- 27 Apakah fungsi Imbangan Duga?
- A Menghitung jumlah modal  
 B Menyemak ketepatan catatan bergu  
 C Mengira untung kasar dan untung bersih  
 D Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan



Kiki Cola Sdn. Bhd. telah mewujudkan peruntukan hutang ragu sebanyak 6% atas Akaun Belum Terima bersih. Hitungkan peruntukan hutang ragu pada 31 Disember 2016.

- A RM1 218
- B RM1 200
- C RM1 182
- D RM900

3 Data berikut diperoleh daripada buku Guntung Enterprise pada 31 Disember 2017:

	RM
Untung kasar	20 000
Sewa	3 600
Gaji	4 200
Kenderaan	6 000
Tunai	500
Kadar bayaran	1 800

Hitungkan untung bersih perniagaan tersebut bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

- A RM3 900
- B RM4 400
- C RM9 900
- D RM10 400

4 Maklumat berikut diperlukan untuk penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan **kecuali**

- A Inventori awal
- B Modal awal
- C Gaji prabayar
- D Inventori alat tulis

5 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Afendy pada 31 Disember 2017:

2017		RM
Jan. 1	Inventori alat tulis	20
Dis. 31	Inventori alat tulis	60

Sepanjang tahun 2017, Perniagaan Afendy telah membeli alat tulis berjumlah RM250. Antara berikut cara yang manakah betul bagi merekodkan belanja alat tulis ke dalam Akaun Untung Rugi?

- | <p>A</p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th colspan="3" style="text-align: center;">Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir<br/>31 Disember 2017</th> </tr> <tr> <th style="width: 10%;"></th> <th style="width: 40%; text-align: right;">RM</th> <th style="width: 50%; text-align: right;">RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Alat tulis</td> <td style="text-align: right;">60</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>  | Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir<br>31 Disember 2017 |    |  |  | RM | RM | Alat tulis | 60  |  | <p>C</p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th colspan="3" style="text-align: center;">Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir<br/>31 Disember 2017</th> </tr> <tr> <th style="width: 10%;"></th> <th style="width: 40%; text-align: right;">RM</th> <th style="width: 50%; text-align: right;">RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Alat tulis</td> <td style="text-align: right;">250</td> <td></td> </tr> </tbody> </table> | Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir<br>31 Disember 2017 |  |  |  | RM | RM | Alat tulis | 250 |  |
|--|---|----|--|--|----|----|------------|-----|--|--|---|--|--|--|----|----|------------|-----|--|
| Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir<br>31 Disember 2017  |   |    |  |  |    |    |            |     |  |  |   |  |  |  |    |    |            |     |  |
|  | RM  | RM |  |  |    |    |            |     |  |  |   |  |  |  |    |    |            |     |  |
| Alat tulis   | 60  |    |  |  |    |    |            |     |  |  |   |  |  |  |    |    |            |     |  |
| Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir<br>31 Disember 2017  |   |    |  |  |    |    |            |     |  |  |   |  |  |  |    |    |            |     |  |
|  | RM  | RM |  |  |    |    |            |     |  |  |   |  |  |  |    |    |            |     |  |
| Alat tulis   | 250   |    |  |  |    |    |            |     |  |  |   |  |  |  |    |    |            |     |  |
| <p>B</p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th colspan="3" style="text-align: center;">Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir<br/>31 Disember 2017</th> </tr> <tr> <th style="width: 10%;"></th> <th style="width: 40%; text-align: right;">RM</th> <th style="width: 50%; text-align: right;">RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Alat tulis</td> <td style="text-align: right;">210</td> <td></td> </tr> </tbody> </table> | Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir<br>31 Disember 2017 |    |  |  | RM | RM | Alat tulis | 210 |  | <p>D</p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th colspan="3" style="text-align: center;">Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir<br/>31 Disember 2017</th> </tr> <tr> <th style="width: 10%;"></th> <th style="width: 40%; text-align: right;">RM</th> <th style="width: 50%; text-align: right;">RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Alat tulis</td> <td style="text-align: right;">290</td> <td></td> </tr> </tbody> </table> | Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir<br>31 Disember 2017 |  |  |  | RM | RM | Alat tulis | 290 |  |
| Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir<br>31 Disember 2017  |   |    |  |  |    |    |            |     |  |  |   |  |  |  |    |    |            |     |  |
|  | RM  | RM |  |  |    |    |            |     |  |  |   |  |  |  |    |    |            |     |  |
| Alat tulis   | 210   |    |  |  |    |    |            |     |  |  |   |  |  |  |    |    |            |     |  |
| Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir<br>31 Disember 2017  |   |    |  |  |    |    |            |     |  |  |   |  |  |  |    |    |            |     |  |
|  | RM  | RM |  |  |    |    |            |     |  |  |   |  |  |  |    |    |            |     |  |
| Alat tulis   | 290   |    |  |  |    |    |            |     |  |  |   |  |  |  |    |    |            |     |  |

- 6 Petikan Akaun Perdagangan berikut diambil daripada Kedai Runcit Langkasuka:

Akaun Perdagangan Bagi Tahun Berakhir 31 Mei 2017			
	RM		RM
Inventori awal	2 000	Jualan	12 000
Belian	6 000		
	8 000		
(-) Inventori akhir	3 000		
<b>Q</b>	<b>5 000</b>		

Apakah Q?

- A Kos Jualan  
 B Untung Kasar  
 C Untung Bersih  
 D Kos Barang Untuk Dijual
- 7 Antara yang berikut, yang manakah akan terlibat dalam penyediaan Akaun Perdagangan?
- I Jualan dan Belian  
 II Inventori Awal dan Inventori Akhir  
 III Angkutan Keluar dan Insurans  
 IV Duti Import dan Upah Atas Belian
- A I, II dan III  
 B I, II dan IV  
 C I, III dan IV  
 D II, III dan IV

- 8 Data berikut diperoleh daripada buku perniagaan Sungai Berua Enterprise.

	RM
Inventori akhir	5 850
Akaun Belum Terima	1 340
Lengkapan	6 000
Gaji belum bayar	450
Overdraf Bank	680

Berapakah modal kerja perniagaan ini?

- A RM6 060  
 B RM7 420  
 C RM9 380  
 D RM12 060
- 9 Deposit kadar bayaran dicatatkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai
- A Aset Semasa  
 B Liabiliti Semasa  
 C Aset Bukan Semasa  
 D Liabiliti Bukan Semasa
- 10 Apakah kesan ke atas Akaun Untung Rugi perniagaan jika jumlah hasil melebihi jumlah belanja?
- A Rugi kasar  
 B Rugi bersih  
 C Untung kasar  
 D Untung bersih



Berapakah kos jualan?

- A RM14 260                      C RM17 410  
B RM14 410                      D RM17 690

**MODUL 4 : PELARASAN PADA TARIKH IMBANGAN DAN  
PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL**

- 1 Apakah yang dimaksudkan dengan hutang lapuk terpulih?
- A Hutang lapuk dihapuskan  
B Hutang yang akan dikutip  
C Hutang yang dianggarkan tidak dapat dikutip  
D Hutang yang dikutip semula setelah dihapuskan
- 2 Di bahagian manakah kadar bayaran belum bayar direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan?
- A Hasil                                      C Aset Semasa  
B Belanja                                  D Liabiliti Semasa

- 3 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Azza bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Insurans setahun	RM2 400
Tarikh insurans bermula	1 Jun 2017

Berapakah nilai insurans yang direkod dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017?

- A Insurans prabayar RM1 000  
B Insurans prabayar RM1 200  
C Insurans belum bayar RM1 000  
D Insurans belum bayar RM1 400
- 4 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Suhaila pada 31 Disember 2017.

	RM
Sewa belum bayar 1 Januari 2017	1 200
Bayaran sewa	7 600
Sewa tahunan	7 200

Berapakah sewa belum bayar bagi tahun tersebut?

- A RM400                                      C RM1 200  
B RM800                                      D RM1 600
- 5 Komisen belum terperoleh dicatatkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai
- A Aset Semasa  
B Liabiliti Semasa  
C Aset Bukan Semasa  
D Liabiliti Bukan Semasa

- 6 Pemilik Butik Anggun Bestari telah membeli insurans untuk kedainya pada 1 Jun 2017 dengan premium tahunan RM840. Tempoh perakaunannya berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Pelarasannya manakah yang menerangkan pernyataan tersebut?

- A Insurans belum bayar RM420  
 B Insurans belum bayar RM350  
 C Insurans prabayar RM420  
 D Insurans pra bayar RM350
- 7 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunan Restoran Tomyam Afiq:

Akaun Insurans					
2017		RM	2017		RM
April 30	Bank	3 000	April 30	Untung Rugi	2 400
				Baki h/b	600

Pernyataan manakah yang menerangkan catatan lejar tersebut?

- A Insurans yang sepatutnya RM3 000  
 B Insurans telah dibayar RM2 400  
 C Insurans prabayar RM600  
 D Insurans belum bayar RM600
- 8 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Mega Jaya Sdn. Bhd pada 31 Disember 2017:

	RM
Akaun Belum Terima	9 600
Akaun Belum Bayar	15 400
Peruntukan hutang ragu (1 Januari 2017)	250

Peruntukan hutang ragu diselarasakan 2% atas Akaun Belum Terima.

Berapakah amaun peruntukan hutang ragu yang perlu dicatatkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017?

- A RM192  
 B RM250  
 C RM308  
 D RM442
- 9 Perniagaan Tan membeli alat tulis bernilai RM380 pada tahun 2017. Pada 31 Disember 2017, sebanyak RM60 alat tulis masih belum digunakan.

Pilih catatan yang betul dalam penyata kewangan.

	Ak. Perdagangan dan Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
A	Alat tulis RM380	Inventori alat tulis RM60
B	Alat tulis RM320	Inventori alat tulis RM380
C	Alat tulis RM320	Inventori alat tulis RM60
D	Alat tulis RM60	Inventori alat tulis RM320

10 Catatan bergu yang manakah digunakan untuk merekod pelanggan yang tidak mampu membayar hutangnya.

	Debit	Kredit
A	Akaun Hutang Lapuk	Akaun Belum Terima
B	Akaun Belum Terima	Akaun Hutang Lapuk
C	Akaun Belum Terima	Akaun Untung Rugi
D	Akaun Untung Rugi	Akaun Belum Terima

11 Komisen belum terima dicatatkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai

- A Aset Semasa
- B Liabiliti Semasa
- C Aset Bukan Semasa
- D Liabiliti Bukan Semasa

12 Sewa belum terperoleh dicatat dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai

- A Aset Semasa
- B Liabiliti Semasa
- C Aset Bukan Semasa
- D Liabiliti Bukan Semasa

13 Perniagaan Nasya Jaya membeli sebuah kenderaan bernilai RM75 000. Penggunaannya dijangka selama 10 tahun. Pada akhir tempoh penggunaan, nilai skrap dianggarkan RM5 000.

Berapakah susut nilai tahunan kenderaan tersebut?

- A RM12 500
- B RM8 000
- C RM7 500
- D RM7 000

14 Fatimah Trading membeli sebuah mesin pencetak bernilai RM4 000 dan penggunaannya dijangka selama 4 tahun. Pada akhir tempoh penggunaan, nilai skrap dianggarkan RM200.

Berapakah susut nilai terkumpul pada tahun ke 4 penggunaannya?

- A RM950
- B RM1 900
- C RM2 850
- D RM3 800

15 Haykal Enterprise telah membeli insurans kedai RM1 800 pada 1 September 2019 . Tempoh perakaunannya berakhir pada 30 Jun 2020.

Pilih padanan yang betul.

	Akaun Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
A	Insurans RM300	Insurans prabayar RM1 500
B	Insurans RM1 500	Insurans prabayar RM300
C	Insurans RM300	Insurans prabayar RM1 800
D	Insurans RM1 800	Insurans prabayar RM300

- 16 Berikut petikan Imbangan Duga Elisya Enterprise pada 30 April 2019.

Elisya Enterprise  
Imbangan Duga pada 30 April 2019

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Kenderaan (kos)	86 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		34 400

Maklumat tambahan:

Kenderaan disusut nilaikan 10% setahun mengikut harga kos.

Kenderaan telah dijual pada harga RM49 500 pada 30 April 2020. Berapakah untung atau rugi pelupusan kenderaan tersebut?

- A Untung pelupusan kenderaan RM6 500  
 B Untung pelupusan kenderaan RM23 700  
 C Rugi pelupusan kenderaan RM23 700  
 D Rugi pelupusan kenderaan RM6 500
- 17 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kedai Haziq pada 31 Disember 2019.

	RM
Mesin (kos)	40 000
Susut nilai terkumpul	8 000

Mesin tersebut dijual pada harga RM31 600 pada 31 Disember 2019.  
 Berapakah untung atau rugi pelupusan mesin itu.

- A Rugi pelupusan mesin RM400  
 B Rugi pelupusan mesin RM8 400  
 C Untung pelupusan mesin RM400  
 D Untung pelupusan mesin RM8 400
- 18 Maklumat berikut dipetik daripada buku Perniagaan Shaikhah:

**Imbangan Duga pada 31 Disember 2019 (petikan)**

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Terima	8 900	
Peruntukan hutang ragu		120

**Maklumat tambahan:**

Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 2% daripada Akaun Belum Terima bersih.

Berapakah Peruntukan hutang ragu yang akan direkodkan dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM298  
 B RM178  
 C RM120  
 D RM58
- 19 Petikan berikut diperolehi daripada Imbangan Duga Aniq Sdn Bhd pada 31 Disember 2019:

Aniq Sdn Bhd  
Imbangan Duga pada 31 Disember 2019

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Terima	3 600	
Hutang lapuk	200	
Peruntukan hutang ragu		150

Maklumat tambahan:

Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% atas Akaun Belum Terima bersih.

Berapakah amaun peruntukan hutang ragu direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A RM180                                  C RM30  
B RM170                                  D RM20

20 Data 3 diperoleh daripada buku perniagaan Maju Berkat Enterprise.

	<b>RM</b>
Inventori akhir	5 850
Akaun Belum Bayar	1 340
Perabot	6 000
Sewa belum bayar	2 450
Bank	10 680
Akaun Belum Terima	2 250

Data 3

Berapakah modal kerja perniagaan ini?

- A RM20 990                                  C RM14 990  
B RM19 170                                  D RM13 170

21 Faedah atas pinjaman belum bayar dicatat dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai

- A Aset Semasa                                  C Aset Bukan Semasa  
B Liabiliti Semasa                                  D Liabiliti Bukan Semasa

22 Maklumat kewangan berikut diambil daripada Salon Seri Lufh pada 29 Februari 2020:

	<b>RM</b>
Insurans prabayar	200
Gaji belum bayar	900
Bank	3 700
Inventori akhir	12 500
Perabot	6 800
Susut nilai terkumpul perabot	1 600
Akaun Belum Bayar	4 400

Berapakah modal kerja?

- A RM9 500                                  C RM11 100  
B RM10 700                                  D RM16 300

23 Cik Fasha, kerani akaun Anggun Mekar telah melakukan kesilapan catatan berikut:

Jualan kepada Cik Ain RM350 direkodkan ke dalam Akaun Cik Aina

Nyatakan jenis kesilapan tersebut.

- A Kesilapan prinsip  
B Kesilapan komisen  
C Kesilapan songsang  
D Kesilapan saling mengimbangi

24 Kesilapan berikut dilakukan oleh kerani akaun Syarikat The Cellups Berhad:

Jualan kredit kepada Rumah Bayang RM558 tersilap rekod sebagai RM585

Bagaimanakah kesilapan tersebut diperbetulkan dalam Jurnal Am?

	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
A	Jualan Rumah Bayang	27	27
B	Rumah Bayang Jualan	27	27
C	Jualan Rumah Bayang	585	585
D	Rumah Bayang Jualan	585	585

25 Petikan akaun berikut diperoleh daripada Vertical Speed Enterprise yang tersilap rekod:

Akaun Jualan			Akaun Bank		
2019	RM		2019	RM	
Sept 16	Bank	800	Sept 16	Jualan	800

Pilih catatan pembetulan dalam Jurnal Am yang tepat.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
A	Bank Jualan	800 800
B	Jualan Bank	800 800
C	Bank Jualan	1 600 1 600
D	Jualan Bank	1 600 1 600

26 Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku peniaga SS Jaya Enterprise:

Belian daripada Haziq RM2 000 telah tersalah catat dalam Akaun Haziqah

Catatan yang manakah membetulkan kesilapan tersebut?

A

Jurnal Am		
	Debit	Kredit
Haziqah Haziq	2 000	2 000

B

Jurnal Am		
	Debit	Kredit
Haziq Haziqah	2 000	2 000

C

Jurnal Am		
	Debit	Kredit
Haziq Haziqah	4 000	4 000

D

Jurnal Am		
	Debit	Kredit
Haziqah	4 000	
Haziq		4 000

**MODUL 5 : ANALISIS DAN TAFSIRAN PENYATA KEWANGAN**

1 Data berikut diambil daripada buku perniagaan Butik Sofiya.

	RM
Modal awal	90 000
Jualan	108 000
Belanja operasi	15 390
Untung kasar	28 350

Hitung peratus untung bersih atas jualan Butik Sofiya.

- A 10%
- B 12%
- C 15%
- D 16%

2 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan pelbagai firma bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

Firma	Untung Kasar (RM)	Untung Bersih (RM)	Modal Awal (RM)
Firma Mawar	300 000	135 000	600 000
Firma Orkid	255 000	120 000	750 000
Firma Melati	195 000	142 500	600 000
Firma Melur	150 000	75 000	450 000

Firma terbaik untuk membuat pelaburan ialah

- A Firma Mawar
- B Firma Orkid
- C Firma Melati
- D Firma Melur

3 Firma Sepakat Jaya mempunyai nisbah semasa 3 : 1 bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019. Apakah tafsiran yang betul mengenai maklumat tersebut.

- A Firma mempunyai nisbah kecairan yang rendah.
- B Firma tidak mampu menjelaskan hutang jangka pendek.
- C Bagi setiap RM3 liabiliti semasa, firma mempunyai RM1 aset semasa untuk menjelaskannya
- D Bagi setiap RM1 liabiliti semasa, firma mempunyai RM3 aset semasa untuk menjelaskannya

4 Dalam analisis nisbah kewangan, tokokan merujuk kepada .....

- A peratus untung kasar atas kos jualan
- B peratus untung bersih atas kos jualan
- C peratus untung kasar atas jualan bersih
- D peratus untung bersih atas jualan bersih



- 9 Data 2 menunjukkan kos pengeluaran Syarikat Lee Sdn. Bhd. yang mengeluarkan jam dinding Rhythm dengan harga jualan RM80 seunit.

	RM
Bahan mentah (seunit)	30
Buruh langsung (seunit)	20
Sewa kedai	10 000
Susut nilai aset tetap	50 000

Data 2

Syarikat itu ingin mendapatkan keuntungan sebanyak RM 9 000.  
Berapakah unit jam dinding Rhythm yang perlu dikeluarkan?

- A 1 000 unit  
B 1 380 unit  
C 2 000 unit  
D 2 300 unit
- 10 Data 3 diperoleh daripada buku akaun Perniagaan Zam bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.

Inventori awal	RM 7 320
Kos jualan	RM 38 500
Kadar pusing ganti stok	7 kali

Data 3

Hitungkan nilai Inventori akhir.

- A RM1 820  
B RM3 680  
C RM5 500  
D RM6 410

### MODUL 6: REKOD TAK LENGKAP

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Rita:

	RM
Modal awal	10 500
Modal akhir	15 000
Modal tambahan	1 500
Ambilan	800

Hitung untung bersih perniagaan tersebut.

- A RM3 000  
B RM3 700  
C RM3 800  
D RM4 500
- 2 Data berikut menunjukkan aset dan liabiliti Perniagaan Kasut Mei Mei pada 31 Januari 2017:

	RM
Kelengkapan	7 000
Inventori akhir	1 400
Akaun Belum Terima	2 100
Overdraf Bank	1 000
Sewa prabayar	900
Komisen belum terperoleh	550

Hitung modal pada tarikh tersebut.

- A RM9 150
- B RM9 850
- C RM10 050
- D RM11 850

3 Rumus berikut digunakan untuk mengira untung atau rugi sesuatu perniagaan:

$$\text{Modal Akhir} + X - Y - \text{Modal Awal}$$

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Modal tambahan	Ambilan
B	Modal kerja	Ambilan
C	Ambilan	Modal tambahan
D	Modal	Modal kerja

4 Berikut ialah Akaun Kawalan Belum Terima bagi Kedai Buku Rakyat:

2017		RM	2017		RM
Jan 1	Baki b/b	2 910	Jan 31	Bank	9 420
31	<b>M</b>	10 780		Pulangan masuk	480
				Baki h/b	3 790
		<u>13 690</u>			<u>13 690</u>

Namakan **M**

- A Jualan
- B Kontra
- C Hutang lapuk
- D Diskaun diberi

5 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Encik Muaz yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu:

	1 Januari 2017 RM	31 Disember 2017 RM
Akaun Belum Bayar	3 200	5 500

**Maklumat tambahan:**

- (i) Pulangan belian RM500
- (ii) Pembayaran kepada Akaun Belum Bayar RM4 200

Berapakah jumlah belian kredit?

- A RM1 400
- B RM2 400
- C RM6 000
- D RM7 000

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan Kedai Qisha yang tidak menyimpan rekod dengan lengkap:

Penyata Mengira Modal pada 1 Januari 2018

		RM
	P	45 500
Tolak	Q	<u>15 500</u>
		30 000

Apakah butiran P dan Q?

- A Hasil dan belanja  
 B Aset dan Liabiliti  
 C Modal akhir dan modal awal  
 D Aset semasa dan liabiliti semasa
- 7 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Sofia:

	RM
Modal 1 Januari 2017	42 600
Modal 31 Disember 2017	47 600
Ambilan	3 520

Apakah yang diperolehi Perniagaan Pia pada 31 Disember 2017?

- A Rugi RM1 480  
 B Rugi RM8 520  
 C Untung RM1 148  
 D Untung RM8 520
- 8 Antara berikut, yang manakah menyebabkan rekod perakaunan tak lengkap?
- I Menyimpan hanya rekod Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar  
 II Mencatat di Buku Tunai sahaja  
 III Merekod menggunakan sistem catatan bergu  
 IV Mencatat di buku catatan pertama dan pindahan ke lejar
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
- 9 Bagaimanakah untung bersih dikira jika peniaga mempunyai rekod tak lengkap?
- A Modal akhir + ambilan – modal awal – modal tambahan  
 B Modal awal – ambilan + modal akhir + modal tambahan  
 C Modal awal + modal tambahan – modal akhir – ambilan  
 D Modal akhir – modal awal + modal tambahan – ambilan
- 10 Situasi rekod tak lengkap yang manakah boleh berlaku dalam sesebuah perniagaan?
- A Tiada kawalan tunai dalam perniagaan  
 B Buku-buku akaun telah tercicir atau musnah  
 C Jumlah Imbangan Duga tidak dihitung dengan tepat  
 D Peniaga tidak merancang perbelanjaan dengan baik

11 Pilih perkara yang menyebabkan rekod perakaunan tak lengkap.

- I Mencatat di Buku Tunai sahaja
- II Merekod menggunakan sistem catatan bergu
- III Mencatat di buku catatan pertama dan pindahan ke lejar
- IV Menyimpan hanya rekod Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar

	Butir
A	I dan II
B	I dan IV
C	II dan III
D	III dan IV

12 Apakah kaedah yang digunakan untuk menentukan untung atau rugi perniagaan yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu?

- I Kaedah analisis
- II Kaedah perbandingan
- III Kaedah penilaian semula
- IV Kaedah margin caruman

A	I dan II
B	I dan IV

C	II dan III
D	III dan IV

13 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kedai Runcit Sejahtera pada 1 Januari 2018 yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu.

	RM
Inventori	11 900
Perabot	3 200
Bank	4 100
Akaun Belum Bayar	8 600
Akaun Belum Terima	1 700
Kadar bayaran belum bayar	110

Berapakah modal pada 1 Januari 2018 kedai tersebut?

- A RM8 790
- B RM12 190
- C RM12 410
- D RM29 610

14. Cik Maryam tidak menyimpan buku akaun dengan lengkap. Maklumat berikut diperolehi pada 31 Disember 2019.

2019		RM
Jan 1	Iklan belum bayar	280
Dis 31	Jumlah pembayaran iklan	540
	Iklan belum bayar	160

Berapakah jumlah iklan yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019?

- A RM420
- B RM540
- C RM660
- D RM980



Kirakan belian kredit.

- A RM100 000
- B RM150 000

- C RM180 000
- D RM230 000

**MODUL 7: PENYATA PENYESUAIAN BANK**

- 1 Apakah tujuan Penyata Penyesuaian Bank disediakan?
- A Mengetahui baki bank pada setiap akhir bulan
  - B Menyelaraskan baki di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank
  - C Memastikan ketepatan dan kesahihan rekod dalam Penyata Bank
  - D Menunjukkan sebab perbezaan baki antara Penyata bank dengan Buku Tunai kemas kini

- 2 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai Penyata Penyesuaian Bank.
- A Penyata yang disediakan oleh pihak bank untuk menyelaraskan baki Buku Tunai dengan baki Penyata Bank.
  - B Penyata yang disediakan oleh peniaga untuk menyelaraskan baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank.
  - C Penyata yang disediakan untuk memastikan ketepatan dan kesahan rekod dalam penyata supaya sebarang kesilapan dapat diperbetulkan.
  - D Penyata yang disediakan untuk menentukan jumlah tunai sebenar yang terdapat dalam perniagaan.

3 Petikan Buku Tunai dan Penyata Bank berikut diambil dari buku Perniagaan Ahmad:

Buku Tunai			
	2017		No. Cek RM
	Feb 6	Belian	453211 223

Penyata Bank			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2017		RM	RM
Feb 15	No. Cek 453211	232	

Apakah catatan yang betul dalam Buku Tunai yang dikemaskinikan?

- A
- | Buku Tunai |        |        |    |
|------------|--------|--------|----|
|            | 2017   |        | RM |
|            | Feb 28 | Belian | 9  |
- B
- | Buku Tunai |        |    |  |
|------------|--------|----|--|
| 2017       |        | RM |  |
| Feb 28     | Belian | 9  |  |
- C
- | Buku Tunai |        |        |     |
|------------|--------|--------|-----|
|            | 2017   |        | RM  |
|            | Feb 28 | Belian | 223 |
- D
- | Buku Tunai |        |        |     |
|------------|--------|--------|-----|
|            | 2017   |        | RM  |
|            | Feb 28 | Belian | 232 |

4 Pada 31 Januari 2018, Buku Tunai Lang Inn menunjukkan baki debit RM2 450 yang berbeza dengan baki di Penyata Bank. Perbezaan tersebut disebabkan oleh butir-butir berikut yang tidak dicatat dalam Buku Tunai:

	RM
Dividen – pindahan kredit	1 200
Insurans	540

Hitungkan baki Penyata Bank pada 31 Januari 2018.

- |           |           |
|-----------|-----------|
| A RM710   | C RM3 110 |
| B RM1 790 | D RM4 190 |

5 Maklumat berikut diperoleh daripada Abdul Wahab Sdn. Bhd.:

	RM
Baki Buku Tunai (overdraf)	1 600
Cek belum dikemukakan	2 900
Deposit belum dikreditkan	630

Berapakah baki akhir Penyata Bank?

- |           |             |
|-----------|-------------|
| A RM670   | C RM(3 870) |
| B RM3 870 | D RM(5 130) |

6 Kerani akaun Perumahan Kerak's Bhd mendapati baki amaun di Buku Tunai berbeza dengan baki di Penyata Bank. Apakah yang menyebabkan perbezaan baki tersebut?

- I Dividen
- II Deposit yang sudah dikreditkan
- III Kesilapan angka
- IV Cek tak layan

- |                 |                  |
|-----------------|------------------|
| A I, II dan III | C I, II dan IV   |
| B I, III dan IV | D II, III dan IV |

7 Penyata Penyesuaian Bank berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan:

<u>Penyata Penyesuaian Bank pada 28 Februari 2018</u>			
		RM	RM
	<b>P</b>		
Tambah :	Cek belum dikemukakan	500	
	Dividen	300	
		<hr style="width: 50px; margin-left: auto; margin-right: 0;"/>	800
			1 100
Tolak :	Cek belum dikreditkan	600	
	Insurans	700	
		<hr style="width: 50px; margin-left: auto; margin-right: 0;"/>	1 300
	<b>Q</b>		<u>(200)</u>

Apakah P dan Q?

	<b>P</b>	<b>Q</b>
A	Baki debit dalam Buku Tunai	Baki kredit dalam Penyata Bank
B	Baki kredit dalam Penyata Bank	Baki debit dalam Buku Tunai
C	Baki debit dalam Buku Tunai	Baki debit dalam Penyata Bank
D	Baki debit dalam Penyata Bank	Baki debit dalam Buku Tunai

- 8 Pilih butiran yang direkod dalam Penyata Bank yang menyebabkan berlakunya perbezaan antara baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank.
- I Buku cek  
II Faedah atas overdraf
- III Cek belum dikreditkan  
IV Cek belum dikemukakan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 9 Penyata Bank menunjukkan baki debit RM340. Apakah maksud baki debit dalam Penyata Bank?
- A Baki akhir Buku Tunai menunjukkan baki sebanyak RM340  
B Baki akhir Penyata Bank menunjukkan baki sebanyak RM340  
C Baki akhir Buku Tunai menunjukkan overdraf sebanyak RM340  
D Baki akhir Penyata Bank menunjukkan overdraf sebanyak RM340
- 10 Apakah yang menyebabkan perbezaan baki di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank?
- A Pembayaran dengan cek kepada pembekal telah didebitkan oleh pihak bank  
B Penerimaan cek daripada pelanggan telah dikreditkan oleh pihak bank  
C Peniaga merekodkan arahan tetap insurans di sebelah kredit Buku Tunai  
D Pelanggan membayar terus ke akaun peniaga di bank
- 11 Petikan Buku Tunai dan Penyata Bank berikut diperoleh daripada Kedai Haiwan Peliharaan Khalis pada 31 Mei 2020:

BukuTunai (Ruangan Bank)

	2020		<b>RM</b>
	Mei 16	Kedai Nemo (No. Cek: 331120)	2 833

Penyata Bank

Tarikh	Butir	No. Cek	Debit RM	Kredit RM	Baki RM
2020 Mei 18	Cek	331120	2 883		

Cek yang dikeluarkan pada 16 Mei 2020 telah tersilap catat dalam Buku Tunai.

Apakah catatan yang perlu dilakukan dalam Buku Tunai untuk membetulkan kesilapan tersebut?

- A Debit RM50  
B Kredit RM50  
C Debit RM2 883  
D Kredit RM2 883
- 12 Perniagaan Ali menerima Penyata Bank yang berbaki kredit RM3 200. Baki ini berbeza dengan baki Buku Tunai pada 31 Mac 2020 disebabkan perkara berikut:
- (i) Cek belum dikemukakan berjumlah RM540  
(ii) Kesilapan Buku Tunai terlebih debit RM50
- Hitung baki akhir yang ditunjukkan dalam Buku Tunai.
- A RM2 610  
B RM2 710  
C RM3 690  
D RM3 790

**MODUL 8: BELANJAWAN TUNAI**

- 1 Apakah yang dimaksudkan dengan Belanjawan Tunai?
- A Buku rekod wang masuk dan keluar serta baki di tangan  
 B Laporan wang yang diterima dan dibayar bagi tempoh tertentu  
 C Anggaran penerimaan dan pembayaran tunai untuk sesuatu tempoh  
 D Jumlah hasil yang diterima dan belanja yang dibayar untuk mengurus perniagaan
- 2 Antara yang berikut, yang manakah fungsi penyediaan Belanjawan Tunai?
- I Mengukur kemampuan tunai perniagaan  
 II Sebagai alat kawalan aliran tunai perniagaan  
 III Jaminan perniagaan memperoleh pembiayaan bank  
 IV Membandingkan prestasi perniagaan semasa dengan yang lepas.
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
- 3 Butir manakah direkodkan sebagai pembayaran dalam Belanjawan Tunai?
- A Susut nilai aset  
 B Jualan tunai  
 C Hutang lapuk  
 D Bayar sewa kedai
- 4 Butiran manakah yang diambil kira dalam penyediaan Belanjawan Tunai?
- I Pinjaman bank  
 II Kadar bayaran  
 III Peruntukan hutang ragu  
 IV Susut nilai alatan pejabat
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D II dan IV
- 5 Belanjawan Tunai berikut diambil daripada sebuah perniagaan milikan tunggal yang beroperasi di Marang, Terengganu.

Belanjawan Tunai Bagi Dua Bulan berakhir 28 Februari 2018

Butir	Januari	Februari
	RM	RM
Baki b/b	5 000	<b>R</b>
Jualan	10 000	12 000
Pinjaman bank	-	5 000
	10 000	17 000
Belian	6 000	7 000
Sewa	500	500
	6 500	7 500
Lebihan / (kurangan)	<b>P</b>	<b>S</b>
Baki h/b	<b>Q</b>	<b>T</b>

Berapakah nilai **Q**?

- A RM3 500  
 B RM5 800  
 C RM8 500  
 D RM13 500

- 6 Anggaran jualan berikut diambil daripada Perniagaan Hambali:

	RM
Januari	1 800
Februari	2 000
<b>Maklumat tambahan:</b>	
60% daripada jualan adalah secara tunai dan bakinya diterima pada bulan berikutnya.	

Berapakah penerimaan pada bulan Februari?

- A RM 2 280  
B RM 2 000  
C RM 1 980  
D RM 1 920
- 7 Beri tafsiran bagi pernyataan berikut:
- "Penerimaan sebenar adalah memuaskan berbanding dengan apa yang telah dibelanjawankan"*
- A Penerimaan dalam belanjawan melebihi penerimaan sebenar.  
B Penerimaan sebenar melebihi penerimaan dalam belanjawan.  
C Penerimaan dalam belanjawan sama dengan penerimaan sebenar.  
D Penerimaan sebenar kurang daripada penerimaan dalam belanjawan.
- 8 Maklumat perbandingan berikut diperoleh daripada buku MHN Enterprise:

	Butir	Belanjawan (RM)	Sebenar (RM)
I	Jualan	15 000	20 000
II	Kadar bayaran	2 800	4 000
III	Komisen Diterima	1 380	880
IV	Gaji dan upah	7 800	6 680

Kenalpasti item yang memberikan tafsiran memuaskan bagi MHN Enterprise

- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 9 Maklumat berikut diperoleh daripada Amin Enterprise:

Amin ingin menyediakan Belanjawan Tunai perniagaannya untuk tempoh tiga bulan berakhir 30 Jun 2018. Belian dianggarkan berjumlah RM20 000 pada bulan April. Belian dianggarkan meningkat 5% setiap bulan daripada bulan sebelumnya.

Berapakah anggaran belian pada bulan Jun 2018?

- A RM 21 000  
B RM 22 000  
C RM 22 050  
D RM 22 500

10 Belanjawan Tunai di bawah disediakan dengan menggunakan Lembaran Hambaran Elektronik (LHE).

	A	B	C	D	E
1	Belanjawan Tunai Bagi 3 Bulan Berakhir 30 Jun 2018				
2	Butiran	April	Mei	Jun	
3	Baki b/b				
4	Penerimaan				
5	Modal	65 000			
6	Jualan	35 000	40 000	45 000	
7	Pinjaman		50 000		
8	Jumlah Penerimaan	100 000	X	45 000	
9					

Apakah formula untuk memperoleh nilai X?

- |               |               |
|---------------|---------------|
| A =sum(C5-C7) | C =sum(C5*C7) |
| B =sum(C5+C7) | D =sum(C5:C7) |

11 Apakah yang dimaksudkan dengan Belanjawan Tunai?

- A Anggaran penerimaan dan pembayaran tunai untuk sesuatu tempoh
- B Jumlah hasil yang diterima dan belanja yang dibayar untuk mengurus perniagaan
- C Buku rekod wang masuk dan keluar serta baki di tangan
- D Laporan wang yang diterima dan dibayar bagi tempoh tertentu

12 Antara berikut yang manakah fungsi penyediaan Belanjawan Tunai?

- I Jaminan perniagaan memperoleh pembiayaan bank
- II Sebagai alat kawalan aliran tunai perniagaan
- III Mengukur kemampuan tunai perniagaan
- IV Mengawal keuntungan perniagaan.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13 Butir manakah direkodkan sebagai penerimaan dalam Belanjawan Tunai?

- A Jualan kredit
- B Belian tunai
- C Jualan tunai
- D Belian kredit

14 Butiran manakah yang diambil kira dalam penyediaan Belanjawan Tunai?

- |                        |                            |
|------------------------|----------------------------|
| I Pinjaman bank        | III Peruntukan hutang ragu |
| II Susut nilai perabot | IV Sewa kedai              |

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV







Berapakah kongsi untung bagi setiap pekongsi?

- A RM6 150
- B RM7 350
- C RM8 450
- D RM9 650

11 Maklumat di bawah diperoleh daripada Perkongsian Ang dan Boo pada 30 Jun 2020.

	RM
Untung Bersih	6 000
Faedah atas Modal	1 200
Faedah atas Ambilan	300

Berapakah kongsi untung setiap pekongsi jika untung atau rugi dibahagikan sama rata?

- A RM2 250
- B RM2 300
- C RM2 550
- D RM3 750

12 Komponen-komponen Ekuiti Pemilik dalam perniagaan perkongsian terdiri daripada

- A Akaun Modal dan Akaun Semasa
- B Akaun Modal dan Akaun Ambilan
- C Akaun Modal dan Kongsi Untung atau Rugi
- D Akaun Modal, Akaun Semasa dan Akaun Ambilan

13 Antara berikut, butir yang manakah direkod di sebelah debit dalam Akaun Semasa pekongsi?

- I Ambilan
- II Kongsi rugi
- III Bonus dan elaun
- IV Faedah atas modal

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

**MODUL 10: PEMBUBARAN PERKONGSIAN**

1 Mengapakah sesebuah perniagaan perkongsian dibubarkan?

- I Salah seorang pekongsi meninggal dunia
- II Perniagaan perkongsian mendapat kerugian
- III Seorang pekongsi lewat menjelaskan pinjaman peribadi
- IV Perniagaan perkongsian ditukarkan kepada syarikat berhad

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

2 Jumlah aset sebuah perkongsian ialah RM38 000 dan jumlah liabilitinya ialah RM4 200. Dalam proses realisasi, semua aset direalis sebanyak RM32 000. Belanja realisasi berjumlah RM500.

Hitung rugi realisasi.

- A RM5 500
- B RM6 500
- C RM10 200
- D RM10 700

3 Pilih susunan yang betul tentang perekodan pembubaran perkongsian?

- I Membayar belanja realisasi
- II Menutup dan mengimbang akaun realisasi
- III Menutup dan memindahkan semua aset kecuali bank ke akaun realisasi
- IV Merekod penerimaan daripada jualan aset dan bayaran daripada akaun belum terima

- A I, II, III, IV
- B II, III, IV, I
- C III, IV, I, II
- D IV, I, II, III

4 Perkongsian Jujur dan Amanah telah dibubarkan. Jumlah aset RM62 000 telah direalis sebanyak RM60 000. Belanja realisasi RM1 000 dan liabiliti perkongsian RM2 600.

Hitungkan rugi realisasi.

- A RM2 000
- B RM3 000
- C RM3 600
- D RM4 600

5 Kenderaan diambil alih oleh pekongsi semasa pembubaran. Apakah akaun yang terlibat kesan daripada urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Akaun Realisasi	Akaun Kenderaan
B	Akaun Kenderaan	Akaun Realisasi
C	Akaun Modal pekongsi	Akaun Realisasi
D	Akaun Realisasi	Akaun Modal pekongsi

6 Pernyataan manakah yang menyebabkan Akaun Modal berbaki debit pada tarikh pembubaran?

- I Ambilan yang banyak
- II Sumbangan modal yang besar
- III Nilai aset yang diambil alih rendah
- IV Rugi realisasi melebihi jumlah modal

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7 Petikan Akaun Realisasi berikut diperoleh daripada buku sebuah perniagaan.

Akaun Realisasi	
	Bank 1 000

Urus niaga manakah yang merujuk kepada catatan tersebut?

- A Pembayaran kepada Akaun Belum Bayar
- B Perolehan daripada penjualan perabot
- C Penerimaan diskaun kerana menjelaskan hutang
- D Pembayaran belanja realisasi



## MODUL 11 : SYARIKAT BERHAD

- 1 Antara berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri sesebuah syarikat?
- I Liabiliti terhad
  - II Entiti berasingan
  - III Berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM)
  - IV Laporan kewangan diumumkan kepada lembaga pengarah sahaja
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 2 Antara pernyataan berikut, yang manakah **bukan** ciri-ciri syarikat awam berhad?
- A Modal terdiri daripada syer yang dipegang oleh pemiliknya
  - B Ditubuhkan sebagai satu badan yang berasingan daripada pemiliknya
  - C Keuntungan diagihkan kepada pemegang syer dalam bentuk dividen
  - D Bilangan minima pemegang saham adalah 2 orang
- 3 ..... ialah dokumen yang mengandungi maklumat berkaitan penubuhan dan pengurusan syarikat.
- A Notis Pmerbadanan
  - B Ikatan Perjanjian
  - C Perlembagaan Syarikat
  - D Notis Penubuhan
- 4 Pernyataan berikut menerangkan ciri Syer Biasa **kecuali** .....
- I Kadar dividen tidak tetap
  - II Mempunyai hak mengundi
  - III Berhak membuat tuntutan untung sekiranya syarikat dibubarkan
  - IV Tiada hak mengundi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 5 Jenis modal syer ialah.....
- A Syer Biasa dan Syer Modal
  - B Syer Modal dan Syer Keuntungan
  - C Syer Biasa dan Syer Keutamaan
  - D Syer Keutamaan dan Syer Pekongsi
- 6 Dividen tunai ialah.....
- A Potongan harga kos
  - B Potongan harga jualan
  - C Keuntungan yang diagihkan kepada pemegang syer
  - D Keuntungan yang diagihkan kepada pekerja di syarikat
- 7 Dividen interim ialah.....
- A Dividen yang dibayar selepas setahun syarikat beroperasi
  - B Dividen yang dibayar sebelum keuntungan sebenar diketahui
  - C Dividen yang diisytiharkan selepas keuntungan sebenar diketahui
  - D Dividen yang dibayar setelah syarikat dibubarkan

8 Syarikat Megah Berhad menerbitkan 300 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 2 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Kira Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh bagi Syer Keutamaan dan Syer Biasa.

- A RM2 400 000
- B RM2 300 000
- C RM2 036 000
- D RM2 600 000

9 Pada 1 Januari 2017 Syarikat Cemerlang Berhad telah menerbitkan 2 000 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer kepada orang awam. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada tarikh tutup permohonan 31 Januari 2017. Tempoh perakaunan syarikat berakhir 31 Disember setiap tahun.

Pada 31 Ogos 2017, syarikat telah memutuskan untuk membayar dividen interim iaitu 6% Syer Keutamaan bagi tempoh 6 bulan pertama dan Syer Biasa pada kadar 4%.

Kira dividen interim.

- A RM160 000
- B RM140 000
- C RM120 000
- D RM100 000

10 Syarikat Awam Berhad perlu memperolehi kebenaran daripada ..... sebelum menerbitkan syer.

- A Suruhanjaya Awam Berhad
- B Suruhanjaya Syarikat Malaysia
- C Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- D Suruhanjaya Awam Malaysia

11 Antara berikut, pasangan yang manakah benar tentang Syarikat Sendirian Berhad dengan Syarikat Awam Berhad?

	Syarikat Sendirian Berhad	Syarikat Awam Berhad
I	Bilangan pemegang syer yang maksimum ialah 100 orang	Bilangan pemegang syer bergantung kepada syarikat berhad
II	Syer tidak boleh disenaraikan di Bursa Malaysia	Syer boleh disenaraikan di Bursa Malaysia
III	Syer diterbitkan kepada orang awam	Syer diterbitkan kepada individu tertentu sahaja
IV	Syer tidak boleh dipindah milik secara bebas	Syer boleh dipindah milik secara bebas

- A I dan II
- B II dan IV
- C I dan III
- D III dan IV

12 Pada 1 Ogos 2020, Syarikat MN Berhad menerbitkan 300 000 Syer Biasa pada nilai RM1 sesyer kepada orang awam. Permohonan ditutup pada 15 Ogos 2020 dan jumlah permohonan yang diterima adalah RM500 000. Lembaga pengarah memutuskan untuk memulangkan lebihan langganan syer kepada pemohon yang tidak berjaya pada 30 Ogos 2020.



3 Urusniaga yang manakah merupakan pendapatan modal bagi kelab dan persatuan?

- A Keuntungan daripada aktiviti perniagaan kelab
- B Menerima komputer sebagai derma
- C Menerima yuran pertandingan
- D Faedah simpanan tetap

4 Petikan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan berikut diambil daripada Kelab Cam Malicam:  
Kelab Cam Malicam

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan .....			
	RM		RM
Kadar Bayaran	200	Yuran	2 450
Elaun Jurulatih	500		
<b>M</b>	1 750		
	<u>2 450</u>		<u>2 450</u>

Apakah **M**?

- A Baki h/b
- B Lebihan
- C Kurangan
- D Untung Bersih

5 Kelab Tenis Teluk Batik mempunyai 100 orang ahli. Pada 1 Januari 2017, baki-baki berikut diperolehi daripada buku perakaunan kelab:

	RM
Yuran belum terima	510
Yuran belum terperoleh	250

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2017, kelab ini menerima yuran sebanyak RM5 250. Jumlah ini termasuk RM150 yang diterima bagi tahun 2018.

Berapakah jumlah yuran yang sepatutnya diterima pada tahun 2017?

- A RM5 600
- B RM5 360
- C RM4 990
- D RM4 840

6 Kelab dan persatuan tertakluk kepada Akta Pertubuhan 1966. Antara berikut, yang manakah tidak mematuhi perkara yang terkandung dalam akta tersebut.

- A Menyimpan rekod terperinci yang berkaitan dengan hal kewangan.
- B Memilih ahli jawatan kuasa untuk melaksanakan segala aktiviti kelab dan persatuan.
- C Melaporkan penyata kewangan kepada semua ahli dalam mesyuarat agung tahunan.
- D Menghantar laporan kewangan dan senarai ahli jawatan kuasa kepada Pendaftar Syarikat.

- 7 Data berikut diperoleh daripada buku perakaunan Persatuan Penduduk Taman Paya Indah yang menjalankan aktiviti perniagaan bagi menambah tabungan kewangan persatuan.

	RM
Inventori kedai makan pada 1 Januari 2017	5 260
inventori kedai makan pada 31 Disember 2017	11 500
Jualan	22 024
Belian	10 744
Elektrik dan air	3 200
Upah pembantu kedai makan	4 000
40% daripada elektrik dan air adalah untuk kedai makan.	

Hitung untung kedai makan persatuan itu.

- A RM12 240  
B RM14 800  
C RM20 240  
D RM22 770
- 8 Butiran yang manakah ditunjukkan sebagai Aset Semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebuah kelab atau persatuan?
- A Yuran lapuk  
B Yuran masuk  
C Yuran belum diperolehi  
D Yuran belum terima
- 9 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Pencinta Alam:

	RM
Inventori kantin pada 1 Julai 2016	1 500
Inventori kantin pada 30 Jun 2017	1 900
Jualan	5 160
Belian	3 700
Upah pekerja kantin	600

Hitungkan untung kantin kelab tersebut.

- A RM1 260  
B RM1 860  
C RM2 460  
D RM2 760
- 10 Maklumat berikut adalah berkaitan dengan aset dan liabiliti Kelab Rakan Muda pada 1 Januari 2017:

	RM
Yuran belum diperolehi	250
Akaun Belum Terima cenderahati	4 300
Akaun Belum Bayar cenderahati	3 700
Bank	7 300
Lengkapan	8 000
Yuran belum terima	160

Hitungkan dana terkumpul pada 1 Januari 2017 bagi kelab tersebut.

- A RM15 990  
B RM15 900  
C RM15 810  
D RM15 210

11 Antara berikut, pernyataan manakah yang **tidak** benar mengenai kelab dan persatuan?

- A Menjaga kebajikan ahli
- B Menyediakan kemudahan kepada ahli
- C Tertakluk kepada Akta Pertubuhan 1966
- D Organisasi yang bermotifkan keuntungan

12 Kelab KenotGo Cycling Team mempunyai tunai di tangan pada 1 Julai 2018 sebanyak RM9 550. Berikut merupakan Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2019 kelab tersebut.

KenotGo Cycling Team			
Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2019			
	RM		RM
Yuran ahli	14 000	Pengangkutan	1 800
Yuran masuk	350	Penyelenggaraan basikal	2 100
Penajaan	2 500	Kadar bayaran	290
		Belanja Am	425
		Honorarium	3 600

Maklumat tambahan:

- (i) Belanja am prabayar RM125
- (ii) Kadar bayaran belum bayar RM59

Berapakah tunai di bank yang perlu direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2019?

- A RM8 569
- B RM8 635
- C RM18 119
- D RM18 185

13 Antara berikut, apakah perbelanjaan modal bagi Persatuan Memanah Docket?

- I Alat tulis
- II Alatan memanah
- III Insurans rumah kelab
- IV Ubah suai rumah kelab

- A  I dan II
- B  II dan III
- C  II dan IV
- D  III dan IV

14 Kenal pasti pendapatan modal bagi Kelab Futsal A//Mince.

- A Untung kiosk
- B Sewa gelanggang
- C Yuran pertandingan
- D Derma untuk membina gelanggang

15 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kelab Fotografi Grafy.

	1 Januari 2019	31 Disember 2019
	RM	RM
Yuran Belum Terima	352	240
Yuran Belum Terperoleh	190	275
Penerimaan yuran daripada ahli		11 900
Yuran lapuk		80



20 Apakah akaun yang perlu disediakan bagi kelab dan persatuan yang memiliki restoran untuk mencari untung atau rugi restoran?

- A Akaun Tunai
- B Akaun Untung Rugi Restoran
- C Akaun Perdagangan Restoran
- D Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

### MODUL 13: AKAUN PENGELUARAN

1 Kos Pengeluaran ialah .....

- A Semua kos yang terlibat dalam proses mendapatkan untung kasar
- B Semua kos yang terlibat dalam proses mendapatkan untung bersih
- C Semua kos yang terlibat dalam proses mendapatkan perbelanjaan yang minima
- D Semua kos yang terlibat dalam proses pengeluaran sesuatu produk

2 Antara berikut, yang manakah merupakan komponen Kos Pengeluaran?

- |                       |                          |
|-----------------------|--------------------------|
| I Kos bahan langsung  | III Kos jualan langsung  |
| II Kos buruh langsung | IV Kos overhead langsung |
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

3 Perbelanjaan berikut adalah yang terlibat dalam pembelian bahan langsung **kecuali**

- A Cukai belian bahan langsung
- B Angkutan keluar
- C Insurans atas belian
- D Angkutan masuk

4 Kos buruh langsung ialah .....

- A Belanja yang dibayar kepada pekerja di sektor pejabat
- B Belanja yang dibayar kepada pekerja di ibu pejabat
- C Belanja yang dibayar kepada buruh yang terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran
- D Belanja yang dibayar kepada kakitangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses pengeluaran

5 Antara berikut, yang manakah merupakan belanja langsung?

- |                               |                       |
|-------------------------------|-----------------------|
| I Bayaran gaji pengurus       | III Bayaran royalti   |
| II Belanja membaiki kenderaan | IV Reka bentuk produk |
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

6 Kos Prima adalah gabungan .....

- A Kos bahan langsung dan kos overhead
- B Kos overhead dan kos pengeluaran
- C Kos overhead langsung dan kos bahan langsung
- D Kos bahan langsung dan kos buruh langsung

7 Kerja Dalam Proses awal akan .....

- A Ditambah dalam pengiraan kos pengeluaran
- B Ditolak dalam pengiraan kos pengeluaran
- C Ditambah dalam pengiraan kos prima
- D Ditolak dalam pengiraan kos prima

8 Butiran berikut adalah kos overhead **kecuali**

- A Gaji kerani
- B Gaji pengurus kilang
- C Insurans kilang
- D Susutnilai mesin

9 Kerja Dalam Proses akhir akan .....

- A Ditambah dalam pengiraan kos pengeluaran
- B Ditolak dalam pengiraan kos pengeluaran
- C Ditambah dalam pengiraan kos prima
- D Ditolak dalam pengiraan kos prima

10 Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Roti Bagus:

	RM
Inventori awal bahan langsung	5 000
Belian bahan langsung	55 000
Kos buruh langsung	7 000
Kos buruh tak langsung	3 000
Sewa kilang	2 000
Belanja langsung	1 000
Inventori akhir bahan langsung	4 000

Kirakan Kos Prima.

- A RM69 000
- B RM65 000
- C RM64 000
- D RM63 000

11 Maklumat berikut merupakan kos bagi pengeluaran kerepek bagi Kilang Kerepek Sedap.

	RM
Bahan langsung	4 000
Gaji penyelia kilang	5 000
Insurans kilang	300
Upah operator kilang	2 000

Berapakah kos tetap dan kos berubah?

	Kos Tetap	Kos Berubah
A	RM5 300	RM6 000
B	RM4 300	RM7 000
C	RM7 000	RM4 300
D	RM9 000	RM2 300

12 Antara berikut, yang manakah **benar** tentang perbezaan antara kos tetap dengan kos berubah?

	Kos Tetap	Kos Berubah
I	Bayaran kepada penggunaan faktor tetap	Bayaran kepada penggunaan faktor berubah
II	Ia akan berubah sepanjang tempoh pengeluaran	Ia adalah malar mengikut tempoh pengeluaran
III	Perlu ditanggung walaupun tiada pengeluaran	Tidak perlu ditanggung jika tiada pengeluaran
IV	Contoh ialah upah pekerja kilang	Contoh ialah gaji pengurus

- A I dan II  
 B I dan III  
 C II dan IV  
 D III dan IV

**MODUL 14: ANALISIS TITIK PULANG MODAL**

1 Apakah maklumat yang boleh didapati apabila seorang pengurus membuat analisis kos volum untung?

- A Jumlah unit yang hendak dikeluarkan bagi memaksimumkan penggunaan mesin  
 B Jumlah unit yang perlu dikeluarkan untuk memenuhi permintaan  
 C Jumlah jualan yang perlu dicapai untuk mendapat keuntungan  
 D Jumlah jualan yang perlu dibuat bagi menstabilkan harga

2 Zaha Songket Enterprise mengeluarkan barangan berasaskan songket. Kos yang terlibat dalam pengeluaran tersebut adalah seperti berikut:

	RM
Harga jualan seunit	350
Kos berubah seunit	200
Kos tetap	12 000

Kirakan titik pulang modal sekiranya kos tetap meningkat sebanyak 20%?

- A 60 unit  
 B 72 unit  
 C 80 unit  
 D 96 unit

3 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Berry Sdn. Bhd.:

Titik pulang modal	200 unit
Kos tetap	RM2 000
Kos berubah	RM4 seunit

Berapakah harga jualan seunit?

- A RM14.00  
 B RM8.00  
 C RM2.50  
 D RM1.67

- 4 Data berikut menunjukkan kedudukan jumlah kos pada tiga tingkat pengeluaran pakaian Perniagaan Nina Fesyen. Harga jualan seunit ditetapkan pada RM70.

Pengeluaran (unit)	0	200	400
Jumlah Kos (RM)	1 200	7 200	13 200

Pernyataan berikut adalah benar **kecuali**

- A kos tetap ialah RM1 200
  - B titik pulang modal ialah 30 unit
  - C kos berubah seunit ialah RM40
  - D titik pulang modal ialah RM2 100
- 5 Maklumat berikut ialah kos yang terlibat dalam pengeluaran kipas KIND:

	<b>RM</b>
Kos berubah seunit	20
Jumlah kos tetap	20 000

Berapakah untung yang diperoleh jika 2 000 unit kipas KIND dijual pada harga RM50 seunit?

- A RM40 000
  - B RM38 000
  - C RM18 000
  - D RM1 100
- 6 Pernyataan manakah menerangkan kos tetap?
- A Kos bahan mentah adalah kos tetap
  - B Kos tetap berkadar dengan tingkat pengeluaran
  - C Kos tetap malar walaupun tingkat pengeluaran sifar
  - D Kos tetap tidak berubah dalam jangka panjang
- 7 Apakah istilah yang digunakan bagi menunjukkan lebihan jumlah hasil daripada jumlah kos dalam graf Titik Pulang Modal.
- A Rugi
  - B Untung
  - C Lebihan
  - D Titik pulang modal
- 8 Kilang Beg Ciah merupakan pembekal beg di negeri Terengganu. Antara yang berikut, manakah kos tetap kilang tersebut?
- I Sewa kilang
  - II Susut nilai mesin
  - III Gaji operator pengeluaran
  - IV Angkutan masuk bahan langsung
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 9 Kilang Mee Mika telah mengeluarkan mee yang dijual di pasaran dengan harga RM3 sebungkus. Maklumat yang diperoleh dalam pengeluaran mee tersebut adalah seperti berikut:

Kos tetap	RM5 000
Kos berubah	RM1.50
Jumlah pengeluaran	6 000 bungkus

Berapakah untung sasaran yang diperoleh Kilang Mee Mika?

- A RM4 000  
 B RM9 000  
 C RM11 000  
 D RM13 000
- 10 Apakah rumus margin caruman seunit?

- A Harga jualan seunit – Kos tetap seunit  
 B Harga jualan seunit + Kos tetap seunit  
 C Harga jualan seunit – Kos berubah seunit  
 D Harga jualan seunit + Kos berubah seunit

- 11 Maklumat berikut diperoleh daripada sebuah firma.

	<b>RM</b>
Kos tetap	20 000
Kos berubah seunit	2
Harga jualan seunit	6

Hitungkan unit jualan untuk memperoleh untung RM10 000

- A 2 500 unit  
 B 5 000 unit  
 C 7 500 unit  
 D 10 000 unit

**BK2 2017**

1 (a) Tandakan ( ✓ ) mengikut pengelasan akaun yang betul pada lajur yang sesuai.

Butiran	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik	Hasil	Belanja
Deposit sewa					
Faedah atas pinjaman					

(b) Nyatakan andaian, prinsip dan batasan perakaunan yang dipatuhi dalam situasi berikut:

Situasi	Andaian, Prinsip dan batasan
(i) Encik Khairil membeli 10 pasang baju Melayu berkos RM90 sepasang. Beliau merekod dalam buku perakaunan perniagaan dengan nilai RM900	
(ii) Kedai Guntin Stylo mula beroperasi pada 1 Januari 2015 dan akan terus beroperasi	

(c) Nyatakan dokumen dan buku catatan pertama bagi urus niaga berikut:

Urus niaga	Dokumen	Buku Catatan Pertama
Mendermakan komputer kedai RM1 500 kepada Rumah Anak Yatim Darul Ehsan		

(d) Belanjawan Tunai Mokhis Trading bagi dua bulan berakhir 30 April 2017 adalah seperti berikut:

Butir	Mac RM	April RM
Baki awal	7 800	<b>M</b>
Penerimaan:		
Jualan	11 200	25 000
Pinjaman	10 000	-
	21 200	25 000
Pembayaran:		
Belian	10 000	8 900
Sewa	1 500	1 500
	11 500	10 400
Baki akhir	<b>N</b>	<b>O</b>

Berapakah nilai O?

- (e) Maklumat berikut diperolehi daripada Herdi Trading yang mengamalkan sistem inventori berkala:

	RM
Inventori awal barang niaga	20 000
Belian barang niaga	65 000
Kos Jualan	90 000

Hitungkan jumlah inventori akhir barang niaga.

**BK3 2017**

- 2 (a) Nyatakan ciri perniagaan tersebut sama ada liabiliti terhad atau liabiliti tidak terhad.

Syarikat Sendirian Berhad	Perkongsian

- (b) Nyatakan klasifikasi akaun yang betul sama ada Aset, Liabiliti, Ekuiti Pemilik, Hasil atau Belanja bagi item-item berikut:

Item	Klasifikasi Akaun
Alat tulis	
Inventori Alat tulis	

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan Saham Biasa yang dibeli oleh Encik Musa:

Unit saham dimiliki	3 000 unit
Nilai tara sesaham	RM2.00
Dividen diisytiharkan	12 sen seunit

Berapakah dividen yang akan diterima oleh Encik Musa?

- (d) Berikan **dua** sebab perbezaan baki antara Buku Tunai dan Penyata Bank.

(i) .....

(ii) .....

- (e) Kelab Muslimah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan pendaftaran ahli seramai 90 orang. Kutipan yuran adalah seperti berikut:

Jenis Yuran	RM
Yuran tahunan	50.00
Turan pendaftaran	5.00

Kirakan jumlah yuran tahunan Kelab Muslimah.

**MPP1 2018**

- 3 (a) Nyatakan dua sub bidang perakaunan.

(i)	
(ii)	

- (b) Nyatakan klasifikasi akaun yang betul sama ada Aset, Liabiliti, Ekuiti Pemilik, Hasil atau Belanja bagi item-item berikut:

Item	Klasifikasi Akaun
Faedah atas simpanan	
Faedah atas pinjaman	

- (c) Apakah dokumen sumber dan Buku Catatan Pertama yang terlibat dengan urus niaga berikut:

Membawa masuk perabot dari rumah RM500 untuk kegunaan perniagaan

Dokumen Sumber	Buku Catatan Pertama

- (d) Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunan Berjaya Enterprise:

Mesin (kos)	RM15 000
Nilai skrap	RM300
Usia guna	10 tahun

Hitung susut nilai tahunan mesin tersebut.

- (e) Berikan dua jenis kesilapan tidak ketara yang mungkin terdapat dalam Imbangan Duga.

(i)	
(ii)	

<b>MPP2 2018</b>
------------------

4 (a) Penyata Pendapatan terdiri daripada

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

(b) Nyatakan dokumen perniagaan yang terlibat dalam setiap urus niaga berikut:

	Urus niaga	Dokumen
(i)	Beli barang niaga secara kredit RM5000	
(ii)	Terima komisen secara tunai RM200	

(c) Nyatakan akaun yang didebitkan dan dikreditkan bagi urus niaga berikut:

Urus niaga	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
Jualan tunai RM500 dan dibankkan		

(d) Maklumat berikut diambil dari dua buah perniagaan.

Nisbah	Kedai Tuty Fruitty	Kedai Buah Jizan
Nisbah Semasa	1.5 : 1	2 : 1

Perniagaan manakah yang mempunyai kecairan yang tinggi. Berikan alasan anda.

(e) Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Gee Enterprise untuk tahun berakhir 31 Mei 2018:

	RM
Modal pada 31 Mei 2018	35 000
Modal pada 1 Jun 2017	25 000
Ambilan	2 200

Hitungkan untung bersih atau rugi bersih Gee Enterprise untuk tahun berakhir 31 Mei 2018.

<b>MPP3 2018</b>
------------------

5 (a) Nyatakan andaian dan prinsip dalam perakaunan bagi setiap situasi berikut:

(i) Encik Ramdi menggunakan kaedah pengiraan susut nilai yang sama setiap tahun dalam perniagaannya.

\_\_\_\_\_

- (ii) Puan Suhaila mengambil barang niaga RM200 untuk kegunaan anaknya. Perkara ini telah direkodkan dalam Akaun Ambilan.

- (b) Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada Kedai Runcit Jaja.

Imbangan Duga pada 31 Julai 2018 (petikan)	
Akaun Belum Terima	Peruntukan hutang ragu
2 800	40

Maklumat tambahan:

- (i) Hutang lapuk dihapuskan RM200
- (ii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima bersih

Berapakah nilai peruntukan hutang ragu yang direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2018?

- (c)

Perniagaan	Nisbah semasa	Pulangan atas modal
Kedai Kek Mawar	2 : 1	37.93%
Kedai Kek Ros	3 : 1	31.65%

Berdasarkan maklumat diberi, perniagaan manakah yang akan anda pilih untuk membuat pelaburan.

Perniagaan : \_\_\_\_\_

Alasan : \_\_\_\_\_

- (d) Maklumat berikut menunjukkan baki aset dan liabiliti Kedai Buku Ceria pada 1 Mei 2018:

	RM
Tunai di bank	23 400
Perabot	6 500
Akaun Belum Bayar	12 900
Akaun Belum Terima	1 200
Inventori	34 700

Kirakan modal awal.

- (e) Petikan penerimaan dan pembayaran berikut diambil daripada Belanjawan Tunai Perniagaan Madu Marang:

	RM
Jualan tunai	22 500
Akaun Belum Terima	4 200
Akaun Belum Bayar	5 100
Sewa diterima	2 400

Hitungkan jumlah penerimaan.

**MPP2 2019**

- 6 (a) Berikan **dua** catatan kontra yang terdapat dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(i)	
(ii)	

- (b) Urus niaga berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Alat Tulis Mega:

Mengambil 10 buah fail kotak RM120 untuk kegunaan pejabat

Nyatakan akaun yang didebit dan dikredit bagi urus niaga tersebut.

Akaun didebit	Akaun dikredit

- (c) Nyatakan **dua** nisbah yang digunakan oleh perniagaan untuk mengurus Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar.

(i)	
(ii)	

- (d) Maklumat berikut diambil daripada Perusahaan Kasut Selesa:

	Jenama X-treme	Jenama X-plisit
Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan	60%	80%

Kasut yang manakah lebih mahal dan berikan alasan anda.

- (e) Berikan **dua** peruntukan yang terdapat dalam Bahagian IV, Seksyen 26, Akta Perkongsian 1961 yang menjadi panduan asas dalam pengurusan sesebuah perkongsian.

(i)	
(ii)	

**MPP3 2019**

- 7 (a) Encik Amin merekod bayaran sewa rumah kediamannya ke dalam Akaun Sewa. Nyatakan andaian perakaunan yang tidak dipatuhi.
- (b) Nyatakan **dua** jenis penyata yang terdapat dalam Penyata Kewangan.

(c) Kesilapan berikut berlaku dalam buku Perniagaan Yasmin:

Gaji RM2 000 yang dibayar adalah termasuk kadar bayaran RM300

- (i) Nyatakan jenis kesilapan yang berlaku.
- (ii) Tunjukkan catatan pembetulan kesilapan dalam Jurnal Am.

(d) Maklumat berikut diambil daripada Segar Bugar Enterpise:

	Mei	Jun
Jualan	RM2 000	RM2 800

**Maklumat tambahan**

70% daripada jualan adalah secara kredit dengan tempoh kredit selama 1 bulan.

Hitung jumlah penerimaan tunai pada bulan Jun.

(e) Nyatakan **dua** nisbah yang digunakan untuk mengukur keberuntungan perniagaan.

**MPP1 2020**

8 (a) Nyatakan satu akaun bagi setiap komponen berikut:

Akaun	Komponen	Akaun
Perdagangan dan Untung Rugi	Jualan bersih	
	Kos jualan	
	Hasil	
	Belanja	

(b) Nyatakan dokumen sumber dan buku catatan pertama bagi urus niaga berikut:

Kedai Buku Aiman membeli buku secara kredit RM2 500

Dokumen	Buku Catatan Pertama

(c) Suria Enterprise menerima satu invoice berjumlah RM1 000 kerana membeli barang niaga daripada Syarikat Mat Khir Sdn: Bhd. pada 5 Januari 2020.

Syarat pembayaran ialah 5% dalam masa 14 hari.

- (i) Kirakan jumlah yang perlu dibayar oleh Suria Enterprise sekiranya semua hutang itu dijelaskan pada 30 Januari 2020.
- (ii) Adakah Suria Enterprise layak mendapatkan diskaun tunai? Berikan alasan anda.

(d) Namakan satu catatan kontra bagi setiap akaun berkaitan berikut:

Akaun Berkaitan	Catatan Kontra
Akaun Belum Terima	
Akaun Jualan	

9 (a) Nyatakan dokumen sumber dan buku catatan pertama yang terlibat bagi urus

niaga yang berikut:

MPP2  
2020

Kedai Aiman membeli sebuah komputer RM 1800 daripada Syarikat Zakuan Enterprise

(b) Tentukan samada kenyataan berikut benar atau salah.

- i. Liabiliti merupakan tanggungan hutang perniagaan kepada pihak luar
- ii. Ekuiti pemilik ialah tuntutan pemilik terhadap aset perniagaan

(c) Nyatakan dua contoh dokumen bagi setiap yang berikut:

- i. Dokumen sumber
- ii. Dokumen bukan sumber

(d) Maklumat berikut diambil daripada Pasar Mini Umi:

RM	
Jualan barang niaga	30 500
Pulangan masuk	500
Pulangan keluar	1 000
Jualan meja kaunter lama	800

Hitung jualan bersih.

MPP3  
2020

(a) Lengkapkan rumus persamaan perakaunan berikut:

$$\text{Aset} = \text{Liabiliti} + \dots\dots\dots \mathbf{J} \dots\dots\dots + \text{Hasil} - \dots\dots\dots \mathbf{K} \dots\dots\dots$$

Apakah **J** dan **K**?

(b) Jurnal Am berikut diperolehi dari perniagaan Kemasik Jaya Enterprise.

Tarikh		Folio	Debit	Kredit
2020			RM	RM
Julai 15	<b>P</b>	LA1	500	
	<b>Q</b>	LA2		500
	(Membawa masuk kenderaan untuk kegunaan perniagaan)			

Apakah **P** dan **Q**?

(c) Nyatakan 2 kepentingan dokumen perniagaan perlu disimpan dengan rapi dan sistematik.

- (i) .....
- (ii) .....

(d) Senaraikan 2 jenis pelarasan pada tarikh imbangan.

- i. ....
- ii. ....

(e) Nyatakan 2 sebab sesebuah perniagaan perkongsian dibubarkan.

- (i) .....
- (ii) .....

## PERSAMAAN PERAKAUNAN

1. Penyata Kedudukan Kewangan pada 1 Januari 2017 adalah seperti berikut :

TOV  
2017

Faayiz Enterprise			
Penyata Kedudukan Kewangan pada 1 Januari 2017			
	RM		RM
Premis	50 000	Modal	90 000
Lengkapan	11 000	Akaun Belum Bayar	4 500
Akaun Belum terima	2 400	Gaji belum bayar	500
Inventori	21 800		
Bank	9 800		
	95 000		95 000

Sepanjang bulan Januari 2017, urus niaga berikut telah berlaku:

- (i) Menjelaskan Akaun Belum Bayar dengan cek dan menerima diskaun 10%.
- (ii) Membeli barang niaga secara kredit RM3 900.
- (iii) Pemilik membawa masuk sebuah almari pameran RM5 000 untuk kegunaan perniagaan.
- (iv) Menjelaskan gaji belum bayar dengan cek.
- (v) Menerima cek RM2 300 daripada pelanggan kerana menjelaskan hutang.
- (vi) Menjual barang niaga RM1 950 secara kredit. Harga kos barang tersebut RM1 500.
- (vii) Menerima cek RM800 kerana menyewakan ruang kedai.
- (viii) Mendapat pinjaman dari Bank Muamalat RM50 000. Sebanyak RM40 000 digunakan untuk membeli sebuah kenderaan dan bakinya dibankkan.
- (ix) Cek RM2 300 yang diterima dari seorang pelanggan dipulangkan oleh bank dan diskaun diberi ditarik balik.
- (x) Menghantar sekeping nota kredit RM300 kepada penghutang.
- (xi) Membayar belanja pengiklanan RM420 dengan cek.
- (xii) Pemilik mengambil barang niaga RM600 untuk kegunaan keluarganya.
- (xiii) Menjual barang niaga secara tunai RM3 800. Kos barang niaga tersebut RM2 850. Wang yang diterima dibankkan

Berdasarkan urus niaga sepanjang bulan Januari 2017, **anda dikehendaki**:

- (a) melengkapkan jadual persamaan perakaunan
- (b) menyediakan Penyata Ekuiti Pemilik pada 31 Januari 2017.

*(Jawapan: Premis RM50 000, Lengkapan RM16 000, Ak Belum Terima RM4 050, Inventori akhir RM21 050, Bank RM 19 430, Kenderaan RM40 000, Modal RM95 000, Ak Belum Bayar RM3 900, Untung Bersih RM2 230, Pinjaman RM50 000, Ambilan RM600)*

- 2 Cik Ramlah pemilik Ramlah Enterprise sebuah kedai alatan sukan yang beroperasi di Kuala Berang, Terengganu. Aset, liabiliti dan ekuiti pemilik perniagaan pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

	RM
Perabot	23 600
Akaun Belum Terima	10 800
Akaun Belum Bayar	18 200
Bank	27 400
Tunai	480
Inventori akhir	21 000
Kadar bayaran belum bayar	300
Modal	X
Untung bersih	12 200

Sepanjang bulan Januari 2020, urusan niaga berikut telah berlaku:

- (i) Menjual barang niaga secara tunai RM4 000. Harga kos barang tersebut RM3 800. Tunai yang diterima dibankkan.
- (ii) Membayar kadar bayaran belum bayar dengan cek.
- (iii) Menerima cek RM6 400 daripada Akaun Belum Terima kerana penjelasan hutang dan beri diskaun RM50.
- (iv) Membeli barang niaga RM9 000.  $\frac{1}{3}$  daripadanya dibayar dengan cek dan bakinya dibayar pada bulan berikutnya.
- (v) Pemilik membawa masuk tunai ke bank RM7 000.
- (vi) Menjual 10% daripada jumlah barang niaga dengan harga RM3 000 secara kredit.
- (vii) Pelanggan memulangkan barang niaga RM600. Harga kos barang tersebut ialah RM490.
- (viii) Menerima komisen RM350 secara tunai.
- (ix) Seorang penghutang didapati mufis dan hutangnya RM150 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (x) Pemilik menjelaskan sewa rumahnya RM500 dengan cek perniagaan.
- (xi) Mendapat pinjaman dari Bank Islam Berhad RM60 000 untuk membeli kenderaan RM54 000 dan bakinya dibankkan.
- (xii) Membayar gaji pekerja RM1 200 dengan cek.
- (xiii) Menjelaskan Akaun Belum Bayar dengan cek RM800.

**Anda dikehendaki:**

- (a) Melengkapkan jadual persamaan perakaunan.
- (b) Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Januari 2020 (Bahagian Ekuiti Pemilik sahaja).

*(Jawapan: Perabot 23 600, ABT 6 600, Inventori 24 070, Bank 45 000, Tunai 830, Kenderaan 54 000, Modal 59 580, UB 11 620, Ambilan 500, ABB 23 400, Kadar bayaran belum bayar 0, Pinjaman 60 000)*

## BUKU CATATAN PERTAMA

1. Perniagaan Teguh Impian mengamalkan sistem panjar dalam penyediaan Buku Tunai Runcit. Perniagaan menetapkan dasar memperuntukkan RM300 sebagai dana runcit.

TOV  
2017

Baki-baki berikut diperolehi pada 1 Januari 2017:

	RM
Tunai Runcit	60
Tunai	200
Bank	5 700

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Januari 2017:

2017	Urus niaga	RM
Januari	1 Terima cek untuk dana runcit daripada Ketua Juruwang	?
	2 Beli kertas A4	20
	3 Isi minyak kenderaan pejabat	50
	6 Beli bunga meja pejabat	56
	7 Terima invoice untuk belian rak pameran	200
	9 Beli setem dan sampul surat	12
	12 Jualan tunai	250
	15 Beli barang niaga secara kredit daripada Pembekal Jaya	500
	16 Bayar minuman pelanggan	26
	18 Beli alatan pejabat dan bayar dengan cek	550
	21 Bayar tempat pakir	6
	22 Beli kertas karbon	35
	25 Beli sampul surat ekspres	25
	29 Bayar gaji kerani pejabat dengan cek	1 500
	30 Bayar servis komputer	40

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Buku Tunai dua lajur.  
 (b) Buku Tunai Runcit sehingga 1 Februari 2017 dengan menunjukkan lajur analisis Belanja Pos, Tambang, Alat tulis dan Belanja Pejabat.

*(Jawapan: Baki akhir Buku Tunai RM3 410 ; Baki akhir Buku Tunai Runcit RM30)*

2. Delima Letrik Sdn Bhd ialah pembekal barangan elektrik di Bandar Bukit Payong, Marang. Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan April 2019:

MPP  
2019

- April 1 Baki tunai di tangan RM1 200.  
 1 Baki tunai di bank RM9 400.  
 7 Belian tunai RM3 500 dibayar dengan cek bernombor 005561.  
 9 Jualan tunai dibankkan RM984.  
 10 Jualan tunai RM450.  
 12 Bayar Lan Letrik RM1 960 dengan cek bernombor 005562.  
 17 Terima cek daripada Ramlan RM820.  
 19 Membayar Wong Cerah RM1 250 dengan cek bernombor 005563.  
 21 Suhaimi Kelip menjelaskan hutangnya RM2 970 dengan cek.  
 23 Perniagaan menerima komisen tunai RM296 daripada Mega Letrik Bhd.  
 26 Membayar Hisham Letrik RM1 640 dengan cek bernombor 005564.  
 28 Beli alat tulis RM180 secara tunai.  
 29 Membayar iklan RM360 dengan tunai.  
 30 Membayar sewa RM550 dengan tunai.

**Anda dikehendaki** merekod urus niaga tersebut ke dalam Buku Tunai.

*(Jawapan: Baki akhir Buku Tunai RM5 074)*

- 3 Perniagaan Hana Suraya menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar dengan nilai dana runcit berjumlah RM400. Pada 1 Januari 2020, baki tunai runcit perniagaan ialah RM40. Penggunaan wang dalam bulan Januari 2020 adalah seperti berikut:

MPP1  
2020

2020	Urusniaga	RM
Januari 3	Pewangi tandas	30
4	Sampul surat	10
6	Bayaran untuk bungkusan pos	25
15	Perabot pejabat	380
18	Kertas dan dakwat	60
23	Surat khabar dan majalah	45
27	Upah mencuci pejabat	70
30	Bayaran gaji pekerja	1600

**Anda dikehendaki** menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 1 Februari 2020 dengan menunjukkan analisis bayaran Alat Tulis, Belanja Pos dan Belanja Pejabat.

*(Jawapan: Baki b/b 160, bank 240)*

**LEJAR**

1 Maklumat berikut peroleh daripada buku Perniagaan Rajawali Sepakat:

**Jurnal Am**

MPP  
2019

Tarikh	Butiran	Fol	Debit RM	Kredit RM
2019 April 1	Tunai		750	
	Bank		11 200	
	Kenderaan		50 000	
	Modal			61 950
	( memulakan perniagaan pada tarikh ini)		61 950	61 950

**Jurnal Jualan**

Tarikh	Butiran	Fol	No Invois	Jumlah RM
2019 April 15	Jiwaham Trading		05321	5 300
30	Akaun Jualan (kt)			5 300

**Jurnal Belian**

Tarikh	Butiran	Fol	No Invois	Jumlah RM
2019 April 2	Punca Sdn. Bhd.		26341	8 190
30	Akaun Belian (dt)			8 190

**BUKU TUNAI**

Tarikh	Butiran	Disk	Tunai	Bank	Tarikh	Butiran	Disk	Tunai	Bank
2019 April 1	Modal		750	11 200	2019 April 5	Alat tulis		250	
4	Jualan			500	7	Punca Sdn. Bhd.	819		7 371
					30	Baki h/b		500	4 329
		-	750	11 700			819	750	11 700
Mei 1	Baki b/b		500	4 329					

**Anda dikehendaki** menyediakan akaun-akaun berkaitan di dalam lejar (akaun tidak perlu diimbangkan).

2 Buku Catatan Pertama berikut diperoleh daripada Perniagaan AD Sports pada 30 November 2019:

MPP1  
2020

**Jurnal Am**

Tarikh	Butiran	Fol	Debit RM	Kredit RM
2019 Nov 1	Tunai		900	
	Bank		25 400	
	Modal			26 300
	(Memulakan perniagaan pada tarikh ini)		26300	26 300

**Jurnal Belian**

Tarikh	Butiran	Fol	No.Invois	Jumlah RM
2019 Nov 2	DOW Sports		65424	4 200
30	Akaun Belian (dt)			4 200

**Jurnal Jualan**

Tarikh	Butiran	Fol	No.Invois	Jumlah RM
2019 Nov13	SMK Bukit Chatak		00001	9 180
30	Akaun Jualan (kt)			9 180

**Jurnal Pulangan Belian**

Tarikh	Butiran	Fol	No. Nota Kredit	Jumlah RM
2019 Nov 12	DOW Sports		325	260
30	Akaun Pulangan Belian (kt)			260

**BUKU TUNAI**

Tarikh	Butiran	Disk.	Tunai	Bank	Tarikh	Butiran	Disk.	Tunai	Bank
2019 Nov 1	Modal		900	25 400	2019 Nov 15	DOW Sports			1 800
24	SMK Bukit Chatak			4 500	28	Sewa			900
27	Jualan		800		30	Baki h/b		1 700	27 200
			-	1 700				-	1 700
				29 900					29 900
Dis 1	Baki b/b		1 700	27 200					

Anda dikehendaki mengepos catatan daripada Buku Catatan Pertama ke dalam lejar (akaun tidak perlu diimbangkan).

- 3 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Doa Maju yang menjalankan perniagaan menjual bahan-bahan membuat kek di Bukit Payong, Marang:

MPP1  
2020

	RM
Baki pada 1 Ogos 2019:	
Baki debit Lejar Jualan	1 890
Baki kredit Lejar Belian	2 320
Jualan tunai	2 880
Jualan kredit	14 400
Belian kredit	5100
Pulangan belian	230
Pulangan jualan	290
Faedah dikenakan kepada pelanggan	60
Penerimaan cek daripada pelanggan	5 550
Diskaun diberi	120
Peruntukan hutang ragu	350
Kontra	930
Hutang lapuk	160
Cek tak laku	720
Diskaun diberi dibatalkan	80

**Anda dikehendaki** menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima.

*(Jawapan: baki h/b 10 100)*

<b>PELARASAN</b>
------------------

1. (a) Maklumat berikut diperolehi daripada buku-buku perakaunan Perniagaan Cempaka Sari:

MPP 2018
-------------

**Imbangan Duga pada 31 Disember 2018 (petikan)**

	Debit	Kredit
	RM	RM
Kenderaan	90 500	
Susut nilai Terkumpul Kenderaan		9 050
Akaun Belum Terima	12 650	
Peruntukan Hutang Ragu		850
Hutang Lapuk	300	
Sewa		11 000

**Maklumat tambahan:**

- (i) Sewa bulanan kedai RM1 000.
- (ii) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas nilai buku bersih.
- (iii) Seorang penghutang didapati mufliis dan hutangnya RM650 dihapus kira sebagai hutang lapuk.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% atas baki Akaun Belum Terima bersih.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Sewa
- (b) Akaun Susut nilai Terkumpul Kenderaan
- (c) Akaun Peruntukan Hutang Ragu

*(Jawapan: Sewa RM12 000 ; Susut nilai kenderaan RM8 145 ; Peruntukan Hutang Ragu RM600)*

- 2 Petikan Imbangan Duga pada 31 Disember 2019 bagi Perniagaan Rajawali Sepakat adalah seperti berikut:

MPP1  
2020

**Imbangan Duga pada 31 Disember 2019**

	Debit RM	Kredit RM
Mesin	18 500	
Susut nilai terkumpul mesin		5 550

**Maklumat tambahan:**

- (i) Mesin disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- (ii) Pada 31 Disember 2019, satu daripada mesin bernilai RM8 200 yang dibeli pada 1 Januari 2016 telah dijual. Cek bernilai RM3 500 telah diterima sebagai nilai jualan mesin tersebut.
- (iii) Tahun kewangan syarikat berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Mesin
- (b) Akaun Susut Nilai Terkumpul Mesin
- (c) Akaun Pelupusan Mesin

*(Jawapan: Mesin RM10 300 ; SNT Mesin RM4 120 ; Pelupusan mesin RM1 420)*

## PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL

1 Encik Nashrin menjalankan perniagaan Perabot Nashrin di Kampung Atas Tol, Kuala Terengganu. Imbangan Duga berikut diambil daripada perniagaan pada 30 Jun 2017:

BK 3  
2017

Imbangan Duga pada 30 Jun 2017

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Julai 2016		145 580
Inventori pada 1 Julai 2016	34 500	
Belian dan Jualan	136 000	237 000
Kenderaan (kos)	89 000	
Alatan kedai (kos)	28 000	
Premis	90 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		35 600
Susut nilai terkumpul alatan kedai		5 320
Sewa	16 800	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	16 000	15 700
Angkutan masuk	3 600	
Insurans	1 440	
Pulangan	1 250	
Peruntukan hutang ragu		400
Hutang lapuk	270	
Bank	6 400	
Tunai	970	
Komisen		2 700
Kadar bayaran	2 470	
Gaji pekerja	15 600	
	442 300	442 300

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 Jun 2017 berjumlah RM22 450 pada harga kos dan RM20 960 pada harga pasaran.
- (ii) Perniagaan telah menyewakan satu lot kedai untuk menyimpan inventori barang niaga dengan sewa bulanan RM1 200.
- (iii) Komisen daripada pembekal belum diterima RM400.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima.
- (v) Kadar susut nilai bagi aset bukan semasa adalah seperti berikut:
  - Kenderaan 20% - setahun atas kos
  - Alatan kedai 10% - setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (vi) Perniagaan bercadang untuk membeli kenderaan baru, oleh itu pada 30 Jun 2017, perniagaan menjual kenderaan lama dengan harga RM30 000 dan terima cek. Penjualan kenderaan tersebut belum direkod dalam buku perniagaan.
- (vii) Ambilan barang niaga RM1 500 oleh pemilik belum direkod dalam mana-mana buku perakaunan.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2017.  
 (b) Akaun Modal

(Jawapan: UK:RM84 110, UB:RM 27 442, Baki b/b:RM116 938)

2. Imbangan Duga Perniagaan Runcit Warisan pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

MPP 1  
2018

Imbangan Duga pada 31 Disember 2017		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Inventori awal	25 650	
Modal pada 1 Januari 2017		74 000
Tunai	410	
Bank	30 960	
Gaji	12 000	
Sewa	14 400	
Perabot	12 300	
Alatan pejabat	9 800	
Belian	47 980	
Jualan		81 560
Alat tulis	260	
Ambilan	800	
Kadar bayaran	7 800	
Komisen		320
Pulangan	420	270
Susut nilai terkumpul:		
Perabot		4 920
Alatan pejabat		1 960
Akaun Belum Bayar		9 700
Akaun Belum Terima	10 280	
Peruntukan hutang ragu		330
	<u>173 060</u>	<u>173 060</u>

**Maklumat tambahan:**

- (i) Inventori pada 31 Disember 2017 dinilai RM31 800 pada harga kos dan RM32 000 pada harga pasaran.  
 (ii) Inventori alat tulis pada 31 Disember 2017 ialah RM110.  
 (iii) Hutang lapuk RM280.  
 (iv) Kadar bayaran belum dibayar RM630.  
 (v) Komisen diterima RM100 bagi setiap 3 bulan  
 (vi) Sekeping nota kredit yang diterima daripada pembekal berjumlah RM260 belum direkodkan dalam mana-mana buku.  
 (vii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima bersih.  
 (viii) Kadar susut nilai bagi aset bukan semasa adalah seperti berikut:  
 Perabot -10% setahun mengikut kaedah atas kos  
 Alatan Pejabat -20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan

**Anda dikehendaki** menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017  
 (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

(Jawapan: UK:RM39 840, UB:RM2 312, MK:RM63 090, PKK:RM75 512)

MPP 2  
2018

- 3 Encik Faiz merupakan pemilik Faiz Hardware yang membekalkan pelbagai bahan binaan di Paka, Terengganu. Imbangan Duga perniagaan pada 31 Mac 2018 adalah seperti berikut:

Imbangan Duga pada 31 Mac 2018

	Debit	Kredit
	RM	RM
Kenderaan (kos)	60 400	
Belian dan Jualan	68 500	96 500
Pulangan	340	
Inventori pada 1 April 2017	16 200	
Angkutan masuk	420	
Premis (kos)	120 000	
Gaji pekerja	25 400	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	14 500	30 650
Kadar bayaran	6 540	
Insurans	1 440	
Lengkapan kedai (kos)	23 000	
Peruntukan hutang ragu		210
Sewa		10 000
Bank		1 660
Modal pada 1 April 2017		177 000
Tunai	640	
Susut nilai terkumpul:		
Kenderaan		9 060
Lengkapan kedai		2 300
Pinjaman 6%		10 000
	337 380	337 380

**Maklumat tambahan:**

- (i) Inventori pada 31 Mac 2018 dinilai seperti berikut:

Kad Inventori	Harga Kos	Harga Pasaran
	RM	RM
A	5 800	5 940
B	6 550	9 380
C	12 200	11 800

- (ii) Sebahagian premis disewakan dengan sewa tahunan RM12 000.
- (iii) Insurans diambil untuk setahun bermula 1 Jun 2017.
- (iv) Kadar bayaran yang dibayar termasuk kadar bayaran rumah kediaman pemilik RM540.
- (v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima.
- (vi) Pada 1 Februari 2018, pemilik telah menggunakan wang peribadi RM3 000 untuk membeliengkapan kedai. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (vii) Aset bukan semasa disusutnilaikan seperti berikut:  
 Lengkapan kedai - 20% setahun atas kos.  
 Kenderaan - 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2018
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2018. (Tunjukkan modal

*(Jawapan: UK:RM35 190, UB:RM4 076, MK: 8 330, PKK:RM193 536)*

MPP 3  
2018

4. Puan Ummy Liyana ialah pemilik Budiman Enterprise yang menjalankan perniagaan alat tulis di Kuala Nerus. Imbangan Duga perniagaan pada 31 Mac 2018 adalah seperti berikut:

Budiman Enterprise		
Imbangan Duga pada 31 Mac 2018		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Tunai	1 260	
Bank	8 290	
Pulangan	250	
Hutang lapuk	530	
Diskaun diberi	490	
Modal pada 1 April 2017	-	88 528
Premis	75 000	
Perabot	10 000	
Belian dan Jualan	65 230	99 700
Akaun Belum Terima	12 600	
Komisen		195
Angkutan masuk	720	
Akaun Belum Bayar		11 872
Gaji	5 100	
Inventori pada 1 April 2017	9 165	
Insurans	960	
Kadar bayaran	1 050	
Sewa	10 400	
Susut nilai terkumpul perabot		750
	201 045	201 045

**Maklumat tambahan:**

- i. Inventori pada 31 Mac 2018 bernilai RM13 640 pada harga pasaran dan RM11 630 pada harga kos.
- ii. Bil internet bulan Mac 2018 berjumlah RM200 masih belum dibayar.
- iii. Sewa yang dibayar termasuk sewa rumah kediaman RM800.
- iv. Insurans telah diperbaharui untuk tempoh setahun pada 1 Jun 2017.
- v. Perabot disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2018.
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2018.
- (c) Akaun Insurans dan Akaun Kadar Bayaran.

(Jawapan: UK:RM35 965, UB:RM17 465, MK:RM21 868, PKK:RM105 19, Insurans RM800, Kadar Bayaran RM1 250)

5. Puan Zahara menjalankan perniagaan Zara Enterprise yang beroperasi di Kuala Lumpur. Berikut adalah Imbangan Duga perniagaannya pada 30 September 2019.

SPM  
2019

Zara Enterprise  
Imbangan Duga pada 30 September 2019

	Debit RM	Kredit RM
Pinjaman bank 6% (matang 2019)		42 000
Peruntukan hutang ragu		504
Bank		9 910
Angkutan masuk	174	
Angkutan keluar	1 292	
Tunai	250	
Ambilan	17 150	
Modal 1 Oktober 2019		155 536
Belanja am	16 660	
Insurans	1 930	
Inventori barang niaga 1 Oktober 2018	14 300	
Faedah atas pinjaman	2 310	
Lain-lain Akaun Belum Bayar		1 200
Lain-lain Akaun Belum Terima	968	
Cetakan dan alat tulis	13 470	
Hartanah, loji dan mesin (dinilai pada 1 Oktober 2018)	238 650	
Belian	64 200	
Belanja membaiki	3 900	
Pulangan	466	1 290
Jualan		198 500
Gaji	28 300	
Akaun Belum Bayar		35 700
Akaun Belum Terima	34 200	
Pengangkutan	6 420	
	444 640	444 640

Maklumat tambahan yang belum diambil kira:

- (i) Inventori pada 30 september 2019 RM
- |              |        |
|--------------|--------|
| Barang niaga | 18 150 |
| Alat tulis   | 2 490  |
- (ii) Faedah atas pinjaman bank telah dibayar sehingga 31 Ogod 2019.
- (iii) Insurans yang dibayar adalah termasuk insurans atas bangunan untuk 12 bulan sehingga 31 Disember 2019 sebanyak RM660.

- (iv) Jualan termasuk RM3 840 diterima untuk kerja-kerja yang akan dilakukan pada bulan Oktober 2019.
- (v) Susut nilai dikenakan ke atas hartanah, loji dan mesin menggunakan kaedah penilaian semula. Pada 30 September 2019, hartanah, loji dan mesin dinilai pada RM230 300.
- (vi) Pada 1 Disember 2018 menerima tunai RM1 650 daripada seorang penghutang yang hutangnya telah menjadi lapuk pada 30 September 2018.
- (vii) Peruntukan hutang ragu dikekalkan pada 2% atas Akaun Belum Terima.

Tarikh: 30 September 2019	
<b>MEMO</b>	
Kepada : Alia	
Daripada : Puan Zahara	
<b>PERKARA</b>	
Sepanjang tahun perakaunan, saya telah menggunakan wang peribadi saya untuk perkara berikut:	
Tambang	RM 2 890
Sewa	15 000
Perkara di atas masih belum direkodkan dalam mana-mana buku.	

- (a) **Anda dikehendaki menyediakan:**
  - (i) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 September 2019.
  - (ii) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2019.
- (b) Mengapakah modal kerja menjadi negatif?

*(Jawapan: UK: RM135 320, UB: RM38 713, MK: (RM35 311), PKK: RM194 989, Jumlah Liabiliti Semasa lebih besar berbanding dengan Aset Semasa)*

MPP 2  
2019

6. Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perakaunan Qayyim Hardware, sebuah perniagaan milikan tunggal di Pekan Kemasik, Kemaman pada 31 Mac 2019:

Qayyim Hardware Imbangan Duga pada 31 Mac 2019		
	Debit RM	Kredit RM
Modal 1 April 2018		330 000
Premis (kos)	180 000	
Akaun Belum Terima	17 600	
Akaun Belum Bayar		16 390
Ambilan	1 250	
Kenderaan (kos)	42 000	
Inventori 1 April 2018	6 500	
Alatan pejabat (kos)	8 600	
Bank	115 420	
Tunai	820	
Angkutan masuk	600	
Pulangan	120	180
Kadar bayaran	830	
Belian dan Jualan	167 500	206 500
Peruntukan hutang ragu		220
Sewa		5 200
Promosi	1 320	
Susut nilai terkumpul kenderaan		4 200
Gaji	19 900	
Alat tulis	230	
	562 690	562 690

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Mac 2019 dinilai RM8 200 pada harga kos dan RM8 500 pada harga pasaran.
- (ii) Kadar bayaran belum bayar RM200.
- (iii) Sebahagian daripada premis disewakan dengan kadar RM450 sebulan.
- (iv) Barang niaga RM800 telah digunakan untuk pembaikan pagar sekolah SMK Wawasan belum direkod dalam mana-mana buku.
- (v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas baki Akaun Belum Terima bersih.
- (vi) Susut nilai:
  - Kenderaan 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
  - Alatan pejabat 10% setahun atas kos.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2019.
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2019.

(Jawapan: UK: RM40 960, UB: RM14 528, MK: RM125 298, PKK: RM343 278)

- 7 Puan Aina ialah pemilik Aina Enterprise yang beroperasi di Kuala Nerus, Terengganu. Imbangan duga berikut diambil daripada buku perakaunan pada 31 Julai 2019:

MPP 3  
2019

**Aina Enterprise**  
**Imbangan Duga pada 31 Julai 2019**

	Debit RM	Kredit RM
Modal 1 Ogos 2018		257 600
Premis (kos)	215 000	
Alatan pejabat (kos)	10 400	
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		2 080
Akaun belum terima	15 200	
Akaun belum bayar		13 756
Bank	33 725	
Tunai	1 720	
Peruntukan hutang ragu		620
Inventori 1 Ogos 2018	16 500	
Belian	120 468	
Jualan		163 430
Pulangan	1 120	
Upah atas belian	600	
Alat tulis	230	
Gaji	14 400	
Kadar bayaran	2 375	
Insurans	3 600	
Ambilan	2 148	
	437 486	437 486

**Maklumat**

**tambahan:**

- (i) Inventori pada 31 Julai 2019 dinilai RM16 100 pada harga kos dan RM18 500 pada harga pasaran.
- (ii) Barang niaga RM468 didermakan kepada Rumah Anak Yatim Solehah belum direkod dalam mana-mana buku.
- (iii) Alatan pejabat disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- (iv) Insurans dibayar untuk tempoh setahun berakhir pada 30 September 2019.
- (v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 3% atas baki Akaun belum terima.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2019.
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2019.
- (c) Akaun Insurans
- (d) Akaun Peruntukan Hutang Ragu

(Jawapan: UK: RM41 310, UB: RM 19 961, MK: RM53 133, PKK: RM275 413, Insurans RM3 000, PHR RM164 )

MPP 1  
2020

- 8 Encik Badlishah ialah pemilik Kedai Perabot SHAH yang beroperasi di Bandar Marang, Terengganu. Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perakaunan pada 31 Disember 2019:

**Imbangan Duga pada 31 Disember 2019**

	Debit RM	Kredit RM
Modal 1 Januari 2019		131 660
Ambilan	1920	
Alatan pejabat (kos)	11600	
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		2 320
Kenderaan	120 500	
Susut nilai terkumpul kenderaan		24100
Akaun Belum Terima	14700	
Akaun Belum Bayar		11680
Gaji	19500	
Kadar bayaran	5 850	
Peruntukan hutang ragu		420
Inventori 1 Januari 2019	19600	
Belian dan Jualan	116960	205250
Pulangan	930	660
Alat tulis	180	
Bank	30 760	
Tunai	1 190	
Insurans	2400	
Sewa kedai	30 000	
	376 090	376 090

**Maklumat tambahan:**

- (i) Inventori pada 31 Disember 2019 dinilai RM18200 pada harga kos dan RM16 900 pada harga pasaran.
- (ii) Gaji belum bayar RM500.
- (iii) Insuransprabayar RM200.
- (iv) Hutanglapuk RM350.
- (v) Ambilan tunai RM250 untuk kegunaan anaknya tertinggal catat.
- (vi) Barang niaga RM330 didermakan kepada Rumah Orang Tua Makmur belum direkod dalam mana-mana buku.
- (vii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas baki Akaun Belum Terima bersih.
- (viii) Alatan pejabat disusutnilaikan 10% setahun atas kos manakala kenderaan disusutnilaikan 20% mengikut kaedah baki berkurangan.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019.

(Jawapan: UK: RM85 650, UB: RM6 433, MK: RM50 683, PKK: RM135 923 )

- 9 Puan Sarimah adalah pemilik Sherry Enterprise yang beroperasi di Bandar Kuala Terengganu. Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perakaunannya pada 30 April 2020.

MPP2  
2020

**Imbangan Duga pada 30 April 2020**

	Debit RM	Kredit RM
Modal 1 Mei 2019		225 000
Perabot (kos)	9 700	
Kenderaan (kos)	48 000	
Ambilan	1 290	
Akaun Belum Terima	10800	
Akaun Belum Bayar		8290
Premis (kos)	140 000	
Inventori 1 Mei 2019	10 500	
Bank	35 840	
Tunai	980	
Pulangan	330	200
Komisen		230
Belanja am	660	
Belian dan Jualan	195 850	223 710
Peruntukan hutang ragu		320
Gaji	9 900	
Faedah atas simpanan		410
Insurans	2340	
Promosi	1 240	
Susut nilai terkumpul kenderaan		9 600
Alat tulis	330	
	467 760	467 760

**Maklumat tambahan:**

- (i) Inventori pada 30 April 2020 dinilai RM12 900 pada harga kos dan RM12700 pada harga pasaran.
- (ii) Belanja am belum bayar RM240.
- (iii) Gaji belum bayar RM900.
- (iv) Insurans prabayar RM180.
- (v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas baki Akaun Belum Terima bersih.
- (vi) Pemilik telah mengeluarkan cek RM500 kepada Rumah Anak-anak Yatim Seri Cahaya belum lagi direkodkan dalam mana-mana buku.
- (vii) Susut nilai:  
Kenderaan 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan  
Perabot 10% setahun atas kos.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2020.
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2020.

(Jawapan: UK: RM29 930, UB: RM6 094, MK: RM50 354, PKK: RM299 804 )

MPP3  
2020

- 10 Encik Ramzan merupakan pemilik RAM PERABOT yang menjual perabot di Bandar Marang, Terengganu. Imbangan Duga perniagaan pada 30 Jun 2020 adalah seperti berikut:

Imbangan Duga pada 30 Jun 2020		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Lengkapan kedai (kos)	26 700	
Insurans	1 920	
Kenderaan (kos)	58 000	
Inventori pada 1 Julai 2019	10 550	
Angkutan masuk	440	
Premis (kos)	139 000	
Bank	35 560	
Akaun Belum Terima	12 900	
Akaun Belum Bayar		22 400
Tunai	590	
Belian dan Jualan	42 600	98 300
Pulangan	420	1 120
Peruntukan hutang ragu		360
Komisen diterima		4 000
Gaji	16 900	
Modal pada 1 Julai 2019		195 310
Kadar bayaran	6 290	
Susut nilai terkumpul:		
Kenderaan		5 800
Lengkapan kedai		10 680
Premis		13 900
	<u>351 870</u>	<u>351 870</u>

**Maklumat tambahan:**

- (i) Inventori pada 30 Jun 2020 bernilai RM13 640 pada harga pasaran dan RM11 630 pada harga kos.
- (ii) Komisen diterima RM400 sebulan.
- (iii) Insurans prabayar RM320.
- (iv) Kadar bayaran yang dibayar termasuk kadar bayaran rumah kediaman keluarga pemilik RM660.
- (v) Derma barang niaga RM280 belum direkod dalam mana-mana buku.
- (vi) Seorang pelanggan telah diisytiharkan mufliis dengan hutangnya RM350 dianggap lapuk.
- (vii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 2% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (viii) Polisi susut nilai:
  - Kenderaan dan premis 10% atas baki berkurangan
  - Lengkapan kedai 20% atas kos

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2020. (Tunjukkan modal kerja)

(Jawapan: UK: RM57 320, UB: RM13 399, MK: RM38 799, PKK: RM209 049 )

## PEMBETULAN KESILAPAN

1. Hazwan Syazani pemilik perniagaan Telekung Syazani telah menyediakan Imbangan Duga pada 31 Oktober 2019. Beliau mengesan beberapa kesilapan berikut:

MPP1  
2020

- (i) Angkutan masuk RM320 tersalah rekod dalam Angkutan keluar.
- (ii) Jualan barang niaga kepada Galeri Aisyah terkurang catat RM90.
- (iii) Belanja membaiki kenderaan RM1 100 tersalah rekod dalam Akaun Kenderaan.
- (iv) Ambilan barang niaga untuk promosi RM240 belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (v) Komisen yang diterima secara tunai RM400 telah didebitkan dalam Akaun Komisen Diterima dan dikreditkan dalam Akaun Tunai.

**Anda dikehendaki** membantu Hazwan Syazani membetulkan kesilapan tersebut dalam Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan)

2. Cik Syahmina kerani akaun Izzati Technology sebuah kedai peralatan komputer menyediakan Imbangan Duga pada 31 Mac 2020:

MPP2  
2020

**Izzati Technology**  
**Imbangan Duga pada 31 Mac 2020**

	Debit	Kredit	RM
	RM		
Belian dan Jualan	39 500	64 100	
Pulangan	2 400	4 300	
Inventori pada 1 April 2019	30 800		
Perabot	9 500		
Gaji	22 800		
Insurans	3 200		
Angkutan masuk	640		
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	3 400	7 200	
Ambilan	500		
Bank	41 900		
Tunai	960		
Sewa	7 000		
Kenderaan	96 600		
Modal pada 1 April 2019			183 600
	259 200	259 200	

Kesilapan berikut telah dikesan selepas penyediaan Imbangan Duga:

- (i) Akaun Belian dan Akaun Pulangan Belian terlebih catat RM250.
- (ii) Cek tak layan RM800 yang diterima daripada pelanggan terlupa direkodkan dalam mana-mana buku.
- (iii) Sekeping nota kredit RM540 yang diterima daripada pembekal telah tersilap rekod sebagai RM450 dalam Jurnal Pulangan Belian dan diposkan ke lejar.
- (iv) Belanja membaiki kenderaan RM400 telah tersilap didebitkan dalam Akaun Gaji.
- (v) Jualan RM2 000 telah didebitkan ke Akaun Jualan dan dikreditkan ke Akaun Belum Terima.

**Anda dikehendaki:**

- (a) membetulkan kesilapan (i) hingga (v) dalam Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan).
- (b) menyediakan semula Imbangan Duga pada 31 Mac 2020.

(Jawapan: (b) 260 950)

## ANALISIS PENYATA KEWANGAN

1 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Tee Trading dan Bee Enterprise pada 31 Julai 2016.

BK2  
2017

### Tee Trading

	RM
Jualan	220 000
Belian	152 000
Inventori pada 1 Ogos 2015	39 600
Inventori pada 31 Julai 2016	30 800
Kos jualan	176 000
Belanja	6 600
Untung bersih	37 400
Akaun Belum Terima	54 247
Tunai	825
Overdraf bank	2 305
Insurans prabayar	660
Akaun Belum Bayar	22 452
Pinjaman (matang pada 1 April 2017)	6 600
Modal pada 1 Ogos 2016	467 500

(Nota: Semua urusan niaga belian dan jualan adalah secara kredit)

### Bee Enterprise

Tokokan	31%
Peratus untung bersih atas jualan	22%
Pulangan atas modal	10%
Nisbah semasa	3.50:1
Kadar pusing ganti inventori	4 kali
Tempoh kutipan hutang	55 hari

**Anda dikehendaki:**

- (a) mengira perkara berikut untuk Tee Trading:
  - (i) Untung kasar
  - (ii) Tokokan
  - (iii) Peratus untung bersih atas jualan
  - (iv) Pulangan atas modal
  - (v) Nisbah semasa
  - (vi) Kadar pusing ganti inventori
  - (vii) Tempoh kutipan hutang
- (b) menyatakan perniagaan manakah yang mempunyai:
  - (i) kedudukan kecairan yang baik
  - (ii) pengurusan stok yang cekap. Beri alasan anda.
- (c) menentukan perniagaan manakah yang sesuai dipilih bagi membuat pelaburan. Beri alasan anda.

*(Jawapan: (a)(i) RM44 000, (ii) 25%, (iii) 17%, (iv) 8%, (v) 2.76:1, (vi) 5 kali, (vii) 90 hari)*

MPP1  
2018

2. Wawa Anggun Kraf dan Kaka Sutra Kraf merupakan dua buah perniagaan yang terlibat dalam industri kraf di Kuala Telemong. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan bagi tahun berakhir 31 Januari 2018:

	Wawa Anggun Kraf	Kaka Sutra Kraf
	RM	RM
Modal awal	140 000	150 000
Jualan bersih	135 000	138 600
Untung kasar	58 465	62 870
Belanja	17 465	16 570
Hasil	1 000	1 700
Akaun Belum terima	12 500	8 000
Bank	20 365	15 700
Pinjaman	25 000	15 000
Inventori awal	41 200	38 700
Akaun Belum bayar	10 000	16 000
Inventori akhir	44 700	45 300

**Anda dikehendaki:**

- (a) menghitung perkara berikut bagi Wawa Anggun Kraf dan Kaka Sutra Kraf:
- (i) Kos jualan
  - (ii) Pulangan atas modal
  - (iii) Nisbah semasa
  - (iv) Kadar pusing ganti inventori
- (Berikan jawapan anda kepada **dua** titik perpuluhan yang paling hampir)
- (b) menentukan perniagaan manakah mempunyai prestasi yang lebih baik. Berikan alasan anda.
- (c) menentukan perniagaan manakah yang lebih cekap. Berikan alasan anda.

*(Jawapan: (a) (i) RM76 535, RM75 730 (ii) 30%, 32% (iii) 7.76:1, 4.31:1 (iv) 1.78 kali, 1.80 kali)*

- 3 Maklumat berikut diambil daripada buku-buku perakaunan Butik Aina Sofiya bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019 dan 30 Jun 2018:

MPP1  
2020

**Tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019**

	RM
Inventori 1 Julai 2018	7 660
Inventori 30 Jun 2019	6 340
Modal 1 Julai 2018	60 000
Jualan	110 000
Belian	75 680
Lengkapan	50 000
Alatan pejabat	8 000
Akaun Belum Terima	11 560
Akaun Belum Bayar	13 550
Bank	11 200
Insurans prabayar	400
Kadar bayaran belum bayar	150
Untung bersih	13 800

**Tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018**

Pulangan atas modal	20%
Kadar pusing ganti inventori	9 kali
Nisbah semasa	3 : 1

- (a) **Anda dikehendaki** menghitung perkara berikut bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019:
- (i) Kos jualan
  - (ii) Kadar pusing ganti inventori
  - (iii) Nisbah semasa
  - (iv) Pulangan atas modal
- (b) Pada tahun kewangan manakah perniagaan menunjukkan jualan yang lebih laris? Berikan alasan anda.

*(Jawapan: (a) (i) RM77 000 (ii) 11 kali (iii) 2.15:1 (iv) 23%)*

## REKOD TAK LENGKAP

1 Maa Runcit merupakan peniagaan milikan tunggal yang menjalankan perniagaan di Padang Midin, Kuala Terengganu. Perniagaan ini merekod urus niaga perniagaannya tidak mengikut sistem catatan bergu. Maklumat berikut diambil dari buku perakaunan untuk tahun berakhir 31 Mac 2017:

BK3  
2017

(a)

	1 April 2016	31 Mac 2017
	RM	RM
Inventori barang niaga	15 860	14 500
Inventori alat tulis	80	60
Premis (kos)	100 000	100 000
Perabot (kos)	3 400	4 900
Alat pejabat (kos)	5 000	?
Gaji prabayar	100	-
Komisen belum terima	-	150
Akaun Belum Terima	3 550	?
Akaun Belum Bayar	2 650	3 200
Bank	1 000	4 590
Tunai	450	2 075

(b) Ringkasan penerimaan dan pembayaran adalah seperti berikut:

Penerimaan	Tunai	Bank
	RM	RM
Akaun Belum Terima		22 550
Komisen diterima	450	3 000
Jualan	3 000	30 800
	3 450	56 350

Pembayaran	Tunai	Bank
	RM	RM
Belian	1 000	28 660
Ambilan	200	
Gaji		6 400
Kadar bayaran	420	
Perabot		2 000
Alat tulis	80	
Angkutan masuk	125	
Akaun Belum Bayar		15 700
	1 825	52 760

Maklumat tambahan:

- (i) Jumlah jualan kredit ialah RM24 600 dan jumlah belian kredit ialah RM16 250
- (ii) Pulangan jualan berjumlah RM200 belum direkod dalam mana-mana buku.

- (iii) Peruntukan hutang ragu diwujudkan 5% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (iv) Alat pejabat telah dibeli pada 1 Oktober 2015 dengan kos RM5 000. Perniagaan memperuntukkan susut nilai 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Tiada pelarasan susut nilai dibuat sejak tarikh pembelian aset tersebut.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima.
- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2017.
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2017 dengan menunjukkan Modal Kerja.

( Jawapan: Kaw. Belum Terima RM5400, UK RM10805, UB RM5215, MK RM23305, PKK RM131805 )

2. Puan Fazura pemilik Perniagaan Myzura yang beroperasi di Gong Badak menyimpan rekod perakaunannya tidak mengikut sistem catatan bergu.

MPP2  
2018

Berikut ialah baki-baki aset dan liabiliti perniagaannya :

	1 April 2017	31 Mac 2018
	RM	RM
Kenderaan	30 000	30 000
Lengkapan	20 500	?
Bank	9 600	(3 150)
Akaun Belum Bayar	10 870	9 270
Inventori	11 400	20 220
Kadar bayaran belum bayar	375	260
Akaun Belum Terima	5 430	7 280
Tunai	2 150	1 950
Insurans prabayar	-	500
Komisen belum terima	800	-

**Maklumat tambahan:**

- (i) Sepanjang tahun kewangan, Puan Fazura mengambil wang tunai RM350 setiap bulan dan barang niaga berjumlah RM1 200 untuk kegunaan keluarganya.
- (ii) Lengkapan bernilai RM7 200 dibeli pada 31 Mac 2018 untuk kegunaan perniagaan dengan wang peribadi Puan Fazura.
- (iii) Susut nilai lengkapan bagi tahun semasa ialah RM2 050.
- (iv) Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- (v) Baki hutang seorang pelanggan berjumlah RM280 dihapuskan sebagai hutang lapuk pada akhir tahun kewangan.

- (vi) Peruntukan hutang ragu ialah 5% atas Akaun Belum Terima bersih.  
 (vii) Sekeping invois diterima daripada Kedai Fattah bernilai RM1385 telah dicatat sebagai RM1 835. Perkara ini belum dibuat pelarasan.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata menghitung Modal pada 1 April 2017  
 (b) Penyata menghitung Modal pada 31 Mac 2018  
 (c) Penyata menghitung Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2018  
 (d) Akaun Modal

( Jawapan: Modal awal RM68635, Modal akhir RM69740, Rugi Bersih (RM695), Ak. Modal RM69740 )

- 3 Perniagaan Hamzalah merupakan sebuah perniagaan ikan hiasan yang beroperasi di pekan Manir. Perniagaan ini tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap:

MPP 2  
2019

Maklumat berikut diperolehi daripada buku-buku Perniagaan Hamzalah.

	1 Januari 2018	31 Disember 2018
	RM	RM
Kenderaan	62 000	62 000
Perabot	10 000	9 700
Inventori	3 450	3 660
Akaun Belum Terima	2 180	3 220
Komisen belum terima	730	-
Kadar bayaran belum bayar	860	-
Insurans prabayar	200	390
Angkutan masuk belum bayar	-	100
Gaji belum bayar	-	240
Bank	2 620	17 720

Penerimaan dan pembayaran sepanjang tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

<b>Penerimaan</b>	RM
Jualan	26 600
Akaun Belum Terima	14 830
Komisen diterima	2 980
<b>Pembayaran</b>	
Ambilan	500
Angkutan masuk	480
Kadar bayaran	1 200
Belian	20 270
Perabot	800
Gaji	3 260
Sewa	1 800
Insurans	1 000

**Maklumat Tambahan:**

- (i) Diskaun diberi RM600.
- (ii) Maklumat daripada dokumen A masih belum direkod.

<b>SALINAN</b>	<b>Perniagaan Hamzalah</b>	NK: 018	
	12 Pekan Manir 21200 Manir Kuala Terengganu Tel.: 019-9479314		
<b>Kepada</b> Asyikin Hobiku 213 Bangunan Dato Azri 21000 KualaTerengganu		Tarikh: 21 Jun 2018	
<b>Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:</b>			
<b>Kuantiti</b>	<b>Butir</b>	<b>Harga Seunit RM</b>	<b>Jumlah RM</b>
2 ekor	Ikan Flying Shape	50.00	100.00
			100.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			10.00
<b>Jumlah</b>			<b>90.00</b>
(Ikan dipulangkan kerana berpenyakit)			
(Ringgit: Sembilan puluh sahaja)			
<i>Asyikin</i> Penerima		<i>hamzalah</i> Pengurus	

**DOKUMEN A****Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima
- (b) Penyata Mengira Modal pada 1 Januari 2018
- (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

(Jawapan : Jualan kredit RM16 560 ; Modal awal RM80 320 ; Untung Bersih RM16 530)

- 4 Encik Hasmawi, seorang peruncit tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Aset dan liabiliti perniagaannya seperti berikut:

MPP2  
2020

	1 April 2018	31 Mac 2019
	RM	RM
Alatan Pejabat	27 000	27 000
Akaun Belum Bayar	5 400	7 100
Bank	12 000	18 400
Sewa belum bayar	3 600	2 850
Lengkapan	12 500	12 500
Kenderaan	44 000	?
Inventori	5 700	6 600
Akaun Belum Terima	3 800	4 300
Pinjaman	20 000	20 000

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 1 Jun 2018, pemilik telah membawa masuk van peribadi bernilai RM16 000 untuk kegunaan perniagaan. Perkara ini tidak direkod dalam mana-mana buku.
- (ii) Ambilan barang niaga setiap bulan bernilai RM200.
- (iii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas Akaun Belum Terima.
- (iv) Faedah atas pinjaman 8% setahun dan belum dijelaskan .
- (v) Lengkapan dan alatan pejabat disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata mengira modal pada 31 Mac 2019
- (b) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2019
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2019

( Jawapan : (a) RM93 085. (b) RM3 485, (c) RM113 085)

## PENYATA PENYESUAIAN BANK

1. Puan Mariah pemilik Mariah Enterprise telah menerima Penyata Bank bulan April 2017. Beliau mendapati baki Buku Tunai berbeza dengan baki Penyata Bank.

BK 2  
2017

Buku Tunai perniagaan untuk bulan April 2017 adalah seperti berikut:  
**Buku Tunai (ruangan bank)**

		RM			No Cek	RM
2017			2017			
April 1	Baki b/b	2 278	April 2	Belian	222145	1 555
4	Jualan	7 700	8	Kelulut Maju Bhd	222146	2 065
11	Rahman	1 200	14	Belian	222147	1 880
17	Komisen	62	22	Sewa	222148	1 600
27	Encik Jalal	1 500	25	Kadar bayaran	222149	420
29	Kedai Nora	949	30	Baki h/b		6 169
		13 689				13 689

Setelah Penyata Bank diteliti, didapati terdapat beberapa perkara yang tercatat dalam Penyata Bank tetapi belum direkodkan dalam Buku Tunai, antaranya adalah:

Perkara	RM
Dividen – Simme Bhd	2 200
Faedah atas simpanan tetap	800
Buku Cek	15
Caj Bank	10
Arahan tetap – Insurans	490

Perkara berikut telah direkod dalam Buku Tunai tetapi belum dicatat dalam Penyata Bank:

Perkara	RM
Cek daripada Encik Jalal	1 500
Cek daripada Kedai Nora	949
Cek untuk bayaran sewa (No. 222148)	1 600

Maklumat tambahan:

- (i) Cek bernombor 222146 berjumlah RM2 605 yang dibayar kepada Kelulut Maju Bhd telah tersilap rekod dalam Buku Tunai sebagai RM2 065.
- (ii) Cek daripada Rahman yang diterima pada 11 April 2017 dipulangkan oleh pihak bank dengan tanda "Rujuk Penyuruh bayar".

**Anda dikehendaki:**

- (a) mengemaskini Buku Tunai.
- (b) menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 April 2017 dengan memulakan dengan baki Buku Tunai yang dikemaskini.
- (c) menyatakan dua fungsi Penyata Bank.

*(Jawapan : Baki Dt Buku Tunai RM6 914)*

2(a)

Galang Rambu Trading ialah pembekal barangan plastik di Ketengah Jaya, Dungun. Urusniaga berikut berlaku sepanjang bulan April 2018:

- 1 Baki tunai di bank RM7 500.
- 6 Belian tunai RM2400 dibayar dengan cek bernombor 060251
- 8 Jualan tunai dibankkan RM674.
- 9 Jualan tunai RM600.
- 11 Bayar Khalil Automasi RM1 695 dengan cek bernombor 060252
- 16 Terima cek daripada Distopia Bhd RM970.
- 18 Membayar Kancil Bhd RM660 dengan cek bernombor 060253
- 20 Anuar Bersaudara menjelaskan hutangnya RM3 241 dengan cek.
- 22 Perniagaan menerima komisen RM343 daripada Hijrah Trading
- 25 Membayar Perniagaan Kamal RM1 432 dengan cek bernombor 060254.
- 27 Beli alat tulis RM250 secara tunai.
- 28 Membayar promosi berjumlah RM320 dengan tunai.
- 30 Membayar sewa RM680 secara tunai.

**Anda dikehendaki** merekod urus niaga tersebut ke dalam Buku Tunai.

*(Jawapan: Baki akhir Buku Tunai RM6 198)*

(b)

Galang Rambu Trading menerima Penyata Bank untuk bulan April 2018 yang menunjukkan baki yang berbeza dengan baki Buku Tunai yang telah disediakan.

Penyata Bank untuk bulan April 2018 adalah seperti berikut:

<b>Penyata Bank</b>					
<b>BANK UTUH MALAYSIA BHD</b> Galang Rambu Trading					
Lot 2447, Jalan Taqwa					
23300 Ketengah Jaya, Dungun					
Terengganu					
Tarikh: 30 April 2018			No.Akaun 011607281031		
Tarikh	Butir	No.Cek	Debit	Kredit	Baki
2018			RM	RM	RM
April 1	Baki b/b				9 080 (kt)
10	Cek	060251	2 400		6 680 (kt)
11	Deposit			674	7 354 (kt)
12	Cek	060250	1 580		5 774 (kt)
18	Cek	060252	1 695		4 079 (kt)
20	Dividen (Gourmet Bhd)			1 382	5 461 (kt)
28	Cek	060254	1 342		4 119 (kt)
28	Deposit			970	5 089 (kt)
30	Caj bank		162		4 927 (kt)

**Maklumat Tambahan:**

Cek yang dikeluarkan kepada Perniagaan Kamal berlaku kesilapan di Buku Tunai.

**Anda dikehendaki** menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 April 2018 tanpa mengemas kini Buku Tunai.

*(Jawapan: Baki Kt Penyata Bank RM4 927 atau Baki Dt Buku Tunai RM6 198)*

3 (a) Delima Letrik Sdn Bhd ialah pembekal barangan elektrik di Bandar Bukit Payong, Marang. Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan April 2019:

- April 1 Baki tunai di tangan RM1 200.
- 1 Baki tunai di bank RM9 400.
- 7 Belian tunai RM3 500 dibayar dengan cek bernombor 005561.
- 9 Jualan tunai dibankkan RM984.
- 10 Jualan tunai RM450.
- 12 Bayar Lan Letrik RM1 960 dengan cek bernombor 005562.
- 17 Terima cek daripada Ramlan RM820.
- 19 Membayar Wong Cerah RM1 250 dengan cek bernombor 005563.
- 21 Suhaimi Kelip menjelaskan hutangnya RM2 970 dengan cek.
- 23 Perniagaan menerima komisen tunai RM296 daripada Mega Letrik Bhd.
- 26 Membayar Hisham Letrik RM1 640 dengan cek bernombor 005564.

- 28 Beli alat tulis RM180 secara tunai.
- 29 Membayar iklan RM360 dengan tunai.
- 30 Membayar sewa RM550 dengan tunai.

**Anda dikehendaki** merekod urus niaga tersebut ke dalam Buku Tunai.

- (b) Delima Letrik Sdn Bhd menerima Penyata Bank untuk bulan April 2019 yang menunjukkan baki yang berbeza dengan baki Buku Tunai yang telah disediakan.

Penyata Bank untuk bulan April 2019 adalah seperti berikut:

MPP 2  
2019

<b>Penyata Bank</b>					
<b>BANK CAKNA MALAYSIA BHD</b>					
Delima Letrik Sdn Bhd Lot 66 Taman Cendana Bujit Payong, 21400 Marang Terengganu					
Tarikh: 30 April 2019			No. Akaun: 026668915426		
Tarikh	Butir	No.ccek	Debit	Kredit	Baki
2019			RM	RM	RM
April 1	Baki b/b				10 290
11	Cek	005561	3 500		6 790
12	Deposit			984	7 774
13	Cek	005560	1 640		6 134
20	Cek	005563	1 250		4 884
21	Dividen (Malati Bhd)			1 150	6 034
25	Insurans (perintah sedia ada)		400		5 634
29	Cek	005564	1 460		4 174
29	Jamal (pindahan kredit)			860	5 034
30	Caj bank		146		4 888
30	Buku Cek		15		4 873

**Maklumat Tambahan:**

- (i) Cek yang dikeluarkan kepada Hisham Letrik berlaku kesilapan di Buku Tunai.
- (ii) Cek yang diterima pada 17 Mac 2019 dipulangkan oleh pihak bank dengan tanda "Rujuk kepada Penyuruh Bayar".

**Anda dikehendaki** menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 April 2019 tanpa mengemas kini Buku Tunai.

*(Jawapan: Baki Kt Penyata Bank RM4 875 atau Baki Dt Buku Tunai RM5 074)*

MPP3  
2020

- 4 (a) Pada 1 Ogos 2020, Buku Tunai Syarikat Barat Berhad menunjukkan baki kredit akaun bank RM260. Maklumat berikut berkaitan urus niaga penerimaan dan pembayaran Syarikat Barat Berhad bagi bulan Ogos 2020:

- Ogos 2      Jualan tunai RM4 680 dan dibankkan.  
3      Membayar kadar bayaran RM1 400 dengan cek bernombor 112031.  
6      Belian barang niaga RM2 600 dengan cek bernombor 112032.  
9      Menerima cek RM3 250 daripada Jamilah.  
17     Membayar kos angkutan RM430 dengan cek bernombor 112033.  
21     Terima cek daripada Essa Enterprise RM2 230.  
22     Belian komputer RM1 500 dengan cek bernombor 112034.  
25     Belian perabot RM1 900 dengan cek bernombor 112035.  
28     Terima komisen RM800 daripada Rahmat Berhad.  
29     Membayar gaji RM2 400 dengan cek bernombor 112036.

**Anda dikehendaki** menyediakan Buku Tunai (ruangan bank sahaja).

- (b) Setelah Encik Barat menerima Penyata bank bagi bulan Ogos, beliau mendapati penyata bank menunjukkan baki kredit RM4 120 berbeza dengan baki buku tunai di 4(a). Perbezaan ini disebabkan oleh perkara berikut:

- (i) Dividen RM2 700 diterima daripada Syarikat Baharu Bhd dan bayaran buku cek RM30 belum direkodkan dalam buku tunai.  
(ii) Arahan tetap insurans RM650 belum direkodkan dalam buku tunai.  
(iii) Cek RM1 900 untuk bayaran perabot dan RM2 400 untuk gaji belum dikemukakan kepada bank.  
(iv) Komisen RM800 yang diterima daripada Syarikat Choong Bhd telah direkod dalam buku tunai tetapi belum lagi dikreditkan oleh pihak bank.  
(v) Cek RM2 230 yang diterima pada 21 Ogos dipulangkan oleh bank dengan tanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'.  
(vi) Cek bernombor 112031 berjumlah RM1 040 untuk bayaran kadar bayaran telah tersilap rekod dalam Buku Tunai sebagai RM1 400.

**Anda dikehendaki:**

- (i) Mengemaskini Buku Tunai (ruangan bank sahaja) pada 31 Ogos 2020.  
(ii) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Ogos 2020.

*(Jawapan: (a) RM470, (b) (i) RM620, (ii) RM4 120)*

## BELANJAWAN TUNAI

BK 3  
2017

1. Puan Hajah Noni ialah pemilik Seri Idaman Collection, sebuah perniagaan yang membekalkan peralatan perkahwinan di Bandar Dungun, Terengganu. Beliau dibantu oleh dua orang pekerja yang dibayar gaji bulanan RM1 300 seorang.

Beliau bercadang membuat pinjaman bank RM50 000 pada bulan April 2017 untuk membesarkan perniagaannya. Sebagai syarat untuk kelulusan pinjaman beliau diminta membuat perancangan berkenaan penerimaan dan pembayaran tunai untuk suku kedua tahun 2017.

Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan pada 1 April 2017:

	RM
Tunai di tangan	1 000
Tunai di bank	30 000
Akaun Belum Bayar	10 400
Modal	60 000
Inventori	40 000

Anggaran penerimaan dan pembayaran untuk 3 bulan adalah seperti berikut:

- (i) Anggaran belian:

April RM	Mei RM	Jun RM
22 000	40 000	35 000

70% daripada jumlah belian adalah secara tunai dan bakinya secara kredit dengan tempoh kredit selama 1 bulan

- (ii) Jualan alatan perkahwinan pada bulan April dianggarkan RM30 000 dan dijangka meningkat 8% sebulan daripada bulan sebelumnya.
- (iii) Kelulusan pinjaman bank diperoleh dalam bulan April dengan kadar faedah 4% setahun. Tempoh bayaran balik selama 5 tahun dan bermula pada bulan Mei.
- (iv) Pada bulan Mei, seorang lagi pekerja wanita diambil untuk membuat gubahan hantaran dengan gaji RM1 200 sebulan.
- (v) Kadar bayaran bulan April dianggarkan RM320 dan dijangka malar untuk dua bulan berikutnya.
- (vi) Satu lot kedai RM150 000 dijangka akan dibeli dalam bulan Mei dengan bayaran pendahuluan RM30 000 dan bakinya dibayar secara ansuran selama 96 bulan bermula pada bulan Jun.

Pada akhir bulan Jun 2017, jumlah penerimaan dan pembayaran sebenar adalah seperti berikut:

	RM
Jumlah Penerimaan	150 350
Jumlah Pembayaran	142 200

**Anda dikehendaki:**

- (a) menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 Jun
- (b) menghitung varian dengan membandingkan belanjawan dan prestasi sebenar.

(Jawapan: Baki Akhir 37 082)

MPP 2  
2018

2. Lubuk Batu Enterprise merupakan sebuah perniagaan milikan tunggal yang menjual barang-barang untuk aktiviti pertanian. Perniagaan ini telah merancang anggaran penerimaan dan pembayaran tunai untuk tiga bulan berakhir 30 September 2018.

Maklumat berikut telah diperoleh daripada perniagaan:

- (i) Pada 1 Julai 2018, baki tunai di tangan RM500, tunai di bank RM69 500 dan perabot RM4 000.
- (ii) Pada bulan Julai perniagaan bercadang membeli sebuah van berharga RM50 000. Bayaran pendahuluan adalah 20% dari nilai van dan bakinya dibayar secara ansuran RM1 000 sebulan bermula bulan berikutnya.
- (iii) Anggaran jualan:
 

Julai	RM42 000.
Ogos	RM54 600.
September	RM54 600.

40% daripada jumlah jualan adalah secara kredit dengan tempoh kredit selama satu bulan.
- (iv) Anggaran belian barang niaga adalah seperti berikut:

Julai	Ogos	September
RM 30 000	Peningkatan 30% daripada bulan sebelumnya	Sama seperti bulan sebelumnya

- (v) Kadar bayaran bulanan RM400.

**Anda dikehendaki** menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 September 2018

(Jawapan: Baki Akhir RM78 160)

MPP 2  
2019

3. Puan Suria ialah pemilik Butik & Spa Sirna Sari yang beroperasi di Kuala Nerus, Terengganu. Beliau telah menyediakan belanjawan tunai untuk tempoh tiga bulan berakhir pada 31 Ogos 2019.

Berikut adalah anggaran penerimaan dan pembayaran yang telah dibuat:

- (i) Baki-baki berikut diperoleh pada 1 Jun 2019:

	RM
Tunai di bank	7 000
Tunai di tangan	1 440
Peralatan kedai	18 000

- (ii) Anggaran jumlah belian:

	RM
Mei	6 500
Jun	7 500
Julai	8 500
Ogos	10 000

40% daripada jumlah belian adalah secara kredit dengan tempoh kredit satu bulan.

- (iii) Anggaran jualan bulanan adalah RM20 000, manakala jualan bulan Ogos dijangka meningkat 20% daripada bulan sebelumnya.
- (iv) Pada bulan Julai, Puan Suria bercadang memohon pinjaman dari bank RM25 000 dengan faedah 10% setahun selama 5 tahun. Bayaran balik pinjaman bermula pada bulan berikutnya.
- (v) Perniagaan mempunyai 3 orang pekerja yang dibayar gaji RM800 setiap seorang.
- (vi) Kadar bayaran bulanan dianggarkan RM650.

**Anda dikehendaki** menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Ogos 2019.

*(Jawapan: Baki akhir RM63 065)*

4 Encik Mahmud ialah pemilik Mutiara Elektrik yang beroperasi di Bandar Marang, Terengganu.

MPP2  
2020

Berikut adalah anggaran penerimaan dan pembayaran yang telah dibuat.

(i) Baki-baki berikut diperolehi pada 1 Jun 2019.

	RM
Tunai di bank	88 600
Tunai di tangan	1 440
Inventori	75400

(ii) Anggaran jumlah belian.

	RM
Mei	8200
Jun	10400
Julai	9500
Ogos	12100

60% daripada jumlah belian adalah secara kredit dengan tempoh kredit satu bulan.

- (iii) Anggaran jualan bulanan adalah RM15 000, manakala jualan bulan Ogos dijangka meningkat 20% daripada bulan sebelumnya.
- (iv) Pada bulan Julai, En Mahmud bercadang memohon pinjaman daripada Maybank Berhad RM25 000 dengan kadar faedah 10% setahun selama 5 tahun. Bayaran balik pinjaman bermula pada bulan berikutnya.
- (v) Perniagaan mempunyai 3 orang pekerja yang dibayar gaji RM1 200 setiap seorang.
- (vi) Kadar bayaran bulanan dianggarkan RM4 500.
- (vii) Perbelanjaan bagi tujuan iklan dan promosi adalah RM500 untuk bulan Jun dan Julai dan akan berkurangan sebanyak 10% pada bulan berikutnya.

**Anda dikehendaki menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Ogos 2019.**

*(Jawapan: Baki akhir RM83 505)*

<b>PERKONGSIAN</b>
--------------------

<b>MPP 2 2017</b>
-----------------------

1. Arisha, Rajiv dan Simon adalah rakan kongsi dalam perkongsian ARS Network di bandar Kuala Nerus, Terengganu. Perjanjian perkongsian telah menetapkan perkara berikut:
- (a) Faedah 5% setahun atas modal awal.
  - (b) Faedah 6% setahun dikenakan atas ambilan.
  - (c) Faedah atas pinjaman perkongsi 8% setahun.
  - (d) Gaji tahunan Arisha RM3 800 dan Simon RM3 600.
  - (e) Untung rugi diagihkan mengikut nisbah modal awal.

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Mei 2016:		
Arisha		60 000
Rajiv		50 000
Simon		40 000
Akaun Semasa pada 1 Mei 2016:		
Arisha		1 600
Rajiv	2 800	
Simon		320
Ambilan:		
Arisha (31 Mei 2016)	1 600	
Rajiv (1 Oktober 2016)	2 000	
Simon (1 Januari 2017)	2 100	
Untung bersih		22 440
Akaun Belum Terima	36 000	
Akaun Belum Bayar		59 000
Premis (kos)	100 000	
Alatan pejabat (kos)	40 970	
Perabot (kos)	8 760	
Tunai	160	
Bank	6 870	
Gaji:		
Arisha	3 000	
Simon	3 600	
Pinjaman daripada Arisha (dibuat pada 1 Mei 2016)		30 000
Inventori pada 30 April 2017	55 500	

Maklumat berikut diperolehi daripada buku perkongsian ARS Network.

**Maklumat tambahan:**

- (i) Untung bersih yang diperolehi belum mengambil kira perkara berikut:
  - (a) Insuran prabayar RM240.
  - (b) Kadar bayaran belum bayar RM360
  - (c) Peruntukan hutang ragu diwujudkan sebanyak 2% atas Akaun Belum Terima.
  - (d) Faedah atas pinjaman kepada perkongsi Arisha.

- (ii) Rajiv membawa masuk komputer RM3 600 milik peribadinya untuk kegunaan perniagaan pada 1 Januari 2017. Perkara ini belum direkod dalam buku perkongsian.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Untung bersih bagi tahun berakhir 30 April 2017.  
 (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2017.  
 (c) Akaun Modal dan Akaun Semasa pekongsi (beruangan).  
 (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2017 (bahagian ekuiti pemilik)

*[Jawapan: UB terselaras RM19200, Kongsii untung Arisha RM1800, Kongsii untung Rajiv RM1500, Kongsii untung Simon RM1200, Modal Arisha RM60000, Modal Rajiv RM53600, Modal Simon RM40000, Ak. Semasa Arisha RM7912, Ak. Semasa Rajiv RM870 (dt), Ak. Semasa Simon RM1378, Modal Kerja RM8690, PKK RM162020]*

2. Puan Tan dan Puan Alis adalah pekongsi dalam Perkongsian Tanalis yang membekalkan peralatan untuk kegunaan pejabat di Dungun, Terengganu.

MPP 3  
2018

Maklumat berkaitan ekuiti pemilik perkongsian pada 1 Januari 2017 adalah seperti berikut:

	RM
Akaun Modal:	
Tan	30 000
Alis	40 000
Akaun Semasa:	
Tan	500 (dt)
Alis	800

Sehingga 31 Disember 2017, maklumat berikut diperoleh:

- (i) Untung bersih perkongsian RM23 850.  
 (ii) Gaji yang telah dibayar kepada Puan Tan RM10 000.  
 (iii) Puan Alis telah mengambil tunai RM400 dan barang niaga RM800 untuk kegunaan keluarga pada 1 Mac 2017.  
 (iv) Pada 1 Julai 2017, perkongsian menerima pinjaman daripada Puan Alis RM20 000.

Perkara-perkara berikut telah dipersetujui dalam Ikatan Perjanjian Perkongsian:

- (i) Kongsii untung rugi mengikut nisbah modal tetap.  
 (ii) Puan Tan dilantik sebagai pengurus dan dibayar gaji tahunan RM12 000.  
 (iii) Semua ambilan yang dibuat oleh pekongsi dikenakan faedah 5% setahun.  
 (iv) Faedah atas modal 10% setahun berdasarkan jumlah modal pada awal tahun kewangan.  
 (v) Semua pinjaman daripada pekongsi dikenakan faedah 8% setahun dan dikreditkan terus ke Akaun Semasa.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017  
 (b) Akaun Semasa Pekongsi (dalam bentuk beruangan)  
 (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 (bahagian Ekuiti Pemilik sahaja)

*[Jawapan: Kongsii untung Tan RM2100, Kongsii untung Alis RM2800, Ak. Semasa Tan RM6600, Ak. Semasa RM7150]*

3. Melati, Karim dan Rahmat adalah pekongsi dalam Perkongsian MEKAR yang menjalankan perniagaan menjual kasut sukan di Bandar Ajil, Kuala Berang.

Perjanjian Perkongsian membenarkan perkara-perkara berikut:

- (i) Kongsi untung, atau rugi mengikut nisbah 1:2:1
- (ii) Faedah atas ambilan pekongsi 6% setahun.
- (iii) Faedah atas modal pekongsi 5% setahun dibayar atas baki modal pada akhir tahun kewangan.
- (iv) Faedah atas pinjaman pekongsi 8% setahun.
- (v) Gaji tahunan Rahmat RM18 000.

Pada 31 Disember 2018, maklumat berikut diperolehi daripada buku perkongsian:

	RM
Modal 1 Januari 2018:	
Melati	45 000
Karim	80 000
Rahmat	40 000
Akaun Semasa 1 Januari 2018:	
Melati	1 090
Karim	2 400 (dt)
Rahmat	3 325
Ambilan:	
Melati (1 Januari 2018)	2 000
Karim (1 Julai 2018)	4 200
Pinjaman Melati (matang 1 Januari 2020)	5 000
Faedah pinjaman Melati	300
Gaji Rahmat	12 000
Untung bersih	42 400
Alatan pejabat	45 000
Premis	120 000
Bank	8 450
Inventori	19 770
Akaun Belum Terima	6 735
Akaun Belum Bayar	3 740

**Maklumat tambahan:**

- (i) Hutang lapuk RM350 belum direkod dalam mana-mana buku.
- (ii) Insurans prabayar RM250.
- (iii) Komisen belum terperoleh RM150.
- (iv) Perkongsian membuat pinjaman daripada Melati pada 1 Januari 2018.
- (vi) Pada 1 Julai 2018, Rahmat telah membawa masukengkapan peribadi RM6 000 ke dalam perniagaan.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Untung Bersih selepas pelarasan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018
- (c) Akaun Semasa pekongsi
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018

[Jawapan: UB terselaras RM42050, Kongsi untung Melati RM3974, Kongsi untung Karim RM7948, Kongsi untung Rahmat RM3974, Ak. Semasa Melati RM5294, Ak. Semasa Karim RM5222, Ak. Semasa Rahmat RM15449, Modal kerja RM25965, PKK RM196965]

## PEMBUBARAN PERKONGSIAN

MPP 3  
2017

1. Melly dan Dina ialah pekongsi dalam sebuah perniagaan membekalkan pakaian sekolah di Kuala Terengganu yang berkongsi untung rugi mengikut nisbah modal masing-masing. Mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian mereka pada 31 Julai 2017. Maklumat berikut diperolehi pada tarikh pembubaran:

	RM
Kenderaan	50 000
Peralatan	15 900
Pelaburan	23 000
Inventori akhir	16 700
Akaun Belum Terima	5 300
Bank	10 000
Akaun Modal:	
Melly	60 000
Dina	40 000
Akaun Semasa:	
Melly	7 500
Dina	(1 800)
Pinjaman Bank	10 000
Akaun Belum Bayar	5 200

**Maklumat tambahan:**

- (i) Pelaburan dan inventori akhir dijual dengan harga RM28 000 dan RM15 500 masing-masing.
- (ii) Kenderaan diambil alih oleh Melly dengan harga RM45 000.
- (iii) Dina bersetuju mengambil alih peralatan dengan harga RM15 000.
- (iv) Baki Akaun Belum Terima dapat dikutip sepenuhnya setelah memberi diskaun RM300.
- (v) Pinjaman bank dijelaskan sepenuhnya.
- (vi) Melly bersetuju menjelaskan hutang kepada Akaun Belum Bayar berjumlah RM5 000.
- (vii) Belanja realisasi RM500.
- (viii) Menerima tunai RM650 daripada Akaun Belum Terima yang sudah dihapuskan sebagai hutang lapuk. Urus niaga ini belum direkod dalam mana-mana buku.
- (ix) Pada tarikh pembubaran, perniagaan mendapati sewa bulan Julai RM800 belum dibayar dan dijelaskan sepenuhnya.
- (x) Semua penerimaan dan pembayaran dibuat dengan cek.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Catatan Jurnal Am untuk merekod perkara (i) hingga (ix).  
(Abaikan keterangan)
- (b) Akaun Realisasi
- (c) Akaun Modal (dalam bentuk beruangan)

*[Jawapan: Rugi realisasi Melly RM1830, Rugi realisasi Dina RM1220, Lebihan Modal Melly RM25670, Lebihan Modal Dina RM21980]*

MPP 3  
2018

2. Azaziz Collections merupakan sebuah perniagaan perkongsian yang terlibat dalam pengedaran barang-barang hiasan dalaman di Bandar Permaisuri. Perniagaan ini dimiliki oleh Puan Azza dan Encik Aziz yang berkongsi untung rugi mengikut nisbah 2:1.

Pada 1 Julai 2018, mereka bersetuju untuk membubarkan perniagaan. Kedudukan kewangan pada tarikh tersebut adalah seperti berikut:

	RM
Kenderaan	40 000
Alatan pejabat	12 000
Inventori	9 800
Akaun Belum Terima	5 500
Akaun Belum Bayar	8 200
Bank	2 390
Akaun Modal:	
Azza	40 000
Aziz	20 000
Akaun Semasa:	
Azza	820
Aziz	670

Perkara-perkara berikut telah berlaku semasa pembubaran:

- (i) Alatan, pejabat dan inventori dijual dengan harga RM18 000.
- (ii) Kutipan daripada Akaun Belum Terima RM5 200.
- (iii) Kenderaan diambil alih oleh Encik Aziz dengan harga RM35 000.
- (iv) Akaun Belum Bayar dijelaskan sepenuhnya RM7 800.
- (v) Belanja realisasi RM300.
- (vi) Mana-mana pekongsi yang mengalami kekurangan modal perlu membawa masuk wang ke bank.
- (vii) Semua penerimaan dan pembayaran dibuat melalui bank.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Realisasi
- (b) Akaun Bank
- (c) Akaun Modal Pekongsi

*[Jawapan: Rugi realisasi Azza RM6000, Rugi realisasi Aziz RM3000, Ak. Bank RM42920, Lebihan Modal Azza 34820, Kurangan Modal Aziz RM17330]*

MPP 3  
2019

3. Puan Syikin, Puan Elly dan Encik Azri merupakan rakan kongsi dalam Perkongsian Smart Body yang merupakan perniagaan produk kecantikan. Kongsi untung atau rugi perniagaan ini telah di persetujui dengan nisbah 2:1:1. Pada 30 Jun 2019 mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian. Kedudukan kewangan perniagaan pada tarikh tersebut adalah seperti berikut:

	RM
Kenderaan (kos)	50 000
Alatan Pejabat (kos)	15 000
Inventori akhir	40 500
Akaun Belum Terima	10 800
Bank	6 200
Pinjaman Syikin	10 000
Akaun Belum Bayar	10 650
Akaun Modal Syikin	40 000
Akaun Modal Elly	20 000
Akaun Modal Azri	20 000
Akaun Semasa Syikin	18 850
Akaun Semasa Elly	3 400
Akaun Semasa Azri	(400)

Perkara-perkara berikut berlaku semasa pembubaran:

- (i) Kenderaan diambil alih oleh Puan Syikin dengan nilai 80% dari harga kos dan Alatan pejabat diambil alih oleh Encik Azri dengan nilai RM9 800.
- (ii) Belanja guaman RM800 ditanggung oleh Puan Elly.
- (iii) Inventori dijual pada harga RM38 000.
- (iv) Kutipan daripada Akaun Belum Terima RM10 260.
- (v) Akaun belum bayar dijelaskan sepenuhnya RM10 090.
- (vi) Pinjaman daripada Puan Syikin dibayar balik sepenuhnya dan kadar faedah atas pinjaman 5% setahun masih belum dijelaskan.
- (vii) Kadar bayaran RM300 masih belum dijelaskan.
- (viii) Semua penerimaan dan pembayaran dibuat dengan cek.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Realisasi
- (b) Akaun Modal
- (c) Akaun Bank
- (d) Akaun Belum Bayar

*[Jawapan: Rugi realisasi Syikin RM9640, Rugi realisasi Elly RM4820, Rugi realisasi Azri RM4820, Lebihan Modal Syikin RM9710, Lebihan Modal Elly RM19380, Lebihan Modal Azri RM4980, Akaun Bank RM54460, Ak. Belum Bayar RM10650]*

4

MPP3  
2020

Qaisara dan Marissa adalah pekongsi dalam perniagaan Butik Qamissa yang beroperasi di Pekan Bukit Payong, Marang. Mereka berkongsi untung atau rugi secara sama rata. Pada 30 September 2020, mereka bersetuju untuk membubarkan perniagaan. Maklumat kewangan berikut diperoleh pada tarikh pembubaran:

	RM	RM
Premis		65 000
Alatan pejabat		15 000
Inventori		12 800
Perabot		20 000
Akaun Belum Terima		16 750
Akaun Belum Bayar		30 300
Kadar bayaran belum bayar		850
Bank		21 600
Modal:		
Qaisara	60 000	
Marissa	60 000	120 000

Perkara-perkara berikut berlaku semasa pembubaran:

- (i) Premis dijual mengikut nilai buku manakala inventori dan perabot dijual dengan harga RM30 500.
- (ii) Alatan pejabat diambil alih oleh Qaisara pada harga RM13 900.
- (iii) Wang sebanyak RM16 000 dapat dikutip daripada Akaun Belum Terima.
- (iv) Akaun Belum Bayar dijelaskan sepenuhnya.
- (v) Kadar bayaran belum bayar dijelaskan sepenuhnya pada tarikh pembubaran.
- (vi) Proses pembubaran melibatkan perbelanjaan RM3 200.
- (vii) Semua pembayaran dan penerimaan dibuat melalui bank.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Realisasi
- (b) Akaun Bank
- (c) Akaun Modal pekongsi (beruangan)

(Jawapan: (a) RM4 175, (c) RM41 925, RM55 825)

## SYARIKAT BERHAD

1. Syarikat Firma Kreatif Bhd. menjalankan perniagaan membekalkan cenderamata serta kad undangan untuk pelbagai majlis. Syarikat telah menerbitkan 50 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 100 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer. Pada 1 Januari 2017, semua syer tersebut telah dilanggan dan dibayar penuh.

MPP 3  
2018

Pada 1 Ogos 2017, syarikat memerlukan modal tambahan untuk mengembangkan perniagaannya. Syarikat telah menerbitkan 200 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 400 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.50 sesyer. Pada 31 Ogos 2017, semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh.

Pada 31 Disember 2017, Lembaga Pengarah syarikat telah mengisytiharkan dividen akhir kepada pemegang Syer Keutamaan dan 4 sen sesyer kepada pemegang Syer Biasa.

### **Anda dikehendaki**

- (a) menghitung:
- (i) Modal diterbitkan dan berbayar penuh terbitan pertama
  - (ii) Modal diterbitkan dan berbayar penuh terbitan kedua
  - (iii) Dividen akhir bagi Syer Keutamaan dan Syer Biasa
- (b) menyatakan dua ciri perbezaan Syer Keutamaan dan Syer Biasa

2. Maklumat berikut diambil daripada buku Teguh Berdiri Berhad:

MPP 3  
2019

### **Modal pada 1 Julai 2018**

2 000 000 unit 7% Syer Keutamaan RM2 000 000

3 000 000 unit Syer Biasa RM1 500 000

Pada 20 September 2018, syarikat menerbitkan 1 000 000 unit 9% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 800 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer kepada orang awam. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 30 September 2018.

Syarikat telah membayar dividen interim untuk Syer Keutamaan pada 31 Disember 2018.

Bagi tahun berakhir 30 Jun 2019, syarikat mengisytiharkan dividen akhir kepada pemegang Syer Keutamaan dan 5% dividen akhir kepada pemegang Syer Biasa.

**Anda dikehendaki:**

- (i) menghitung Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh untuk terbitan syer pada 20 September 2018
- (ii) menghitung dividen interim Syer Keutamaan
- (iii) menghitung dividen akhir
- (iv) menyatakan **tiga** ciri Syer Keutamaan

3 Nursehantaranah Berhad merupakan sebuah syarikat hartanah yang beroperasi di Kuala Nerus, Terengganu. Pada 1 Mac 2019, syarikat telah menerbitkan 3 000 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 2 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Pada 10 Mac 2019, semua syer itu telah dilanggan dan dibayar penuh.

MPP3  
2020

Pada 30 Jun 2019, syarikat telah membayar dividen interim bagi pemegang Syer Keutamaan dan 4% bagi pemegang Syer Biasa.

Pada 3 Ogos 2019, syarikat memerlukan modal tambahan dengan menerbitkan 1 000 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Pada tarikh tutup permohonan 11 Ogos 2020, semua Syer Keutamaan telah dilanggan penuh manakala terdapat kurangan langganan berjumlah RM100 000 bagi Syer Biasa. Wang kurangan langganan ditanggung oleh pihak penaja jamin pada 15 Ogos 2019.

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2019, syarikat mengisytiharkan dividen akhir kepada pemegang Syer Keutamaan dan 3 sen seunit dividen akhir kepada pemegang Syer Biasa.

**Anda dikehendaki:**

- (a) merekod terbitan syer ke dalam:
  - (i) Akaun Permohonan 8% Syer Keutamaan
  - (ii) Akaun Permohonan 6% Syer Keutamaan
  - (iii) Akaun Permohonan Syer Biasa
  - (iv) Akaun Modal 8% Syer Keutamaan
  - (v) Akaun Modal 6% Syer Keutamaan
  - (vi) Akaun Modal Syer Biasa
  - (vii) Akaun Bank
- (b) menyediakan petikan Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2019 (bahagian Ekuiti Pemilik sahaja)
- (c) menghitung dividen interim
- (d) menghitung dividen akhir

(Jawapan: (c) SK RM80 000, SB RM40 000, (d) 8% SK RM120 000, 6% SK RM50 000, SB RM90 000)

## KELAB DAN PERSATUAN

1. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kelab Sukan Belia Jaya, Taman Seri Bandi Kemasik. Kelab tersebut juga menganjurkan kelas dan pertandingan silat untuk menambah dana.

MPP 3  
2018

Ringkasan penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2018 adalah seperti berikut:

	RM		RM
Yuran masuk	3 000	Upah guru silat	2 100
Yuran ahli	11 360	Promosi	1 510
Kutipan pertandingan silat	10 808	Gaji pekerja	4 000
Derma bangunan kelab	8 000	Belanja am belum bayar	400
		Alatan sukan	1 820
		Kadar bayaran	282
		Belanja pertandingan silat	4 888
		Insurans	1 250

Maklumat tambahan:

- (i) Aset dan liabiliti:

	1 Julai 2017 (RM)	30 Jun 2018 (RM)
Kelengkapan (kos)	8 000	8 000
Alatan sukan (kos)	25 000	24 800
Bangunan kelab	80 000	80 000
Susut nilai terkumpul kelengkapan	?	1 600
Yuran belum terima	360	-
Yuran belum terperoleh	-	650
Belanja am	-	130
Insurans prabayar	250	125
Kadar bayaran belum bayar	150	-
Bank	350	?

- (ii) Yuran masuk hendaklah dianggap sebagai pendapatan hasil.  
 (iii) 10% daripada gaji pekerja adalah upah guru silat.  
 (iv) 1/3 daripada yuran belum terima tahun lepas tidak dapat dikutip.  
 (v) Kelengkapan dibeli pada 1 Julai 2016 dan disusutnilaikan 10% setahun menggunakan kaedah garis lurus.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata mengira Dana Terkumpul pada 1 Julai 2017  
 (b) Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2018  
 (c) Penyata Untung Rugi pertandingan silat  
 (d) Akaun Yuran Ahli  
 (e) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2018

(Jawapan: Dana Terkumpul Awal RM113010, Ak Penerimaan & Pembayaran RM17268, Untung Pertandingan Silat RM3420, Yuran RM, Lebihan RM6803)

2. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kelab Rakan Muda, Bandar Marang, Terengganu. Kelab tersebut juga menganjurkan kelas dan pertandingan melukis untuk menambah dana.

MPP 3  
2019

**Ringkasan penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2019**

	RM		RM
Yuran masuk	4 000	Upah guru seni lukis	3 100
Yuran ahli	12 120	Promosi	2 210
Kutipan pertandingan melukis	11 200	Gaji pekerja	5 000
Derma bangunan kelab	9 000	Belanja am	300
		Alatan sukan	2 450
		Kadar bayaran	352
		Belanja pertandingan melukis	4 210
		Insurans	1 350

**Maklumat tambahan:**

- (i) Aset dan liabiliti:
- |                           | 1 Julai 2018 | 30 Jun 2019 |
|---------------------------|--------------|-------------|
|                           | RM           | RM          |
| Kelengkapan (kos)         | 7 000        | 7 000       |
| Alatan sukan              | 26 000       | 25 800      |
| Bangunan kelab (kos)      | 70 000       | 70 000      |
| Yuran belum terima        | 460          | –           |
| Yuran belum terperoleh    | –            | 720         |
| Belanja am belum bayar    | –            | 170         |
| Insurans prabayar         | 240          | 135         |
| Kadar bayaran belum bayar | 250          | –           |
| Bank                      | 450          | ?           |
- (ii) Yuran masuk hendaklah dianggap sebagai pendapatan hasil.
- (iii) 10% daripada gaji pekerja adalah upah guru seni lukis.
- (iv) 1/4 daripada yuran belum terima tidak dapat dikutip.
- (v) Kelengkapan dibeli pada 1 Julai 2018 dan disusutnilaikan 10% setahun menggunakan kaedah garis lurus.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- Penyata mengira Dana Terkumpul 1 Julai 2018
- Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2019
- Akaun Yuran Ahli
- Penyata Untung Rugi Pertandingan Melukis
- Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2019

(Jawapan: Dana Terkumpul Awal RM103900, Baki akhir RM17798, Yuran RM11055, Untung Pertandingan Melukis RM3390, Lebihan RM6543)

- 3 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Kelab Fotografi Nasya yang beroperasi di Kuala Nerus, Terengganu.

MPP2  
2020

**Ringkasan penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 31 Mac 2020**

	RM		RM
Yuran masuk	550	Akaun Belum Bayar	730
Yuran ahli	3 700	Belian kedai fotografi	890
Kutipan pertandingan fotografi	1 500	Upah pekerja kedai fotografi	1 100
Derma	500	Akhbar dan majalah	120
Akaun Belum Terima	800	Perabot	2300
Komisen diterima	1 000	Kadar bayaran	380
Jualan kedai fotografi	4 800	Belanja pertandingan fotografi	860
		Insurans	300

**Maklumat tambahan:**

- (i) Aset dan liabiliti:

	1 April 2019	31 Mac 2020
	RM	RM
Perabot	5 400	6 390
Inventori kedai fotografi	7 300	4 540
Akaun Belum Terima	700	830
Akaun Belum Bayar	1 200	600
Yuran belum terima	500	300
Yuran belum terperoleh	200	400
Komisen belum terima	–	170
Kadar bayaran prabayar	50	–
Bank	10 500	?

- (ii) Yuran masuk dianggap sebagai pendapatan modal.  
(iii) Akhbar dan majalah masih belum dijelaskan RM60.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Mac 2020  
(b) Akaun Yuran Ahli  
(c) Akaun Kawalan Belum Terima  
(d) Akaun Kawalan Belum Bayar  
(e) Akaun Perdagangan Kedai Fotografi bagi tahun berakhir 31 Mac 2020  
(f) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Mac 2020

(Jawapan: (a) RM16 670, (b) RM3 300, (c) RM930, (d) RM130, (e) RM850, (f) RM4 240)

4 Berikut adalah ringkasan penerimaan dan pembayaran yang dikemukakan oleh bendahari Kelab Sukan dan Kebajikan Taman Sri Tembesu pada 30 Jun 2020.

MPP3  
2020

<b>Penerimaan:</b>	<b>RM</b>
Yuran ahli	7 400
Yuran masuk	250
Derma	10 000
<b>Pembayaran:</b>	<b>RM</b>
Sewa rumah kelab	3 600
Belanja am	170
Kadar bayaran	890
Akhbar dan majalah	275
Perabot	700

**Maklumat tambahan**

(i) Baki-baki aset dan liabiliti kelab adalah seperti berikut:

	1 Julai 2019	30 Jun 2020
	RM	RM
Bank	8 795	20 810
Yuran belum terima	450	200
Yuran belum terperoleh	50	300
Perabot	6 000	5 840
Belanja am belum bayar	-	40
Akhbar dan majalah prabayar	25	-
Kadar bayaran belum bayar	175	-

- (ii) Derma diterima adalah untuk membina gelanggang futsal kelab.  
 (iii) Yuran masuk hendaklah dianggap sebagai pendapatan hasil.  
 (iv) 1/3 daripada yuran belum terima tempoh perakaunan lepas tidak dapat dikutip dan dihapuskan sebagai yuran lapuk.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Yuran  
 (b) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2020

(Jawapan: (a) RM7 050, (b) RM1 465)

## AKAUN PENGELUARAN

1 Butir-butir berikut diperoleh daripada buku-buku. Kilang Kayu Nerus pada 31 Disember 2017:

MPP 2  
2018

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Inventori barang siap	4 150	7 138
Alat-alat kecil kilang	486	562
Inventori bahan langsung	4 668	5 298
Kerja dalam proses	1 350	1 047

Urus niaga berikut berlaku sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2017:

	RM
Belian bahan langsung	62 660
Belian alat-alat kecil	3 340
Belian alat tulis	1 200
Pulangan belian bahan langsung	2 240
Duti atas belian bahan langsung	980
Gaji pekerja kilang	22 420
Gaji pengurus	12 540
Penyelenggaraan kilang	9 400
Insurans	6 000
Kadar bayaran kilang	12 600
Belanja langsung	3 150
Bahan api kilang	4 652
Jualan	179 300
Sewa	6 400
Loji dan mesin (kos)	52 600

**Maklumat tambahan:**

- (i) Pulangan belian bahan langsung tertinggal catat RM300.
- (ii) Gaji pekerja kilang RM3 500 belum bayar.
- (iii) Bahan api kilang terlebih bayar RM340.
- (iv) 30% daripada gaji pengurus adalah untuk pengurus kilang.
- (v) 60% alat tulis adalah alat tulis pejabat.
- (vi) Insurans yang dibayar berakhir 31 Januari 2018. Insurans dan sewa diagihkan antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 70:30
- (vii) Loji dan mesin disusutnilaikan 20% mengikut kaedah garis lurus.
- (viii) Penyelenggaraan kilang termasuk penyelenggaraan pejabat RM3 500.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- (c) Akaun Alat-Alat Kecil

*(Jawapan: Kos Prima: RM89 540; Kos Pengeluaran: RM139 011; UK: RM43 277)*

2. Kilang Jeans Hana ialah sebuah kilang yang mengeluarkan seluar jeans mengikut citarasa pengguna. Kilang ini beroperasi di Jertih, Besut. Imbangan duga berikut diperolehi daripada buku perniagaannya bagi tahun berakhir 31 Mei 2019:

MPP 3  
2018

## Imbangan Duga pada 31 Mei 2019

	Debit RM	Kredit RM
Inventori pada 1 Jun 2018:		
Bahan langsung	34 080	
Kerja dalam proses	10 270	
Barang siap	6 980	
Alat-alat kecil	560	
Modal		253 950
Akaun belum terima	22 000	
Angkutan masuk	1 800	
Belian bahan langsung	42 000	
Upah buruh langsung	16 800	
Kadar bayaran	10 920	
Sewa	44 640	
Angkutan keluar	800	
Upah buruh tak langsung	12 800	
Insurans	3 360	
Belanja penyelenggaraan kilang	1 440	
Belian alat-alat kecil	1 620	
Mesin (kos)	60 000	
Akaun belum bayar		18 930
Belanja am kilang	1 790	
Alat tulis kilang	250	
Hak cipta	1 200	
Bank	35 830	
Gaji pengurus kilang	33 960	
Susut nilai terkumpul mesin		16 260
Jualan		53 960
	343 100	343 100

**Maklumat tambahan:**

- (i) Inventori pada 31 Mei 2019:

	RM
Bahan langsung	1 685
Kerja dalam proses	9 870
Barang siap	11 340
Alat-alat kecil	765
Alat tulis kilang	90

- (ii) Insurans prabayar RM360.  
 (iii) Pulangan belian bahan langsung RM550 telah tertinggal catat dalam buku perniagaan.  
 (iv) Kos angkutan keluar RM450 telah tersilap rekod sebagai angkutan masuk.  
 (v) Mesin disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki

berkurangan.

(vi) Belanja berikut diagihkan di antara kilang dan pejabat:

	Kilang (%)	Pejabat (%)
Sewa	60	40
Insurans	75	25
Kadar bayaran	70	30

**Anda dikehendaki** menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Mei 2019

(Jawapan: Kos Prima: RM93 195; Kos Pengeluaran: RM186 212)

- 3 Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Songket Menawan, sebuah kilang tenunan songket yang beroperasi di Bukit Kor, Marang pada 30 Jun 2017.

**Songket Menawan**  
**Imbangan Duga pada 30 Jun 2017**

	RM	RM
Modal pada 1 Julai 2016		159 109
Inventori pada 1 Julai 2016:		
Bahan langsung	9 490	
Kerja dalam proses	3 800	
Barang siap	20 500	
Alat - alat kecil	2 800	
Jualan		455 000
Angkutan masuk	2 880	
Gaji jurujual	15 925	
Belian bahan langsung	102 310	
Gaji kilang	113 545	
Upah buruh tak langsung	36 400	
Alatan (kos)	120 000	
Susut nilai terkumpul alatan		60 000
Lengkapan (kos)	28 000	
Susut nilai terkumpul lengkapan		11 200
Kenderaan (kos)	62 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		22 320
Sewa	30 000	
Belanja pentadbiran	21 600	
Insurans	17 870	
Kadar bayaran	15 240	
Petrol kilang	24 648	
Alat tulis kilang	650	
Pembaikan alatan	11 700	
Akaun Belum Terima	70 200	
Akaun Belum Bayar		18 791
Bank	8 840	
Peruntukan hutang ragu		3 510
Royalti kilang	10 000	
Belanja am kilang	1 532	
	<u>729 930</u>	<u>729 930</u>

**Maklumat tambahan:**

(i) Berikut adalah belanja-belanja mengikut agihan kilang dan pejabat:

	Kilang (%)	Pejabat (%)
Sewa	70	30
Insurans	60	40
Kadar bayaran	80	20
Pembaikan alatan	50	50
Susut nilai:		
Alatan	90	10
Lengkapan	-	100
Kenderaan	50	50

(ii) Alatan danengkapan disusutnilaikan 10% dan 20% setahun masing-masing mengikut kaedah garis lurus, mana kala kenderaan sebanyak 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

(iii) Inventori pada 30 Jun 2017:

	RM
Bahan langsung	11 310
Kerja dalam proses	14 225
Barang siap	24 830
Alat tulis kilang	200
Alat – alat kecil	1 620

(iv) Gaji kilang belum bayar sebanyak RM2 730.

(v) Belanja am kilang prabayar RM232.

**Anda dikehendaki** menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2017.

(Jawapan: RM347 730)

4 Butir-butir berikut diperoleh daripada buku-buku Kilang Seramik Cerah pada 30 April 2016.

	1 Mei 2015 RM	30 April 2016 RM
Inventori bahan langsung	4 150	7 138
Kerja dalam proses	5 289	6 354
Inventori barang siap	4 668	5 298
Inventori alat-alat kecil	1 350	1 047
Inventori alat tulis kilang	584	356

Urus niaga berikut berlaku sepanjang tahun berakhir 30 April 2016:

	RM
Belian bahan langsung	71 830
Belian alat-alat kecil	3 280
Belian alat tulis kilang	1 528
Pulangan bahan langsung	3 180
Angkutan masuk bahan langsung	1 810
Gaji pekerja kilang	21 890
Gaji pengurus	12 540

Komisen jurujual	3 600
Insurans	8 000
Kadar bayaran kilang	12 000
Pulangan jualan	3 450
Gas dan bahan bakar kilang	4 653
Jualan	190 400
Sewa	9 400
Loji dan mesin (kos)	64 000
Susut nilai terkumpul loji dan mesin	12 800
Penyelenggaraan kilang	11 000
Peralatan kilang (kos)	42 000
Bayaran royalti	10 600

**Maklumat tambahan:**

- (i) Pulangan belian bahan langsung tertinggal catat RM400.
- (ii) Insurans dan sewa diagihkan antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 3:2
- (iii) 20% daripada gaji pengurus adalah gaji pengurus kilang.
- (iv) Gaji pekerja kilang sebanyak RM4 000 belum bayar.
- (v) Loji dan mesin disusutnilaikan pada kadar 20% mengikut baki berkurangan.
- (vi) 40% daripada jumlah penyelenggaraan kilang dipindahkan kepada peralatan kilang.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 April 2016.
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 April 2016.

(Jawapan: a) RM154 187 b) UK RM33 393)

- 5 Gunung Biru ialah sebuah perniagaan yang mengeluarkan air minuman. Berikut ialah maklumat yang dipetik daripada perniagaan tersebut bagi tahun berakhir 30 Jun 2017.

	RM
Inventori pada 1 Julai 2016:	
Bahan mentah	20 500
Kerja dalam proses	12 500
Barang siap	30 000
Alat-alat kecil	2 500
Jualan	592 500
Belian bahan mentah	100 000
Belian alat-alat kecil	6 700
Pulangan belian bahan mentah	3 000
Angkutan masuk bahan mentah	2 500
Buruh langsung	144 000
Sewa kilang	16 900
Sewa pejabat	6 000
Kadar bayaran	14 000
Insurans	21 000
Gaji: Penyelia kilang	43 200

Penyelia Pejabat	49 200
Belanja am pejabat	24 000
Belanja Penyelenggaraan bangunan	13 200
Upah tak langsung: Kilang	12 000
Pejabat	1 000
Mesin (kos)	120 000
Susut nilai terkumpul mesin	35 000
Sewa alatan pejabat	9 000
Inventori pada 30 Jun 2017:	
Bahan mentah	25 000
Kerja dalam proses	17 500
Barang siap	24 000
Alat-alat kecil	1 100

**Maklumat tambahan:**

- (i) Sewa kilang prabayar sebanyak RM1 900
- (ii) Kadar bayaran belum bayar RM2 000
- (iii) Insurans prabayar sebanyak RM4 500
- (iv) Mesin disusutnilaikan pada kadar 15% setahun
- (v) Kadar bayaran, insurans dan belanja penyelenggaraan 70% untuk kilang dan 30% untuk pejabat

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2017
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2017

(Jawapan: a) RM362 290 b) UK RM224 21

- 6 Kilang Batik Ajeera adalah pengeluar kain batik yang beroperasi di Chendering, Kuala Terengganu. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan kilang pada 31 Mei 2020:

MPP 3  
2018

	RM
Inventori pada 1 Jun 2019:	
Bahan langsung	12 400
Kerja dalam proses	10 270
Belian bahan langsung	85 200
Angkutan masuk	2 200
Sewa kilang	15 600
Air dan elektrik	14 500
Loji dan mesin	65 000
Upah tak langsung	24 300
Upah langsung	32 600
Pulangan belian	1 650
Insurans kilang	3 600
Inventori pada 31 Mei 2020:	
Bahan langsung	9 240
Kerja dalam proses	9 870

**Maklumat tambahan:**

- (i) Loji dan mesin disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- (ii) Insurans kilang prabayar RM300.
- (iii) 60% daripada air dan elektrik adalah untuk kilang dan bakinya untuk pejabat.

**Anda dikehendaki** menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Mei 2020.

(Jawapan: 180 310)

## ANALISIS TITIK PULANG MODAL

1. Perniagaan Bahijah Adik Beradik adalah pengeluar Sos Tiram Enak berjenama SOTE. Berikut ialah maklumat berhubung dengan hasil dan kos dalam pengeluaran tersebut:

BK 3  
2017

	RM	
EkstrakTiram	1.50	sebotol
Perisa dan pemekat	0.50	sebotol
Gaji buruh langsung	0.50	sebotol
Overhed berubah	0.50	sebotol
Harga jualan	5.00	sebotol
Sewa	1 200	sebulan
Overhed tetap	600	sebulan
Promosi	200	Sebulan

**Hitungkan:**

- (a) Kos Berubah Sebotol
- (b) Kos Tetap
- (c) Margin Caruman Sebotol
- (d) Titik Pulang Modal
- (e) Lakarkan graf Titik Pulang Modal dengan menunjukkan:
  - (i) Garisan Kos Tetap
  - (ii) Garisan Jumlah Kos
  - (iii) Garisan Jumlah Hasil
  - (iv) Titik Pulang Modal
- (f) Berapa botol sos tiram perlu dikeluarkan jika perniagaan ingin mendapat untung sebanyak RM 8 000
- (g) Keuntungan atau kerugian jika pengeluaran 3 000 botol
- (h) Titik Pulang Modal yang baru jika perniagaan menaikkan Harga Jualan sebanyak 40%. (Andaian Kos Tetap dan Kos Berubah adalah malar).
- (i) Nyatakan 2 kegunaan Titik Pulang Modal.

(Jawapan: a: RM3; b: RM1 800; c: RM2; d: 900 unit; f: 4 900; g: RM4 200; h: 450)

2. Kilang Happy World Sdn Bhd adalah pengeluar sejenis alat permainan kanak-kanak. Data yang diperoleh bagi tahun 2016 dan 2017 adalah seperti berikut:

MPP 3  
2018

Perkara	2016	2017
Pengeluaran (unit)	20 000	25 000
Jumlah kos (RM)	220 000	265 000

Kos tetap dan kos berubah seunit diandaikan malar untuk kedua – dua tahun. Harga jualan seunit bagi tahun 2016 dan 2017 ialah RM17.

**Anda dikehendaki menghitung:**

- Kos berubah seunit
- Kos tetap
- Titik pulang modal
- Kuantiti alat permainan yang perlu dijual untuk mendapatkan keuntungan sebanyak RM50 000
- Titik pulang modal yang baru, sekiranya kos tetap telah meningkat sebanyak RM5 000

(Jawapan: a: RM9; b: RM40 000; c: 5 000 unit; d: 11 250 unit; e: 5 625 unit)

3. Perniagaan Fresh Bake telah mengeluarkan 10 000 biji kek coklat yang dijual pada harga RM30 sebiji untuk pasaran setempat. Maklumat berkaitan pengeluaran kek coklat adalah seperti berikut:

MPP 3  
2018

	RM
Sewa kilang	12 000
Insurans kilang	2 500
Gaji pengurus kilang	20 000
Gaji penyelia kilang	10 500
Kos tepung	5.00 sebiji
Kos coklat	4.50 sebiji
Kos bahan-bahan lain	3.00 sebiji
Upah buruh langsung	5.50 sebiji

**Anda dikehendaki menghitung:**

- Kos tetap
- Kos berubah seunit
- Margin caruman seunit
- Titik pulang modal (dalam unit)
- Jumlah pengeluaran jika perniagaan ingin mendapatkan keuntungan sebanyak RM30000
- Titik pulang modal yang baru jika upah buruh langsung meningkat kepada RM8.50

(Jawapan: i: RM45 000; ii: RM18; iii: RM12; iv: 3 750 unit; v: 6 250 unit; vi: 5 000)

4. Berikut ialah butir-butir operasi sebuah firma pada tahun 2016 dan 2017.

Tahun	Unit	Jumlah Kos (RM)	Jumlah Jualan (RM)
2016	45 000	107 500	112 500
2017	46 000	109 000	115 000

Harga jualan seunit, kos berubah seunit dan kos tetap pada da tahun tersebut malar.

**Anda dikehendaki** menghitung:

- (a) Kos Tetap
- (b) Kos Berubah Seunit
- (c) Harga Jualan Seunit
- (d) Titik Pulang Modal pada tahun 2017
- (e) Jumlah unit yang perlu dijual untuk mendapatkan keuntungan sebanyak RM10 000 pada tahun 2018 dengan andaian kos berubah meningkat menjadi RM2.00 seunit.

*(Jawapan: (a) RM40 000, (b) RM1.50, (c) RM2.50, (d) 40 000 unit, (e) 100 000 unit)*

5. Jadual berikut menunjukkan anggaran jumlah kos dan jumlah hasil Kilang Elektronik Juara pada pelbagai peringkat keluaran.

Paras Keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)	Jumlah Hasil (RM)
0	128 000	0
1 000	208 000	120 000
2 000	288 000	240 000

Kos tetap diandaikan malar.

- (a) Anda dikehendaki menghitung:
  - (i) Kos Berubah Seunit
  - (ii) Harga Jualan Seunit
  - (iii) Titik Pulang Modal
  - (v) jumlah unit yang perlu dikeluarkan untuk mendapatkan keuntungan RM30 000
- (b) Hitungkan Titik Pulang Modal yang baru dengan andaian kos tetap turun 10% , kos berubah dan harga jualan seunit tidak berubah.

*(Jawapan: (a)(i) RM80, (ii) RM120, (iii) 3 200 unit, (iv) 3 950 unit, (b) 2 880 unit)*

6. Anuar Auni Enterprise adalah pengeluar pelbagai jenis kasut. Berikut adalah kos yang terlibat dalam pengeluaran 3 000 pasang kasut.

	RM
Jumlah upah buruh	24 000
Jumlah kos bahan mentah	12 000
Susut nilai mesin dan alatan setahun	6 400
Sewa kilang setahun	9 600
Jumlah jualan	60 000

**Anda dikehendaki menghitung:**

- (a) Kos Tetap
- (b) Kos Berubah Seunit
- (c) Harga Jualan Seunit
- (d) Titik Pulang Modal
- (e) Untung atau rugi jika 1 500 unit dijual
- (f) Jika perniagaan ingin mendapat keuntungan RM14 000 setahun berapa pasang kasut perlu dijual?
- (g) Berdasarkan data di atas dan dengan andaian kos berubah sahaja yang meningkat sebanyak RM2.00 sepasang, anda dikehendaki menyediakan graf titik pulang modal menggunakan skala berikut:  
 paksi x – 2 cm = 500 unit  
 paksi y – 2 cm = RM2 000
- (h) berpandu graf dalam (g), anda dikehendaki:
  - (i) menunjukkan titik pulang modal dalam unit dan RM
  - (ii) menunjukkan kawasan untung dan rugi
  - (iii) menunjukkan untung atau rugi sekiranya perniagaan mengeluarkan 4 000 unit.

*(Jawapan: (a) RM16 000, (b) RM12, (c) RM20, (d) 2 000 unit, (e) Rugi RM4 000, (f) 3 750 unit)*

- 7 Perniagaan Biskut Ferhat Aslan bercadang mengeluarkan biskut jem yang akan dijual pada harga RM12.00 sebungkus.

MPP3  
2020

Berikut adalah maklumat berkaitan pengeluaran biskut jem tersebut:

	RM
Sewa kilang	14 400
Insurans kilang	2 000
Gaji penyelia dan pengurus kilang	30 500
Kos tepung	1.50 sebungkus
Kos jem	1.00 sebungkus
Kos bahan-bahan lain	0.50 sebungkus
Upah buruh langsung	2.00 sebungkus

**Anda dikehendaki** menghitung:

- (i) Kos berubah seunit
- (ii) Margin caruman seunit
- (iii) Titik pulang modal (dalam unit)
- (iv) Unit pengeluaran jika untung sasaran adalah RM35 000

*(Jawapan: (i) RM5, (ii) RM7, (iii) 6 700 unit, (iv) 11 700 unit)*



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA  
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu



**MODUL  
INTERVENSI PEMBELAJARAN  
SPM 2021**

**SKEMA**

PRINSIP PERAKAUNAN

<b>JAWAPAN OBJEKTIF</b>
-------------------------

**MODUL 1 : PENGENALAN, KLASIFIKASI DAN PERSAMAAN, DOKUMEN, BUKU CATATAN  
PERTAMA**

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
A	D	C	D	B	C	A	B	C	A
11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
C	D	C	C	D	A	D	C	D	A

**MODUL 2 : DOKUMEN, BUKU CATATAN PERTAMA, LEJAR DAN IMBANGAN DUGA**

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
B	D	D	C	C	C	C	D	B	A
11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
D	A	C	B	D	A	B	B	A	D
21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
C	C	D	B	D	A	B	C	C	B

**MODUL 3: PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL**

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
C	B	D	A	B	A	B	A	A	D
11	12	13	14	15					
D	B	B	B	D					

**MODUL 4: PELARASAN PADA TARIKH IMBANGAN DAN  
PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL**

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
D	B	B	B	B	C	C	A	C	A
11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
A	B	D	D	B	A	A	D	A	C
21	22	23	24	25	26				
B	C	B	A	C	A				

**MODUL 5: ANALISIS DAN TAFSIRAN PENYATA KEWANGAN**

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
B	C	D	A	C	D	B	A	D	B

**MODUL 6 : REKOD TAK LENGKAP**

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
C	B	C	A	D	B	D	A	A	B
11	12	13	14	15	16	17	18		
B	A	B	A	D	B	D	A		

**MODUL 7 : PENYATA PENYESUAIAN BANK**

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
B	B	A	C	A	B	C	A	D	D
11	12								
B	B								

**MODUL 8 : BELANJAWAN TUNAI**

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
C	A	D	A	C	D	B	B	C	D
11	12	13	14	15	16	17	18	19	
A	C	C	B	B	D	B	A	D	

**MODUL 9 : PERKONGSIAN**

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
C	D	D	C	D	C	C	D	B	C
11	12	13							
C	A	A							

**MODUL 10 : PEMBUBARAN**

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
B	A	C	B	C	B	C	B	B	C
11									
D									

**MODUL 11 : SYARIKAT**

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
A	D	C	D	C	C	B	D	A	C
11	12	13							
B	D	C							

**MODUL 12 : KELAB DAN PERSATUAN**

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
B	B	B	B	D	D	A	D	A	C
11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
D	D	C	D	B	C	A	C	B	C

**MODUL 13 : PENGELUARAN**

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
D	A	B	C	D	D	A	A	B	C
11	12								
A	B								

**MODUL 14 : ANALISIS TITIK PULANG MODAL**

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
C	C	A	C	A	C	B	A	A	C
11									
C									

**BK2 2017**

- 1 (a)
- |                      |           |
|----------------------|-----------|
| Deposit sewa         | Aset      |
| Faedah atas pinjaman | Liabiliti |
- (b) Wang sebagai ukuran  
Usaha berterusan
- (c)
- |         |                      |
|---------|----------------------|
| Dokumen | Buku Catatan Pertama |
| Memo    | Jurnal Am            |
- (d) Nilai  $\text{O} = \text{RM}32\ 100$
- (e) Inventori akhir = Kos jualan – Inventori awal – belian  
=  $90\ 000 - 65\ 000 - 20\ 000$   
=  $\text{RM}5\ 000$

**BK3 2017**

- 2 (a)
- |                           |                        |
|---------------------------|------------------------|
| Syarikat Sendirian Berhad | Perkongsian            |
| Liabiliti terhad          | Liabiliti tidak terhad |
- (b)
- |                 |                   |
|-----------------|-------------------|
| Item            | Klasifikasi Akaun |
| Alat tulis      | Belanja           |
| Stok alat tulis | Aset              |
- (c) Dividen =  $3\ 000$  unit saham  $\times$   $\text{RM}0.12$   
=  $\text{RM}360$
- (d)
- Pindahan Kredit
  - Cek belum dikemukakan
  - Deposit belum dikreditkan
  - Arahan Tetap
  - Kesilapan dalam Buku Tunai
  - Cek tak layan/cek tendang/cek tak laku
- (e) Jumlah yuran tahunan =  $\text{RM}50 \times 90 = \text{RM}4\ 500$

**MPP1 2018**

- 3 (a)
- (i) Perakaunan Kewangan
  - (ii) Perakaunan Pengurusan
  - (iii) Percukaian
  - (iv) Pengauditan
- (b)
- |                      |                   |
|----------------------|-------------------|
| Item                 | Klasifikasi Akaun |
| Faedah atas simpanan | Hasil             |
| Faedah atas pinjaman | Belanja           |

(c)

Dokumen Sumber	Buku Catatan Pertama
Memo	Jurnal Am

(d)

$$\begin{aligned} \text{Susut nilai tahunan} &= \frac{\text{Kos} - \text{nilai skrap}}{\text{Usia guna}} \\ &= \frac{15\,000 - 300}{10} \\ &= \text{RM1 470} \end{aligned}$$

(e)

- (i) Kesilapan ketinggalan
- (ii) Kesilapan komisen
- (iii) Kesilapan prinsip
- (iv) Kesilapan amaun
- (v) Kesilapan terbalik atau songsang
- (vi) Kesilapan saling mengimbangi

<b>MPP2 2018</b>
------------------

4 (a) (i) Hasil

(ii) Belanja

(b)

(i) Invois

(ii) Resit rasmi

(c)

Dt Akaun Bank

Kt Akaun Jualan

(d)

Kedai Buah Jizan

Ini adalah kerana nisbah semasa Kedai Buah Jizan iaitu 2:1 mempunyai lebih kecairan berbanding dengan kedai Tuty Fruitty yang hanya 1.5:1.

(e)

$$\begin{aligned} \text{Untung bersih} &= \text{Modal akhir} + \text{Ambilan} - \text{Modal awal} \\ &= \text{RM35 000} + \text{RM2 200} - \text{RM25 000} \\ &= \text{RM12 200} \end{aligned}$$

<b>MPP3 2018</b>
------------------

5

(a) Ketekalan

Entiti berasingan

(b)

$$\begin{aligned} \text{Peruntukan hutang ragu} &= 2\% \times (2\,800 - 200) \\ &= 2\% \times 2\,600 \\ &= \text{RM52} \end{aligned}$$

(c)

Perniagaan : Kedai Kek Mawar

Alasan : Kerana pulangan atas modal Kedai Kek Mawar lebih tinggi iaitu 37.93% berbanding dengan Kedai Kek Ros iaitu 31.65%

(d) Modal awal = Aset – Liabiliti  
 = (23 400 + 6 500 + 1 200 + 34 700) – 12 900  
 = 65 800 – 12 900  
 = RM52 900

(e) Jumlah penerimaan = 22 500 + 4 200 + 2 400  
 = RM29 100

**MPP2 2019**

6 (a)

- (i) Akaun Ambilan
- (ii) Akaun Peruntukan Hutang Ragu
- (iii) Akaun Susut Nilai Terkumpul

(b)

Akaun didebit	Akaun dikredit
Akaun Alat Tulis	Akaun Belian

(c)

- (i) Tempoh Kutipan Hutang
  - (ii) Tempoh Pembayaran Hutang
- (2)

(d) Kasut yang lebih mahal ialah Jenama X-plisit. Kerana peratus pertambahan atas kos bagi mendapatkan harga jualan adalah lebih tinggi iaitu 80% bagi Jenama X-plisit berbanding Jenama X-treme iaitu 60%.

(e)

- (i) Untung atau rugi dibahagi sama rata
- (ii) Faedah atas pinjaman pekongsi 8% setahun
- (iii) Faedah tidak dibayar atas modal pekongsi
- (iv) Pekongsi yang menguruskan perkongsian tidak dibayar gaji
- (v) Setiap pekongsi berhak menguruskan perniagaan
- (vi) Buku akaun perkongsian disimpan di premis perniagaan

**MPP3 2019**

7 (a) Entiti Berasingan

(b)

i	Penyata Pendapatan / Akaun Perdagangan dan Untung Rugi
ii	Penyata Kedudukan Kewangan

(c) (i) Kesilapan Komisen  
 (ii)

Jurnal Am				
Tarikh	Butir	Fol	Debit	Kredit
	Kadar bayaran Gaji		300	300

(d) Jumlah penerimaan tunai dalam bulan Jun:  
 = (70% x RM2 000) + (30% x RM2 800)  
 = RM1 400 + RM840  
 = RM2 240

- (e) (i) Tokokan / Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan  
(ii) Peratus Untung Kasar atas Jualan / Margin Untung Kasar  
(iii) Peratus Untung Bersih atas Jualan / Margin Untung Bersih  
(iv) Pulangan atas Modal

<b>MPP1 2020</b>
------------------

8 (a)

	Komponen	Akaun	
Akaun	Jualan bersih	Jualan/pul jualan	(1)
Perdagangan	Kos jualan	Belian/angkutan masuk	(1)
dan Untung Rugi	Hasil	Diskaun diterima	(1)
	Belanja	Gaji	(1)

\*Terima mana-mana jawapan yang sesuai selain daripada senarai diberi

- (b) (i) Invois (1)  
(ii) Jurnal Belian (1)
- (c) (i) RM1 000 (1)  
(ii) Melebihi 14 hari (1)
- (d) (i) Peruntukan hutang ragu (1)  
(ii) Pulangan jualan (1)

9. (a) Invois (1)  
Jurnal Am (1)

<b>MPP2 2020</b>
----------------------

- (b) i. Betul (1)  
ii. Betul (1)
- (c) i. Bil tunai, resit, keratan cek, baucer dan mana yang menjadi sumber perekodan  
ii. penyata akaun, penyata bank, nota serahan, nota belian, sebut harga
- (d) RM30 500 – RM500 (1)  
RM30 000

10 (a) J = Modal (1)  
K = Belanja (1)

<b>MPP3 2020</b>
----------------------

(b) P = Kenderaan (1)  
Q = Modal (1)

- (c) (i) Bukti bertulis berlaku ursuniga  
(ii) Untuk tujuan perekodan

- (iii) Rujukan masa hadapan
- (iv) Bahan bukti jika ada kes berbangkit
- (v) Tafsiran cukai

**Mana-mana 2** (2)

- (d) Pelarasan:  
akaun nominal, akaun hasil, akaun belanja, hutang lapuk,  
hutang lapuk terpulih, peruntukan hutang ragu, susut nilai,  
susut nilai terkumpul, pelupusan aset bukan semasa

**Mana-mana 2** (2)

- (e) (i) Kematian  
(ii) Muflis  
(iii) Setuju bubar  
(iv) Pertukaran kepada entiti lain  
(v) Perintah mahkamah  
(vi) Tujuan penubuhan tercapai  
(vii) Tamat tempoh

**Mana-mana 2**

TOV  
2017

## PERSAMAAN PERAKAUNAN

I(a)

LAMPIRAN 1

Bil	ASET						EKUITI PEMILIK + LIABILITI					
